


Jilid 1  
Bil. 28



Hari Rabu  
22hb November, 1978

MALAYSIA

# PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT  
*HOUSE OF REPRESENTATIVES*

PARLIMEN KELIMA  
*Fifth Parliament*

PENGGAL PERTAMA  
*First Session*

## KANDUNGANNYA

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 2697]**

### **RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1979:**

**Jawatankuasa [Hari Ketujuh]—**

**Jadual:**

**Maksud B. 25 [Ruangan 2725]**

### **USUL—**

**Anggaran Pembangunan, 1979:**

**Jawatankuasa [Hari Ketujuh]—**

**Maksud P. 25 [Ruangan 2725]**

MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT YANG KELIMA

*Penyata Rasmi Parlimen*

### PENGGAL YANG PERTAMA

#### AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., D.P.M.J., D.P.M.P., D.S.I.J., J.M.N., P.I.S.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Wilayah Persekutuan, DATO HUSSEIN ONN, D.K. (Johor) (Sri Gading).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, S.S.D.K., S.P.M.S., S.S.A.P. (Kubang Pasu).
- Yang Berhormat Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DATO' LEE SAN CHOON, S.P.M.J., S.S.I.J., K.M.N. (Segamat).
- „ Menteri Pengangkutan, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S. (Pelabuhan Kelang).
- „ Menteri Undang-undang, DATO' SERI HAJI HAMZAH BIN HAJI ABU SAMAH, S.S.A.P., S.I.M.P., S.M.K., S.P.D.K. (Temerloh).
- „ Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TAN SRI ONG KEE HUI, P.M.N., P.N.B.S., P.G.D.K. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TAN SRI HAJI MUHAMMAD GHAZALI BIN SHAFIE, P.M.N., S.I.M.P., S.P.D.K. (Lipis).
- „ Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TAN SRI DATO' HAJI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., S.P.M.J., S.P.D.K. (Tenggaroh).
- „ Menteri Kebajikan Am, DATIN PADUKA HAJAH AISHAH BINTI HAJI ABDUL GHANI, D.P.M.S., J.M.N. (Kuala Langat).
- „ Menteri Pertahanan, DATUK AMAR HAJI ABDUL TAIB BIN MAHMUD, D.A., P.G.D.K. (Samarahan).
- „ Menteri Luar Negeri, Y.M. TENGKU DATO' AHMAD RITHAUDDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, S.P.M.P., P.M.K. (Kota Bharu).
- „ Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' MICHAEL CHEN WING SUM, D.P.M.S. (Ulu Selangor).
- „ Menteri Pelajaran, DATO' MUSA BIN HITAM, S.P.M.J., S.S.I.J. (Labis).
- „ Menteri Kewangan, Y.M. TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., S.P.M.K., P.S.M. (Ulu Kelantan).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATUK ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., P.J.K. (Jelebu).
- „ Menteri Kesihatan, TAN SRI CHONG HON NYAN, P.S.M., J.M.N. (Batu Berendam).
- „ Menteri Pertanian, DATO' SHARIFF AHMAD, D.S.A.P., D.I.M.P., J.M.N. (Jerantut).
- „ Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.S.I.J., D.P.M.J., K.M.N. (Pulau).

- Yang Berhormat** Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, DATO' RICHARD HO UNG HUN, D.P.M.P. (Lumut).
- .. Menteri Perusahaan Utama, TUAN PAUL LEONG KHEE SEONG (Taiping).
- .. Menteri Perusahaan Awam, TUAN ABDUL MANAN BIN OTHMAN, P.P.T. (Kuala Trengganu).
- .. Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, TUAN LEO MOGGIE ANAK IROK (Kanowit).
- .. Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua, DATUK MANSOR BIN OTHMAN (Kuala Pilah).
- .. Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' SRI HAJI KAMARUDDIN BIN MOHD. ISA, S.P.M.P., K.M.N., J.P. (Larut).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, DATO' CHAN SIANG SUN, D.I.M.P., J.S.M., A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- .. Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' MOKHTAR BIN HAJI HASHIM (Tampin).
- .. Timbalan Menteri Kesihatan, DR SULAIMAN BIN HAJI DAUD, J.B.S. (Santubong).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' HAJI RAMLI BIN OMAR, D.P.M.P., K.M.N., P.M.P. (Bagan Serai).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, DR GOH CHENG TEIK (Nibong Tebal).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, DATO' DR NEO YEE PAN, D.P.M.J. (Muar).
- .. Timbalan Menteri Pengangkutan, TUAN MOHD. ALI BIN M. SHARIFF (Kuantan).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S (Saratok).
- .. Timbalan Menteri Kewangan, PUAN RAFIDAH AZIZ, A.M.N. (Selayang).
- .. Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, TUAN K. PATHMANABAN, K.M.N. (Telok Kemang).
- .. Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian, DATO' LEW SIP HON, D.P.M.S., J.M.N., K.M.N. (Shah Alam).
- .. Timbalan Menteri Pelajaran, TUAN HAJI SALLEH JAFARUDDIN (Mukah).
- .. Timbalan Menteri Penerangan, DR LING LIONG SIK (Mata Kuching).
- .. Timbalan Menteri Pertanian, TUAN HAJI ZAKARIA BIN HAJI ABDUL RAHMAN, P.B. (Besut).
- .. Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, DATO' SERI SYED AHMAD AL-HAJ BIN SYED MAHMUD SHAHABUDDIN, S.P.M.K., S.S.D.K., P.G.D.K., J.M.N., J.P. (Padang Terap).
- .. Timbalan Menteri Undang-undang, DATO' ABDULLAH BIN ABDUL RAHMAN, D.P.M.T., K.M.N. (Ulu Nerus).
- .. Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah, TUAN SANUSI BIN JUNID (Jerlun-Langkawi).
- .. Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN S. SAMY VELLU, A.M.N. (Sungei Siput).
- .. Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN MAK HON KAM (Tanjong Malim).
- .. Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK, O.K.I.S. (Pekan).

- Yang Berhormat** Timbalan Menteri Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, DR NIK HUSSEIN BIN HAJI WAN ABDUL RAHMAN, K.M.N. (Kuala Krai).
- „ Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN CLARENCE E. MANSUL (Penampang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebajikan Am, TUAN PATRICK ANEK UREN (Mas Gading).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, TUAN JAWAN ANAK EMPALING (Rajang).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Pertahanan, DATO' ABDUL JALAL BIN HAJI ABU BAKAR, D.P.M.J., S.M.J. A.M.N. (Batu Pahat).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI EMBONG BIN YAHYA, D.P.M.J., A.M.N. (Ledang).
- „ Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN SHAHRIR BIN ABDUL SAMAD (Johor Bahru).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan, TUAN ABDULLAH BIN HAJI AHMAD, K.M.N. (Kepala Batas).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, TUAN ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.M.T., S.M.S., P.I.S. (Kuala Selangor).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Awam, TUAN IDRIS BIN ABDUL RAUF, A.M.P., A.M.N. (Parit Buntar).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama, TUAN ABDUL RAHIM BIN DATUK TAMBY CHIK (Alor Gajah).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan-kemudahan Awam, TUAN WILLIAM LYE CHEE HIEN (Gaya).
- „ Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri, TUAN MOHD. KASSIM *alias* YAHYA BIN AHMAD (Machang).
- „ TUAN ABAH BIN MENGIMBAL *alias* GEORGE ABAH (Bandau).
- „ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).
- „ TUAN ABDUL GHANI BIN MISBAH (Kinabatangan).
- „ TUAN ABDUL KADIR BIN SHEIKH FADZIR (Kulim-Bandar Bahru).
- „ TUAN ABDUL RAHMAN BIN DAUD (Pasir Mas).
- „ DATUK PATINGGI TAN SRI (DR) HAJI ABDUL-RAHMAN BIN YA'KUB, D.P., P.M.N., S.P.M.J., S.I.M.P., S.P.M.K., S.P.D.K., P.N.B.S. (Paloh).
- „ TUAN ABDUL SHUKOR BIN HAJI SIRAJ (Tanjung Karang).
- „ DATUK HAJI ABU BAKAR BIN UMAR, D.S.K.D., S.D.K. (Kota Setar).
- „ TUAN ALIAS BIN MD. ALI (Ulu Trengganu).
- „ TUAN A. K. ALIUDDIN BIN PENGIRAN HAJI MOHD. TAHIR (Kimanis).
- „ TUAN HAJI AMPONG BIN PUYON (Labuk Sugut).
- „ DATUK HAJI ASHKAR HASBOLLAH, P.G.D.K. (Marudu).
- „ TUAN AU HOW CHEONG (Telok Anson).
- „ TUAN AWANG BIN JABAR (Dungun).
- „ TUAN AZHARUL ABIDIN BIN HAJI ABDUL RAHIM, A.M.P. (Batang Padang).
- „ TUAN BUJANG BIN HAJI ULIS (Simunjan).
- „ TUAN CHAN AH KOW *alias* CHAN TECK CHAN (Kota Melaka).

- Yang Berhormat TUAN CHAN KOK KIT *alias* CHAN KIT (Sungai Besi).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban).
- „ TUAN CHIAN HENG KAI (Batu Gajah).
- „ TUAN CHIENG TIONG KAI (Sarikei).
- „ TUAN CHIN HON NGIAN (Renggam).
- „ PUAN CHOW POH KHENG (Ulu Langat).
- „ TUAN PETER PAUL DASON (Bukit Bendera).
- „ TUAN V. DAVID (Damansara).
- „ TUAN RICHARD DAMPING ANAK LAKI (Serian).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ DATUK STEPHEN ROBERT EVANS, P.G.D.K., J.P. (Keningau).
- „ TUAN FUNG KET WING (Sandakan).
- „ DATUK HARRIS BIN MOHD. SALLEH, S.P.D.K. (Ulu Padas).
- „ TUAN HASHIM BIN ENDUT (Ulu Muda).
- „ TUAN HASHIM BIN GHAZALI (Matang).
- „ TUAN HAJI HASSAN ADLI BIN HAJI ARSHAD, J.S.M. (Bagan Datok).
- „ DR HEE TIEN LAI, A.M.N., P.I.S. (Ayer Hitam).
- „ TUAN HIEW NYUK YING (Tawau).
- „ TUAN HISHAMUDDIN BIN YAHAYA (Maran).
- „ TUAN HUSSEIN BIN MAHMOOD (Tanah Merah).
- „ TUAN IBRAHIM BIN MUHAMMAD, P.B., P.P.M., P.P.N. (Rantau Panjang).
- „ TUAN HAJI IKHWAN BIN NASIR (Pontian).
- „ TUAN ISMAIL BIN ARSHAD (Jerai).
- „ TUAN ISMAIL *alias* MANSOR BIN SAID, A.M.N. (Kemaman).
- „ TUAN JAMALUDDIN BIN SUHAIMI, A.M.N., P.J.K. (Sabak Bernam).
- „ TUAN KAMALUDDIN BIN MAAMOR (Hilir Perak).
- „ TUAN KARPAL SINGH (Jelutong).
- „ TUAN MARK KODING (Kinabalu).
- „ TUAN LEE BOON PENG, A.M.N., J.P., P.J.K. (Mantin).
- „ TUAN LEE KAW (Keluang).
- „ TUAN LEE LAM THYE (Kuala Lumpur Bandar).
- „ TUAN LIBEN ANAK KATO (Betong).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Ipoh).
- „ TUAN LIM KIAM HOON *alias* LIM AH YING (Padang Serai).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Petaling).
- „ TUAN LEONARD LINGGI ANAK JUGAH, J.B.S. (Kapit).
- „ TUAN MOHAMAD TAJOL ROSLI BIN MOHAMED GHAZALI (Gerik).
- „ TUAN HAJI MOHAMED BIN HAJI ALI, K.M.N., A.M.N., P.B. (Nilam Puri).
- „ TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kuala Muda).
- „ TAN SRI DATUK HAJI MOHAMED SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).

- Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMMAD TAUFECK BIN O. K. K. HAJI ASNEH, B.S.K., B.K.,  
P.P.M. (Hilir Padas).
- „ TUAN MOHD. BAKRI BIN ABDUL. RAIS, A.M.P. (Parit).
- „ TUAN HAJI MOHD. IDRIS BIN HAJI IBRAHIM, J.S.M. (Setapak).
- „ TUAN MOHD. NAPI *alias* NAKHAIE BIN HAJI AHMAD (Baling).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).
- „ TUAN MUHIYUDDIN BIN HAJI MOHAMED YASSIN, P.I.S. (Pagoh).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TUAN HAJI NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, K.M.N., J.P. (Pengkalan Chepa).
- „ DATUK NIK HASSAN BIN ABDUL RAHMAN, S.P.M.T., P.S.D., K.M.N.  
(Kuala Nerus).
- „ DATUK JAMES PETER ONGKILI (Tuaran).
- „ TUAN Oo GIN SUN, A.M.K. (Alor Setar).
- „ TUAN P. PATTO (Menglembu).
- „ TUAN RACHA UMONG (Bukit Mas).
- „ DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI (Silam).
- „ DATUK SENU BIN ABDUL RAHMAN (Kuala Kedah).
- „ TUAN SEOW HUN KHIM (Bukit Mertajam).
- „ TUAN SHAARI BIN JUSOH, P.P.N., P.P.M. (Kangar).
- „ TUAN SHAMSURI BIN MD. SALLEH, A.M.N., J.P. (Balik Pulau).
- „ PUAN SHARIFFAH DORAH BINTI MOHAMMED (Semerah).
- „ TUAN SIBAT MIYUT ANAK TAGONG (Ulu Rajang).
- „ TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).
- „ TUAN HAJI SUHAIMI BIN DATUK HAJI KAMARUDDIN, A.M.N. (Sepang).
- „ TUAN SYED HASSAN BIN SYED MOHAMED, P.J.K. (Arau).
- „ TUAN RAYMOND SZETU MEI THONG (Lambir).
- „ DR TAN KOON SWAN, A.M.P., J.P. (Raub).
- „ DR TAN TIONG HONG (Kepong).
- „ TENGKU NOOR ASIAH BINTI TENGKU AHMAD, A.M.N., P.B. (Tumpat).
- „ TUAN TING CHEK MING (Bruas).
- „ TUAN TING LING KIEW (Bintulu).
- „ TUAN UMAR BIN HAJI ISMAIL, A.M.N., P.P.T. (Padang Rengas).
- „ WAN MOHD. NAJIB BIN WAN MOHAMAD (Pasir Puteh).
- „ WAN ZAINAB BINTI M. A. BAKAR, A.M.N., P.J.K. (Sungai Petani).
- „ TUAN WONG HOONG KEAT (Tanjong).
- „ DR WONG SOON KAI, P.B.S. (Sibu).
- „ TUAN YANG CHOONG FU (Kinta).
- „ PUAN YONG FATIMAH BINTI MOHD. RAZALI, A.M.N., P.J.K. (Kuala Kangsar).
- „ DATUK STEPHEN YONG KUET TZE, P.N.B.S. (Padawan).
- „ TUAN YUSOF BIN MALIM KUNING *alias* ABDUL RAHMAN BIN MOHD. JANI,  
P.I.S., B.S.I. (Panti).
- „ TUAN HAJI ZABIDI BIN HAJI ALI (Permatang Pauh).

## DEWAN RAKYAT

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat: Datuk Azizul Rahman bin Abdul Aziz.

Pemangku Timbalan Setiausaha: Mohd. Salleh bin Abu Bakar.

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid.

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting: Yahya Manap.

Penolong Penyunting: P. B. Menon.

Penolong Penyunting: Osman bin Sidik.

#### *Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy.

Louis Yeoh Sim Ngoh.

Abdul Rahman bin Haji Abu Samah.

Suhor bin Husin.

Amran bin Ahmad.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof.

Margaret Chye Kim Lian.

Puan Ng Chong Kin.

Puan Kong Yooi Thong.

Juliah binti Awam.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Hassan.

Shamsiah binti Mohd. Yusof.

Kalsom binti Ghazali.

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Musa bin Alang Ahmad.

## MALAYSIA

## DEWAN RAKYAT

---

 Rabu, 22hb November, 1978
 

---

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

## DOA

(Tuan Yang di-Pertua *memengerusikan Mesyuarat*)

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT  
BAGI PERTANYAAN-  
PERTANYAAN**

**BARISAN KERUSI-KERUSI DI DEWAN  
RAKYAT**

1. Tuan Azharul Abidin bin Abdul Rahim (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat yang duduk di hujung Dewan Rakyat ini duduk dalam keadaan yang kurang selesa, kerana mereka terpaksa menjulurkan/menegangkan leher mereka apabila memandang ke arah Tuan Speaker dan mendengar ucapan-ucapan Tuan Speaker dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang berdekatan dengan Tuan Speaker. Jika ya, samada Kerajaan akan mengatur semula (*rounding up*) barisan-barisan kerusi di hujung Dewan Rakyat ini menjadi bentuk 'U' oleh kerana bahagian-bahagian tertentu Bangunan Parlimen ini akan diperbaiki.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Shahrir bin Abdul Samad): Tuan Yang di-Pertua, saya sedar bahawa keadaan Dewan ini adalah kurang selesa bagi Ahli-ahli Yang Berhormat yang duduk di hujung Dewan ini apabila hendak memandang ke arah Tuan Yang di-Pertua atau Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain semasa mereka berucap. Saya difahamkan bahawa alat-alat pendengar yang baru telah dipasang di meja Ahli-ahli Yang Berhormat bagi membantu Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian mendengar ucapan-ucapan dengan lebih jelas lagi. Oleh hal yang demikian, walaupun setengah Ahli-ahli Yang Berhormat, khususnya mereka yang duduk di hujung

Dewan ini, menghadapi masalah untuk memandang wajah Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Yang Berhormat yang berdekatan dengan Tuan Yang di-Pertua, tetapi sekurang-kurangnya mereka boleh mendengar ucapan-ucapan dengan lebih baik lagi.

Buat masa ini Kerajaan tidak bercadang untuk mengubah bentuk dan kedudukan susunan tempat duduk yang terdapat di dalam Dewan sekarang ini.

## STADIUM MERDEKA

2. Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada beliau sedar ramai peminat-peminat yang merasa hampa kerana tidak dapat masuk ke Stadium Merdeka bagi menonton pertandingan bolasepak yang besar-besar kerana stadium ini kecil; jika sedar, adakah beliau bercadang membina sebuah stadium yang lebih besar.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (Tuan Luhut Wan): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sedar bahawa ramai peminat sukan tidak dapat masuk ke Stadium Merdeka bagi menonton pertandingan bolasepak yang besar-besar. Ahli Yang Berhormat adalah dimaklumkan bahawa perkara ini adalah dalam kajian Kementerian ini.

## PEMBEKAL MINYAK KELAPA SAWIT

3. Tuan Oo Gin Sun minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan oleh kerana perselisihan yang menjadi-jadi di antara pembekal-pembekal minyak kelapa sawit dan pihak penapis-penapis tempatan meliputi bekalan-bekalan sama ada beliau akan mengambil tindakan segera untuk mengadakan suatu pertukaran barangan

(commodity exchange) di Kuala Lumpur bagi menyelaraskan operasi kedua-dua bahagian Perindustrian ini walaupun telah diperkatakan usaha-usaha yang awal bagi mengadakan Pertukaran (Exchange) ini sedang dijalankan.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Perusahaan Utama (Tuan Abdul Rahim bin Datuk Thamby Chik):** Tuan Yang di-Pertua, mengenai soalan yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ingin saya menjelaskan bahawa masalah antara pengeluar-pengeluar dan penapis minyak kelapa sawit telahpun diberi perhatian sewajarnya dan mereka telahpun mencapai persetujuan untuk mengatasi masalah itu. Perkara ini telah saya huraikan dengan panjang lebar pada 20hb November lalu bagi menjawab soalan Ahli Yang Berhormat juga.

Perlu diambil perhatian bahawa perjalanan pasaran barangan yang dimaksudkan tidak semestinya dapat menyelesaikan seratus peratus masalah kedua belah pihak yang terlibat kerana masalah mereka adalah berkaitan dengan pembekalan minyak sawit dalam bentuk fizikal, sedangkan sesuatu pasaran barangan wujud untuk tujuan-tujuan pasaran hadapan atau 'futures trading' yang seterusnya mempengaruhi perkembangan harga pasaran fizikal. Inilah fungsi pasaran barangan yang terpenting: ia memberi kemudahan penentuan harga yang lebih adil dan dengan adanya sistem seperti ini pengeluar dan pengguna termasuk penapis-penapis dapat menggunakan pasaran ini dari segi faedah 'hedging' iaitu satu cara atau teknik pemasaran yang akan dapat melindungi pengeluar dan juga pengguna dari masalah turun naik harga.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama telahpun membuat kenyataan penuh dalam akhbar mengenai penubuhan pasaran barangan ini pada 29hb Oktober yang lalu. Kajian-kajian serta kerja persiapan asas telahpun disempurnakan dan Kementerian saya dengan kerjasama Kementerian dan Ajensi-ajensi Kerajaan yang berkaitan, sedang mengambil tindakan untuk melaksanakan projek ini sebagai satu tindakan prioriti. Rundingan-rundingan juga sedang diadakan dengan beberapa pihak bagi mendapatkan

kepakaran-kepakaran yang perlu untuk membantu dan melatih dalam soal-soal pentadbiran dan pengawasan pasaran barangan itu nanti.

#### **RUMAH PEKERJA-PEKERJA LADANG/LOMBONG**

**4. Tuan P. Patto (di bawah S. O. 24 (2))** minta Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat menyatakan sama ada beliau boleh memberitahu Dewan ini langkah-langkah yang telah diambil oleh pasukan petugas yang dilantik oleh bekas Perdana Menteri untuk memberi kemudahan mempunyai rumah kepada pekerja-pekerja ladang dan lombong. Sila nyatakan bilangan rumah-rumah yang telah diuntukkan kepada pekerja-pekerja lombong dan ladang sehingga 31hb Disember, 1977.

**Timbalan Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat (Tuan K. Pathmanaban):** Tuan Yang di-Pertua, laporan Pasukan Petugas yang membuat perakuan sekim memiliki rumah bagi pekerja-pekerja ladang dan lombong telah dikemukakan kepada Kerajaan dalam bulan Mei, 1973. Pada tahun 1976 satu tabung pusingan telah ditubuhkan oleh Kerajaan pusat di bawah kelolaan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, bagi memudahkan pelaksanaan sekim ini.

Semenjak dari itu, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat telah mengambil langkah-langkah positif untuk menggesa majikan-majikan dalam perusahaan ladang dan lombong supaya menyertai sekim ini. Kementerian saya juga telah mengadakan perbincangan-perbincangan dengan Kerajaan-kerajaan Negeri untuk membuat satu cara dan peraturan bagi kerja-kerja "Sub-division" tanah-tanah ladang dan lombong dan juga untuk meluluskan pelan-pelan perumahan tersebut dan cara-cara bayaran yang perlu dibuat. Perbincangan-perbincangan berasingan juga telah diadakan dengan tiap-tiap Kerajaan Negeri kerana masalah tanah ini adalah di bawah bidangkuasa Kerajaan Negeri. Sukacita saya memaklumkan di sini bahawa pada masa sekarang kita telah dapat mengadakan satu cara penyelarasan dan peraturan yang sesuai dengan hampir semua Kerajaan Negeri. Setengah-tengah Kerajaan Negeri seperti Selangor, telah membentuk Jawatankuasa

Khas di peringkat Negeri itu juga bagi melaksanakan sekim ini dengan lebih cepat lagi.

Berhubung dengan pelaksanaan sekim ini pula, sambutan dari pihak majikan adalah menggalakkan. Misalnya, Barlow Boustead Agencies Sdn Bhd telah pun menyiapkan pembinaan sebanyak 150 unit rumah di Ladang Batu Pekaka, Kuala Ketil, Kedah pada akhir tahun 1977 dan unit-unit ini telah pun diduduki oleh pekerja-pekerja dalam bulan Februari 1978. Sebanyak 82 unit lagi sedang dibina dan akan siap pada akhir tahun ini. Di Ladang Tennamaram, Batang Berjantai, Selangor, di bawah pengurusan Sime Darby Plantation Sdn Bhd telah merancang untuk membina sebanyak 110 unit rumah yang mana 38 unit telahpun siap, sementara kerja pembinaan sedang berjalan bagi unit-unit yang lain. Di Perak pula, Ladang Dovenby, Sungai Siput, Perak yang dipunyai oleh pihak NUPW telah membina sebanyak 108 unit rumah dan rumah-rumah ini telah pun diduduki oleh pekerja-pekerja. Selain dari ini seramai 50 tuan-tuan punya ladang dan lombong yang telah menunjukkan minat mereka untuk menyertai sekim ini. Ini termasuk 10 di Johor, 16 di Selangor, 2 di Negeri Sembilan, 17 di Perak, 3 di Pahang, 1 di Melaka dan 1 di Kedah. Majikan-majikan ini sekarang dalam proses memilih tapak-tapak yang sesuai menyediakan pelan-pelan rumah dan lain-lain dan mereka sentiasa berhubung rapat dengan Kerajaan Negeri untuk mendapatkan kelulusan sebelum melaksanakan sekim tersebut.

**Tuan Bujang bin Haji Ulis:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa terdapat di kawasan-kawasan luar bandar yang mempunyai kilang-kilang kayu (sawmill) tidak memberi layanan yang sewajarnya kepada pekerja seperti memberi rumah dan sebagainya. Adakah sekim seperti ini hendak dilancarkan atau dilanjutkan ke kawasan-kawasan seperti itu.

**Tuan K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, sekim memiliki rumah pekerja-pekerja ini dihaskan untuk ladang-ladang dan lombong-lombong dan Pasukan Petugas yang ditubuhkan dahulunya diberi tanggungjawab untuk menyokong rancangan ini sahaja. Di kilang-kilang belum ada sekim

seperti ini dan jika ada peluang yang sesuai kita memang sedia untuk menggalakkan sekim seperti ini. Tetapi saya harus juga mengatakan di sini bahawa kilang-kilang dan lain-lain tempat pekerjaan tidak mempunyai tanah yang luas untuk diberikan kepada pekerja-pekerja bagi tujuan mendirikan rumah mereka. Walhal di lombong dan di ladang-ladang tanah yang cukup sedia ada dan peluang untuk membinakan rumah-rumah untuk pekerja di situ juga lebih baik.

**Tuan P. Patto:** Soalan tambahan. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada berkata bahawa selepas menerima laporan daripada Pasukan Petugas maka Kerajaan telah menubuhkan satu Tabung wang Pusingan \$10 juta. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri sama ada Tabung Pusingan \$10 juta ini ditubuh hanya untuk pekerja-pekerja dari lombong dan ladang-ladang selepas menerima syor-syor yang dibuat dalam laporan Pasukan Petugas ataupun Tabung Wang Pusingan \$10 juta ini adalah untuk pinjaman bagi semua orang, tidak kira sama ada dari lombong atau ladang bagi maksud membina rumah atau membantu dalam pembelian rumah.

**Tuan K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, saya rasa Ahli Yang Berhormat itu tidak ada di sini pada masa Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah menjawab soal beliau juga di Dewan ini beberapa hari dahulu dan telah menerangkan kedudukan tabung ini yang mempunyai 3 sekim—A, B dan C. Sekim A dan B adalah untuk permohonan perseorangan dan sekim C di bawah Tabung ini adalah khas untuk sekim-sekim yang melibatkan lombong dan ladang. Ini sudah dijelaskan beberapa kali dalam Dewan ini.

**Tuan Lim Kit Siang:** Soalan tambahan. Sudah 5 tahun atau lebih semenjak penubuhan Pasukan Petugas ini adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri tahu pada saat ini berapa orang pekerja-pekerja, baik dalam lombong ataupun di ladang-ladang yang ada menikmati dengan mendapat rumah-rumah akibat daripada laporan Pasukan Petugas itu.

**Tuan K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab perkara ini tadi.

**Tuan P. Patto:** Soalan tambahan. Memang apa Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tadi saya sedar tetapi apa yang saya hendak tahu adakah \$10 juta kesemuanya untuk pekerja-pekerja lombong dan ladang sepertimana dituntut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri ataupun adakah ini untuk semua pekerja-pekerja yang berpendapatan rendah seperti diterangkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan dahulu.

**Tuan K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tahu apa sebabnya perkara ini mengelirukan Ahli Yang Berhormat. Jika \$10 juta dikhaskan dan dari \$10 juta ini terdapat 3 kumpulan yang boleh dapat pinjaman sudah tentu bahawa satu golongan tidak boleh dapat \$10 juta itu. Jumlah ini mestilah dibahagi-bahagikan seperti yang diperlukan.

**Tuan P. Patto:** Tuan Yang di-Pertua; Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri telah mengelirukan rakyat dengan perkataan seperti ini. Soalan tambahan saya ialah bolehkah pihak Kerajaan mengadakan satu Rang Undang-undang yang boleh memaksa setiap syarikat-syarikat asing seperti Sime Darby, Guthrie atau apa sahaja untuk membina rumah bagi pekerja-pekerja ladang dan juga syarikat-syarikat asing yang mempunyai lombong untuk membina rumah-rumah bagi pekerja-pekerja lombong oleh kerana mereka sudahpun membolot berjuta-juta ringgit daripada negara kita hasil daripada peluh yang dikeluarkan oleh pekerja-pekerja kita.

**Tuan K. Pathmanaban:** Tuan Yang di-Pertua, setakat ini, tidak. Tetapi saya harus juga mengatakan bahawa sekim yang dijalankan ini adalah bukan sahaja untuk ladang-ladang atau lombong-lombong yang dipunyai oleh orang asing tetapi juga ladang-ladang dan lombong-lombong yang dipunyai oleh orang tempatan. Kita fikir setakat ini penerimaan rancangan ini di kalangan kedua-dua pihak ini adalah menggalakkan dan kita akan mengkaji kedudukan ini dari masa ke semasa.

#### HOSPITAL DESA CHANGKAT MELINTANG

5. **Tuan Mohd. Bakri bin Abdul Rais** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada

beliau sedat bahawa Kementerian beliau dalam tahun 1977 telah meluluskan peruntukan untuk membesarkan hospital desa Changkat Melintang di Kawasan Bota di mana penduduknya terdiri 100% Bumiputra. Bilangan katil yang ada sekarang ialah 14 buah dan jumlah ini adalah sangat jauh dari mencukupi dan perkara ini telah beberapa kali dibangkitkan dalam Dewan ini. Jika ya, apakah langkah yang akan diambil supaya pelaksanaan projek ini dapat dijalankan dengan secepat mungkin.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan (Tuan Jawan anak Empaling):** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa kedudukan sekarang ialah Hospital Changkat Melintang mempunyai 27 katil dan bukan 14. Adalah benar Kementerian saya telah menyediakan peruntukan bagi menambah lagi sebuah ward yang baru mengandungi 20 katil di hospital tersebut. Projek ini sekarang ialah dalam peringkat penyediaan kertas-kertas tawaran tender.

#### KEBENARAN BELAJAR DI AUSTRALIA/NEW ZEALAND/ MESIR/TIMUR TENGAH/INDONESIA

6. **Tuan Lee Boon Peng** minta Menteri Pelajaran menyatakan bilangan permohonan untuk kebenaran belajar di Australia, New Zealand, Mesir dan Negara-negara Timur Tengah dan Indonesia masing-masingnya yang telah diterima dari 1976 hingga Ogos 1978. Berapa permohonan telah berjaya dan untuk apa peringkat pengajian dan berapa telah ditolak dan sebab-sebabnya.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Tuan Haji Salleh bin Jafaruddin):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian saya cuma menaja pemohon-pemohon persendirian dari warganegara Malaysia yang ingin melanjutkan pelajaran di United Kingdom, Indonesia dan Pakistan sahaja. Bagi mereka yang hendak pergi ke Australia, New Zealand, Mesir dan negara-negara Timur Tengah, mereka dikehendaki berhubung terus dengan Kedutaan/Suruhanjaya Tinggi yang berkenaan dengan mengikut peraturan-peraturan yang ada di perwakilan-perwakilan negara tersebut di Kuala Lumpur.

Kementerian saya telah menerima sebanyak 162 permohonan untuk mengikuti kursus-kursus di Indonesia daripada 1976 hingga Ogos 1978. Semua pemohon-pemohon yang hendak belajar di Indonesia dikehendaki mengisi Borang Tajaan yang boleh didapati di Kementerian saya. Selepas Borang Tajaan ini diproses di Bahagian Biasiswa dan Taja, permohonan-permohonan ini dikemukakan kepada Kedutaan Besar Indonesia di Kuala Lumpur untuk dimajukan kepada pihak berkenaan di Indonesia untuk dipertimbangkan.

Pecahan kursus-kursus yang dipohon di Indonesia oleh penuntut-penuntut bagi tempoh tersebut adalah seperti berikut:

(i) Pra Universiti .. .. .	8
(ii) Perubatan .. .. .	13
(iii) Kejuruteraan .. .. .	19
(iv) Ekonomi .. .. .	7
(v) Sastera .. .. .	47
(vi) Pendidikan & Pengajian Ugama	30
(vii) Pertanian .. .. .	5
(viii) Seni Pertukangan .. .. .	2
(ix) Sains .. .. .	20
(x) Ilmu Hukum .. .. .	2
(xi) Lain-lain .. .. .	9

Permohonan-permohonan ini ditimbang dan dipersetujui oleh Kerajaan Indonesia dan bukan Kementerian saya. Oleh yang demikian, Kementerian saya tidak mengetahui bilangan yang berjaya dan sebab-sebab setengah permohonan-permohonan itu ditolak.

#### POSTER BARISAN NASIONAL DALAM PILIHANRAYA UMUM

7. Tuan P. Patto (*di bawah S. O. 24 (2)*) minta Menteri Penerangan menyatakan:

- (i) berapa banyak wang telah digunakan oleh Kerajaan bagi mencetak, membuat papan-tanda dan poster-poster yang menunjukkan bahawa Perdana Menteri menyuruh rakyat Malaysia mengundi Barisan Nasional dalam Pilihanraya Umum 1978; dan

- (ii) adakah beliau berniat menghentikan salahguna kuasa pada masa hadapan oleh kerana harta benda Kerajaan bukanlah dipunyai oleh Barisan Nasional.

**Menteri Penerangan (Dato Mohamed bin Rahmat):** Tuan Yang di-Pertua, menjawab soalan pertama, tidak ada poster-poster dan papan-tanda yang dibuat oleh Kerajaan yang menunjukkan bahawa Perdana Menteri menyuruh rakyat Malaysia mengundi Barisan Nasional dalam Pilihanraya yang lalu.

Segala papan-tanda dan poster-poster yang dikeluarkan dari masa ke semasa adalah sebahagian daripada tugas Kementerian ini untuk menyampaikan sesuatu maklumat kepada rakyat menggesa rakyat memainkan peranan dan tanggungjawab mereka demi kepentingan negara, terutama dari segi perpaduan dan keselamatan. Maka oleh itu soalan nombor (ii) tidak timbul.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri Penerangan sedar bahawa poster dan papan-tanda yang dimaksudkan oleh wakil dari Ipoh itu ialah seruan Perdana Menteri supaya rakyat bersatu untuk keadilan, keselamatan dan kemakmuran dan ini bukanlah untuk kempen mengundi Barisan Nasional? Sekiranya sedar, apakah pertanyaan seperti ini adalah dengan sendirinya menyatakan hasrat dan perasaan wakil dan partinya untuk menentang perpaduan dan tidak inginkan keadilan, keselamatan dan kemakmuran dalam negeri ini?

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini keluar daripada soalan asal.

**Tuan P. Patto:** Tadi Yang Berhormat Menteri ada mengatakan bahawa papan-papan tanda dan poster-poster adalah dikeluarkan dari masa ke semasa. Saya ingin tahu daripada Yang Berhormat Menteri, adakah papan-tanda yang didapati di Angkasapuri dan di beberapa tempat di seluruh negara dengan gambar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah satu-satunya yang dibuat untuk menyatupadu, mendapat keadilan dan kemakmuran ataupun dibuat dengan tujuan untuk memancing undi

kerana papan-papan tanda itu dipamir menjelang pilihanraya.

**Dato Mohamed bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab tadi.

**Tuan Yusof bin Malim Kuning:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Dari keterangan Yang Berhormat Menteri tadi terang tidak ada digunakan wang Kerajaan untuk mencetak poster, tetapi dengan soalan ini seolah-olah DAP hendak publisiti murah. Jadi, adakah Yang Berhormat Menteri Penerangan bercadang supaya di dalam masa Dewan ini bersidang, bagi mengajar mereka ini supaya gambar-gambar mereka jangan disiarkan dalam TV Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Apa ayat yang akhir tadi, saya tidak dengar.

**Tuan Yusof bin Malim Kuning:** Supaya gambar-gambar mereka yang terdiri dari parti Pembangkang ini jangan disiarkan dalam TV Malaysia sebab TV juga bukan kepunyaan ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu lain, tidak ada kena mengena dengan soalan ini. Tidak ada kaitan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kalau sebenarnya papan tanda didirikan beberapa hari sebelum hari nomination ialah untuk tujuan perpaduan, keselamatan negara. Bolehkah Yang Berhormat Menteri Penerangan menerangkan kenapa ada di tempat-tempat di mana papan tanda ada didirikan dalam masa tempoh pilihanraya, selepas pilihanraya papan tanda diturunkan? Ertinya tidak berguna lagi.

**Dato' Mohamed bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tahu di mana papan tanda yang telah diturunkan. Jangan Yang Berhormat hendak buat kenyataan sesuka hati dalam Dewan ini. Belum ada lagi papan tanda yang telah dinaikkan itu telah diturunkan.

**Tuan Lim Kit Siang:** Bolehkah Yang Berhormat Menteri memberitahu berapa papan tanda telah didiri dan berapa papan tanda lagi ada?

**Tuan Yang di-Pertua:** Itu berkehendakkan notis.

**Tuan Mohamad Tajol Rosli bin Mohamed Ghazali:** Tuan Yang di-Pertua, saya ingin

bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sama ada papan-papan tanda ini seharusnya diturunkan selepas pilihanraya kerana papan-tanda ini masih lagi ada di Taman Kanak-kanak di jalan masuk ke Ipoh. Adakah papan-papan tanda ini seharusnya diturunkan ataupun adakah papan tanda ini akan dibiarkan selama-lamanya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah dijawab oleh Yang Berhormat Menteri tadi, tidak diturunkan.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat Menteri sedar, kalau saya tidak silap, kes papan tanda ini sudah dibawa ke mahkamah oleh pihak parti DAP dan mahkamah telah menolak dakwaan DAP yang mengatakan papan tanda ini untuk publisiti Barisan Nasional. Jadi dengan cubaan membawa soalan ini dalam Parlimen, adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa ini adalah satu cubaan daripada DAP untuk mendapat publisiti yang murah?

**Dato' Mohamed bin Rahmat:** Saya fikir.

**Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat Menteri Penerangan sedar bahawa papan tanda ini ditimbulkan apabila dekat dengan pilihanraya kerana pada masa dekat pilihanraya didapati parti-parti Pembangkang ini selalu membawa issue perkauman dan juga di saat itu terbayang yang rakyat kita seolah-olah akan berpecah oleh perkara-perkara yang dibawa oleh parti Pembangkang seperti DAP sendiri. Jika sekiranya sedar, maka papan tanda ini patutkah diperbanyakkan lagi?

**Dato' Mohamed bin Rahmat:** Tuan Yang di-Pertua, saya suka menegaskan di sini bahawa bukanlah tujuan papan tanda itu untuk pilihanraya sebagaimana saya tegaskan tadi. Malahan gambar itu telahpun kita gunakan untuk kalender pula untuk mengingatkan rakyat supaya mereka itu terus bersatupadu, terus untuk mewujudkan keadilan, keselamatan dan kemakmuran kerana banyak masalah yang sedang dihadapi oleh negara. Jadi, selagi rakyat berbilang kaum ini boleh terus berwaspada, terus bersatupadu, maka segala masalah yang dihadapi oleh negara dan bangsa itu akan

dapat kita atasi. Saya tidak tahulah apa sikap parti Pembangkang dalam hal ini. Tetapi kalau dirasakan perlu kita membuat papan tanda dan poster-poster yang lebih banyak lagi untuk menyuruh rakyat ber-satupadu, itu kalau ada duitnya kita buat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini kalender tahun berapa Yang Berhormat? (*Ketawa*)

**Dato' Mohamed bin Rahmat:** Maaf, saya mohon menunjukkan, ini kalender untuk tahun 1979, bukan tahun 1978.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh diberi kepada Ahli-ahli Yang Berhormat semua bila siap.

**Dato' Mohamed bin Rahmat:** Saya akan terima cadangan Tuan Yang di-Pertua.

### LALULINTAS DI BANDARAYA KUALA LUMPUR

8. **Tuan Azharul Abidin bin Haji Abdul Rahim** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan apa langkah-langkah yang sedang diambil untuk meluaskan lagi jalanraya yang sempit di daerah Wilayah Persekutuan akibat infrastruktur bandar yang lama yang menjadikan kesesakan lalulintas dan adakah Kerajaan sedar bahawa keadaan kesesakan seperti ini akan berterusan jika tidak diperbaiki.

**Setiasaha Parlimen Kementerian Wilayah Persekutuan (Tuan Abdullah bin Haji Ahmad):** Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat atas perhatian yang telah ditunjukkan kepada masalah kesesakan lalulintas di Bandaraya Kuala Lumpur dan Kerajaan memanglah sedar bahawa masalah kesesakan lalulintas ini mesti diatasi dan langkah-langkah yang telahpun diambil oleh Kerajaan berhubung dengan perkara ini telahpun saya maklumkan kepada Dewan yang mulia ini pada 7hb November yang lalu dan oleh itu saya fikir tidak payahlah maklumat-maklumat itu diberi sekali lagi pada hari ini.

### BALAI POLIS PADANG SERAI

9. **Tuan Lim Kiam Hoon** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sama ada

beliau bercadang membina balai Polis yang baru serta rumah-rumah kediaman bagi anggota Polis di Padang Serai dan menaikkan tarafnya kepada balai Polis daerah kecil memandangkan kawasan yang luas di bawah jagaannya termasuk kampung-kampung dan ladang-ladang dan di sekelilingnya.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-hajj):** Tuan Yang di-Pertua, peruntukan telah dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Ketiga untuk membina sebuah balai Polis baru dan 11 unit rumah kediaman bagi anggota-anggota Polis di Padang Serai, Kedah. Pada masa ini permohonan tapak tanah bagi projek ini telahpun dibuat dan pembinaan dijangka akan dimulakan selepas permohonan itu diluluskan. Memandangkan kepada kedudukan dan peranan balai Polis yang sedia ada pada masa sekarang adalah memadai untuk mengawal kawasan-kawasan di sekitarnya, maka Kerajaan tidak bercadang menaikkan tarafnya ke peringkat yang lebih besar lagi.

### CUKAILADA HITAM

10. **Tuan Lee Kaw** minta Menteri Kewangan menjelaskan banyakkah cukai yang didapati dari lada hitam antara 1970-1977. Apakah beliau akan menimbangkan pengecualian cukai kepada pekebun-pekebun lada hitam di Sarawak, Sabah dan Johor oleh kerana kos penanaman yang tinggi.

**Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Dr Neo Yee Pan):** Tuan Yang di-Pertua, jumlah duti eksport atas lada hitam dan putih yang telah dipungut di antara 1970-1977 adalah lebih kurang \$83 juta. Kerajaan tidak dapat menimbangkan pengecualian duti eksport semata-mata atas alasan bahawa kos penanaman telah bertambah. Kenaikan kos penanaman bukan sahaja dialami oleh pekebun-pekebun lada hitam dan lada putih, tetapi dialami juga oleh pengeluar-pengeluar hasil tanaman utama yang lain seperti getah dan kelapa sawit. Kenaikan kos penanaman boleh diambilkira di dalam struktur duti eksport. Sebagai Ahli Yang Berhormat maklum, Kerajaan telahpun baru-baru ini meminda struktur duti eksport atas lada hitam dan putih kepada satu struktur yang lebih sesuai daripada dahulu. Contohnya, duti

ekspot atas lada hitam hanya dikenakan bila harga melebihi \$100 satu pikul berbanding dengan cukai pada masa yang lalu yang dikenakan diparas harga \$40 satu pikul. Mengenai lada putih pula, duti eksport dimulakan manakala harganya melebihi \$110 sepikul berbanding dengan harga yang melebihi hanya \$55 mengikut kadar lama.

Sukacita juga saya memaklumkan bahawa kedudukan perusahaan lada adalah dalam perhatian. Di samping itu persoalan cukai atas barang ini juga sentiasa di dalam kajian dan semakan Kerajaan.

**Tuan Chan Teck Chan:** Soalan tambahan. Adakah Timbalan Menteri sedar bahawa kaum pekebun kecil lada ada mengemukakan memorandum kepada pihak Kementerian Kewangan untuk merayu supaya Kementerian Kewangan dapat mengecualikan cukai eksport yang tinggi, kerana saya dapati cukai eksport yang telah diperolehi selama enam tahun hanya \$83 juta sahaja maka bolehkah Timbalan Menteri menimbangkan sebagai langkah yang berkesan untuk menggalakkan perusahaan lada hitam ini, maka cukai eksport itu dikurangkan lagi supaya kaum pekebun kecil lada itu boleh dibebaskan daripada mengalami masalah ekonominya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jawapan sudah ada terkandung dalam jawapan asal tadi. Ada hendak tambah?

**Dato' Dr Neo Yee Pan:** Tuan Yang di-Pertua, seperti yang saya sebutkan tadi struktur duti ini baru dikuatkuasakan dan oleh yang demikian, ianya diberi masa untuk memastikan sama ada ianya memberi kesan seperti yang diharapkan. Tadi saya ada sebutkan yang perkara itu dalam kajian dan pertimbangan oleh Kementerian saya.

**Tuan Lim Kit Siang:** Adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa struktur baru untuk duti eksport lada hitam mengakibatkan tidak puas hati di kalangan pekebun lada hitam, dan adakah Kementerian Kewangan menerima apa-apa memorandum atau permintaan daripada Kementerian/Menteri Pertanian negeri Sarawak mengenai suatu permintaan pengecualian duti eksport untuk lada hitam selepas struktur baru diadakan.

**Dato' Dr Neo Yee Pan:** Tuan Yang di-Pertua, ini saya sudah jawab, perkara ini dalam kajian.

### PENEROKA FELDA DARI ANGKATAN BERSENJATA

11. **Tuan Hussein bin Mahmood** minta Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah menyatakan sama ada Menteriannya menentukan "quota" yang tertentu untuk bekas anggota angkatan bersenjata di dalam menempatkan peneroka-peneroka di dalam rancangan FELDA, dan jika ya, berapa dan kalau tidak, kenapa.

**Timbalan Menteri Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah (Tuan Sanusi bin Junid):** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kemajuan Tanah dan Kemajuan Wilayah tidak menentukan apa-apa "quota" untuk bekas anggota angkatan bersenjata dalam penempatan peneroka-peneroka rancangan FELDA. Walau bagaimanapun, Kerajaan-kerajaan Negeri, yang meluluskan segala calon-calon yang akan menjadi peneroka dirancangan-rancangan FELDA, telah bersetuju bahawa 20% daripada tempat-tempat di rancangan FELDA bolehlah diuntukkan kepada ahli-ahli bekas Pasukan Keselamatan jika sekiranya ada calon-calon yang mempunyai kelayakan sebagaimana yang telah ditetapkan.

Pihak FELDA pula adalah sentiasa memberi keutamaan kepada calon-calon bekas ahli Pasukan Keselamatan yang berjaya. Ini juga bererti peluang masuk ke rancangan FELDA untuk bekas ahli Pasukan Keselamatan yang layak adalah sentiasa terbuka dan peruntukan tempat sebanyak 20% adalah lebih daripada jumlah permohonan yang diterima. Jumlah bekas ahli Pasukan Keselamatan yang menjadi peneroka FELDA hingga sekarang ialah 4,456 orang dan jumlah ini hanya kira-kira 10% daripada jumlah semua peneroka.

### DADAH

12. **Tuan Mohd. Nakhale bin Haji Ahmad** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan:

(a) dalam usaha Kementerian beliau memerangi dan menghapuskan dadah,

adakah beliau sedar bahawa arak juga termasuk salah satu daripada jenis-jenis dadah;

- (b) jika beliau sedar tentang perkara itu sebagai sejenis dadah, mengapakah Kerajaan tidak mengharamkan pembuatan, penjualan dan penggunaan arak sebagaimana jenis-jenis dadah yang lain; dan
- (c) jika beliau tidak menganggap arak itu sebagai dadah, apakah alasan-alasan dari segi perubahan dan kajian-kajian saintifik lainnya yang boleh menyokong pendapat beliau itu.

**Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab soalan ini, sukalah saya menyatakan dalam pengertian saya "Dadah" yang kita perangi berhabisan-habisan itu ialah bahan yang mempunyai sifat-sifat narkotika. Arak tidaklah boleh disamakan dengan dadah narkotika. Dengan itu persoalan samada untuk mengharamkan arak itu tidaklah timbul.

**Tuan Mohd. Nakhale bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, beliau belum menjawab soalan (c) dengan detil, bolehkah diterangkan dengan detil?

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan (c) tak timbul kerana tidak berkaitan. Ini telah dijelaskan yang pertama tadi.

**Tuan Mohd. Nakhale bin Haji Ahmad:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masalah arak ini juga dikatakan berbahaya bagaimanapun boleh juga dikatakan sebagai dadah, dan dadah itu bukan hanya dikhususkan kepada satu jenis dadah sahaja, tetapi berbagai jenis dadah. Dan dengan kerana itu perlulah diterangkan supaya rakyat semua tahu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri telah katakan tafsiran daripada Kementerian Dalam Negeri, ia tidak termasuk dadah. Adakah hendak dijawab lagi?

**Dato' Seri Syed Ahmad Shahabuddin Al-haj:** Tidak.

## JETI PERIKANAN

**13. Wan Mohd. Najib bin Wan Mohamed** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah beliau sedar bahawa kelewatan pelaksanaan projek-projek di bawah Jabatan-jabatan Kerajaan adalah disebabkan peruntukan kewangan yang tidak mencukupi. Ini menyebabkan pembinaan Jetty Perikanan di Cherang Ruku, Semerak, Pasir Puteh yang hampir dua tahun diberi kelulusan untuk pembinaannya tidak dimulakan hingga sekarang ini oleh Jabatan Perikanan Kelantan.

**Dato' Dr Neo Yee Pan—Tuan Yang di-Pertua,** berkenaan dengan bahagian pertama soalan Ahli Yang Berhormat itu, saya ingin menyatakan bahawa Kerajaan sentiasa menyediakan peruntukan yang mencukupi sekiranya satu-satu projek itu telah dikaji dan diluluskan oleh Kerajaan. Masalah yang didapati dengan projek pembinaan jeti Perikanan di Cherang Ruku, Semerak, Pasir Puteh adalah berkaitan dengan masalah pengambilan tanah. Projek yang dimaksudkan itu bukanlah semata-mata untuk pembinaan sebuah jeti sahaja, tetapi adalah satu projek perikanan yang akan melibatkan pembinaan sebuah pejabat koperasi nelayan dan juga kemudahan-kemudahan yang lain seperti bilik sejuk. Pembinaan jeti hanyalah sebahagian kecil sahaja daripada projek yang akan meliputi kawasan seluas dua ekar di Cherang Ruku, Pasir Puteh. Oleh yang demikian, adalah perlu bagi pihak yang berkenaan untuk menyelesaikan soal pengambilan satu kawasan tanah yang mencukupi sebelum jeti yang dimasuk dimaksudkan itu dibina, oleh kerana kemudahan-kemudahan yang lain perlu juga disediakan selain daripada jeti yang dimaksudkan itu.

## PELARIAN KAMPUCHEA/VIETNAM

**14. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah** minta Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri menyatakan sehingga akhir bulan Ogos, 1978;

- (a) berapakah jumlah pelarian dari negeri Indochina, khususnya Kampuchea dan Vietnam yang telah dibenarkan mendarat di Semenanjung Malaysia.

Butirkan jumlahnya mengikut negeri-negeri yang terlibat terutama Negeri Kelantan dan Trengganu;

- (b) berapakah jumlah perbelanjaan yang telah dikeluarkan bagi menampung urusan melindungi mereka; dan
- (c) nyatakan langkah tegas Kerajaan bagi mengatasi masalah ini.

**Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie):** Tuan Yang di-Pertua, tidak ada sesiapa yang dibenarkan mendarat atau masuk di mana-mana tempat di negara kita tanpa izin. Orang-orang pelarian dari Vietnam khususnya, telah menggunakan segala tipuhelah termasuk memecahkan bot untuk mendarat. Umpamanya kita telah menemui bot di dalam keadaan kecemasan seperti enjinnya rosak atau dirosakkan ataupun bot yang hampir tenggelam yang mungkin mengakibatkan orang-orang di atas bot itu bersama dengan kanak-kanak kecil tenggelam begitu sahaja. Inilah pertimbangan perikemanusiaan dari pihak kita untuk memberi perlindungan buat sementara waktu kepada orang-orang ini.

Pagi ini satu peristiwa yang sangat menyedihkan telah berlaku di mana sebuah bot yang dipercayai mengandungi lebih kurang 200, barangkali ada anggaran mengatakan 250 orang yang dipercayai dari Vietnam telah karam berhampiran dengan pantai Kuala Trengganu. Peristiwa ini berlaku sewaktu bot tersebut mendekati Pantai Trengganu dan orang-orang kampung disitu melarang mereka mendarat. Mereka sebaliknya disuruh pergi ke Pulau Bidong di mana terletaknya khemah sementara orang-orang pelarian. Dalam perjalanan ini bot mereka telah dipukul ombak dan karam. Setakat ini yang kita tahu 54 orang sahaja yang berjaya selamat mendarat; nasib yang lain itu belum dapat diketahui hanya 5 mayat sahaja baru dijumpai. Kerja-kerja menyelamatkan dengan bantuan orang-orang kampung sedang dijalankan walaupun cuaca adalah sangat buruk kerana bagaimana kita tahu pada waktu ini adalah musim tengkujuh. Kerajaan Malaysia menganggap semua orang-orang ini sebagai pendatang haram (illegal immigrants) dan bukan orang-orang pelarian, mengikut undang-undang sebagai refugees

kerana kalau mereka itu dianggap sebagai refugees maka akan berhak mendapat suatu taraf kedudukan di dalam negeri ini, tetapi kepada negara ketiga mereka itu adalah refugees. Daripada Undang-undang kita, kita tidak boleh mengiktirafkan mereka itu refugees. Sehingga 21hb November, 1978, jumlah illegal immigrants yang datang dari Vietnam ialah seramai 37,947. Pecahnya adalah seperti berikut:

Kelantan	..	..	..	1,517
Trengganu	..	..	..	24,211
Pahang	..	..	..	3,825
Johor	..	..	..	7,001
Kuala Lumpur	..	..	..	1,112
Sarawak	..	..	..	861
Sabah	..	..	..	420
				<u>37,947</u>

Berkenaan dengan perbelanjaan pula, Kerajaan tidak mengeluarkan apa-apa perbelanjaan bagi menampung urusan melindungi pelarian ini. Hanya kita menyediakan tempat perlindungan sementara dan perkhidmatan tenaga pegawai-pegawai umpamanya dari Kementerian Kebajikan bagi menguruskan perlindungan orang-orang ini. Segala perbelanjaan bagi mengurus orang-orang pelarian adalah ditanggung oleh United Nations High Commissioner for Refugees (UNHCR). Pada masa sekarang Kerajaan berpendapat bilangan pendatang haram ini sudah sampai ke peringkat yang membahayakan negara kita, yang ketara terpaksa menanggung beban kita, walaupun puncanya dimulakan oleh pihak lain baik di dalam atau di luar negara Vietnam sendiri. Maka pada hari ini Kerajaan telah mengambil satu langkah baru bagi menghadapi masalah yang nampaknya tidak reda. Pagi ini satu Pasukan Petugas Mengenai Orang-orang Pelarian Vietnam telah ditubuhkan diketuai oleh seorang Pengarah Khas yang dilantik oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri selaku Pengarah Gerakan Negara. Pegawai ini saya beritahu namanya pada hari ini ialah Major General Ghazali Che Mat. Beliau akan dibantu oleh Pegawai-pegawai Tentera, Polis dan Awam dan bertanggungjawab kepada Pengarah Gerakan Negara iaitu Perdana

Menteri sendiri dan saya sebagai Timbalannya. Tugas utama Pasukan Petugas ini ialah:

- (a) Mengambil langkah mencegah kemasukan pendatang haram.
- (b) Mengurus kawalan dan penempatan.
- (c) Mengendalikan pemindahan ke negara yang lain.

Dalam menghadapi masalah ini Kerajaan akan menggunakan segala kuatkuasa undang-undang darurat yang masih berjalan lagi pada masa sekarang dan juga Akta Keselamatan Dalam Negeri bila dan di mana difikirkan perlu bagi membantu kelancaran tugas pegawai-pegawai yang diberi tanggungjawab itu.

Dalam pada itu Kerajaan juga akan mengirim seorang pegawai tinggi ke Geneva untuk mengadakan perbincangan dengan pihak United Nations dan negara-negara lain, berkenaan dengan hal itu. Juga saudara saya Menteri Pelajaran, Yang Berhormat Dato' Musa akan pergi ke Amerika Syarikat telah juga diminta untuk berbincang dengan Jabatan Negara Amerika tentang betapa pentingnya masalah yang kita hadapi dan betapa beratnya beban yang kita pikul serta diharapkan dapat menyeru pihak Amerika Syarikat untuk melegakan beban ini. Dalam beberapa hari lagi seorang pegawai tinggi Kerajaan Amerika Syarikat sendiri akan sampai ke Kuala Lumpur untuk mengadakan perbincangan mengenai perkara orang-orang yang lari dan Vietnam ini.

Masalah orang-orang Vietnam yang lari serta beban yang ditanggung oleh negara kita telah ditimbulkan oleh pihak kita kepada Perdana Menteri Vietnam Tuan Phan Van Dong semasa lawatan beliau ke negara kita baru-baru ini tetapi nampaknya tidak berkesan, bertambah lagi.

Berkenaan dengan kapal Hai Hong pula. Kapal Hai Hong masih lagi ada di perairan kita dan diizinkan berada di sana kerana nampaknya reaksi dari beberapa negara asing untuk menerima mereka ini adalah sangat menggalakkan dan rundingan sedang giat berjalan. Bahkan pada waktu ini dalam kapal sedang interview antara wakil-wakil beberapa negara dengan orang-orang kita berharap

orang-orang ini dapat bertolak dari negara kita dalam sedikit masa lagi. Kerajaan tetap dengan pendiriannya bahawa orang-orang ini tidak akan diizinkan mendarat tanpa satu jaminan bahawa mereka akan meninggalkan Malaysia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Panjang lagi Yang Berhormat.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Sedikit lagi. Kerajaan telah mengisytiharkan kawasan di mana kapal Hai Hong sedang berlabuh sebagai Tempat Larangan. Sesiapa jua tidak diizinkan ke tempat ini. Maka itu saya menyeru semua pihak khususnya pihak akhbar supaya memahami implikasi tindakan ini dan janganlah menggunakan segala tipu helah untuk pergi ke kapal tersebut. Ada baru-baru yang cuba masuk, main menyorok pula di sana. Mereka yang berbuat demikian seharusnya berasa malu. Juga kalau berlaku sesuatu yang tidak diingini ke atas mereka waktu berada di atas kapal itu orang-orang akhbar inilah nanti yang akan menulis berbagai cerita yang jelek-jelek terhadap Kerajaan.

Kepada pihak pemberita-pemberita, khususnya pemberita-pemberita asing yang tiba-tiba begitu ramai sekali sampai di Kuala Lumpur untuk melapurkan hal kapal Hai Hong, pada hal kita telah menanggung beban orang pelarian ini sejak bulan Mei 1975, saya menyeru supaya tolonglah bekerjasama atau "try to be helpful" pada Press membantu Malaysia mengatasi masalah ini, seperti mendesak negara-negara lain terutama negara-negara yang bertanggungjawab dahulu menimbulkan masalah ini supaya jangan lepas tangan sahaja seolah-olah mereka tidak ada kena mengena langsung dengan masalah ini. Ini bukanlah masalah Malaysia atau dicetuskan oleh Malaysia tapi nampaknya sehingga ini beban yang dipikul oleh Malaysia dan beberapa negara sahaja seperti Thailand, Indonesia dan Singapura. Ada pula satu dua akhbar asing yang membuat liputan yang negatif sekali sehingga Malaysia hari ini menerima suatu imej yang buruk seolah-olah Malaysia langsung tidak mempunyai perasaan perikemanusiaan juga rasa tanggungjawab di dalam hal ini. Seorang pemberita hingga sanggup menggambarkan sikap Malaysia

sebagai dalam bahasa Inggerisnya "in-transigence". Ini tidak patut sekali menggunakan perkataan itu. Dan ada juga yang sanggup untuk membuat tuduhan melulu dan dusta kononnya Malaysia tidak mahu bekerjasama dengan United Nations dan kononnya pihak polis melarang pegawai-pegawai Bangsa-bangsa Bersatu membawa bekalan makanan dan perubatan kepada orang-orang di atas kapal Hai Hong. Yang sedihnya ada khabar begini dibuat oleh pemberita warganegara Malaysia yang makan upah akhbar luar negeri.

Kerajaan Malaysia sebenarnya telah bertindak lebih daripada apa yang patut dalam hal ini, penuh dengan rasa perikemanusiaan, penuh dengan ihsan. Sekiranya orang-orang akhbar ini betul-betul mahu membantu menyelesaikan masalah orang-orang pelarian ini dan bukan datang ke sini sekadar melapur berita buruk yang sensational, saya harap mereka akan mencontohi beberapa teman mereka yang telah membuat laporan yang positif menyeru negara-negara lain membantu Malaysia dalam hal ini. Umpamanya akhbar *Le Monde* dari Paris, akhbar *New York Times* dari Amerika, ini adalah positif. Dan orang-orang akhbar seperti ini yang telah memberi gambaran sebenar bekerjasama dan bertanggungjawab, saya ucapkan sebanyak terima kasih.

Dari dalam negeri pula kita sendiri ramai rakyat yang bersungut. Ini kita faham, kita sedar. Saya sendiri menerima laporan dan Yang Berhormat Menteri Besar Trengganu sendiri ada menyebut rupanya ada orang-orang kita ini juga membantu orang-orang ini masuk. Sungguhpun saya daripada mulanya telah berkata, jangan bantu orang-orang ini tetapi rupanya ada yang membantu kerana duitkah, upahkah atau apakah perasaannya tetapi ada pembantunya. Jadi, kali ini sekali lagi saya menyeru kepada mereka dan memberi amaran sesudahnya kita menjalankan kuatkuasa yang dijalankan oleh pegawai tinggi ini maka tindakan yang keras akan diambil terhadap mereka yang membantu.

Dan saya minta supaya semua pihak menganggap masalah ini sebagai masalah negara dan berilah segala sokongan dan kerjasama kepada Kerajaan untuk

mengatasinya dan janganlah sekali-kali perkara ini digunakan untuk tujuan politik dalam negeri kita, antara kita sama kita khususnya untuk mencari salah atau sebaliknya mencari nama.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya lebih suka kalau jawapan yang panjang seumpama ini dijadikan satu Kenyataan daripada Menteri mengikut Aturan Urusan Mesyuarat, jadi boleh panjang sedikit, tidak mengambil masa yang banyak dalam waktu Soal Jawab Mulut.

**Tuan Alias bin Md. Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Negeri saya negeri Trengganu yang paling teruk sekali menerima kedatangan pendatang-pendatang haram ini. Menurut keterangan Yang Berhormat Menteri tadi jumlahnya 24,211 orang. Negeri Trengganu nyatalah menjadi dumping ground bagi pendatang-pendatang haram ini. Oleh kerana itu saya hendak tahu daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sama ada beliau bermaksud dalam melaksanakan undang-undang darurat hendak mengisytiharkan kawasan pulau-pulau dan pantai-pantai yang menjadi tempat tumpuan pendatang-pendatang haram ini sebagai kawasan keselamatan dan mengharamkan orang-orang tempatan pergi ke situ.

Yang kedua, saya ingin tahu apakah Yang Berhormat Menteri bermaksud hendak mengseal off pantai Kelantan dan Trengganu khususnya dengan menghantar bot-bot navy dan marine untuk mengawal pantai-pantai di sana supaya mereka ini tidak dapat hampir langsung kepada pantai di negeri-negeri yang berkenaan.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, benar di atas teguran tadi, tetapi oleh sebab kita berkehendakkan juga soal jawab di sini kesempatan kita ambil. Tetapi lain kali saya ambil ingatan sebagaimana peringatan yang dibuat oleh Tuan Yang di-Pertua.

Untuk menjawab soalan yang pertama tadi iaitu perkara-perkara begini akan ditimbang oleh pegawai tinggi yang kita lantik pada hari ini tadi termasuk juga menimbang apakah kebijaksanaan atau tidak kita membuat perkara-perkara begitu.

**Tuan Lim Kit Siang:** Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana perkara sedih pagi ini berlaku di mana sebuah bot karam melibatkan nyawa 200 orang atau lebih, perkara ini akan sedikit sebanyak merosakkan nama baik Malaysia di antarabangsa. Bolehkah Yang Berhormat Menteri atau pihak Kerajaan menimbang, yang pertama bukan sahaja atas peri kemanusiaan tetapi juga untuk menjaga nama baik Malaysia, mengadakan peraturan atau cara di mana, yang pertama untuk mereka dalam perairan Malaysia membolehkan mereka mendarat di tempat yang sementara sebelum mereka boleh dapat settle di lain-lain negeri.

Yang kedua, memastikan bahawa mereka yang ada dalam perairan Malaysia ada jalan atau cara untuk menjaga keselamatan nyawa mereka.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan yang kedua itu, bagaimana negara Malaysia pula yang menjamin keselamatan perjalanan mereka daripada Vietnam yang mereka lari, itu kita tidak dapat hendak buat. Macam mana hendak menjaga nama baik, bukan tanggungjawab kita mereka daripada Vietnam yang kita mesti menjaga keselamatan mereka di laut, tidak dapat kita memberi jaminan begitu.

Soal yang pertama tadi, cara-cara inilah sebabnya kita mengadakan badan yang diketuai oleh Maj. Jen. Ghazali ini untuk mencari jalan macam mana kita betul-betul dengan satu peraturan menjaga.

**Tuan Hashim bin Endut:** Tuan Yang di-Pertua, soal tambahan. Saya ucapkan terima kasih di atas penerangan Yang Berhormat Menteri tadi dengan begitu panjang lebar dan daripada penerangan Yang Berhormat itu kita dapati yang kita ini tolerent enough dan bersabar di atas kejadian ini. Tetapi terdapat juga di dalam penerangan Yang Berhormat Menteri tadi ada orang-orang kita yang memberi bantuan, wartawan-wartawan makan upah dan sebagainya sehingga mencemarkan nama baik negara kita. Oleh kerana perkara ini berlaku dan di negara-negara Eropah perkara ini diperbesar-besarkan oleh anasir-anasir dengan ada orang dalam mendapat upah dan sebagainya, orang

kita membantu, boleh dikatakan dicakap dan dibualkan di segenap kedai kopi. TV boleh dikatakan disiarkan tiap-tiap malam berkenaan dengan Hai Hong dengan pendatang haram 2,500 ini dikatakan Malaysia zalim dan sebagainya. Kalaulah benar ini berlaku dan Yang Berhormat Menteri telah tahu bahawa ada orang kita membantu perkara-perkara ini, apakah tindakan tegas Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri kepada pengkhianat-pengkhianat di dalam negara kita sendiri, kerana mereka inilah yang mengotorkan imej Malaysia sendiri.

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, cerita-cerita ini dibuat di luar negara kita. Kita hanya syak sahaja bahawa yang pengirim khabar itu adalah yang kita syak daripada warganegara kita. Di dalam hal begini, apakah tanggungjawab kita terhadap mereka ini? Saya kira biarlah itu kita perhati dahulu hingga kepada satu peringkat sekiranya perkara ini boleh membawa kepada keadaan mengancam keselamatan negara, maka undang-undang itu boleh kita kuatkuasakan.

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Nam-paknya akhir-akhir ini Malaysia menjadi pilihan utama pendatang-pendatang haram dari Vietnam. Adakah ini disebabkan oleh sikap lemah lembut dan terlalu berperi kemanusiaan yang telah ditunjukkan oleh Kerajaan Malaysia, atau adakah kedatangan-kedatangan pendatang haram ini didalangkan oleh sindiket atau Kerajaan-kerajaan tertentu untuk mencapai sesuatu maksud dan sepertimana yang telah diterangkan oleh Yang Berhormat Menteri tadi langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan, kita dapati ramai ahli-ahli RELA yang sedia memberi tenaga mereka untuk menjaga keselamatan di pantai-pantai. Adakah Kerajaan akan meminta tenaga sukarela daripada ahli-ahli RELA ini memberi khidmat mereka dalam hal ini?

**Tan Sri Haji Muhammad Ghazali bin Shafie:** Tuan Yang di-Pertua, inilah satu daripada tugas yang akan dijalankan oleh pegawai khas yang kita lantik iaitu mengerah tenaga termasuklah tenaga RELA dengan apa juga suguhati yang akan ditentukan dalam masa mereka bertugas. Soal yang pertama tadi, apakah sifat-sifat lemah lembut kita

maka orang ini datang ke sini, yang sebenarnya ini saya rasa tidak begitu tepat, sungguhpun saya mengakui bahawa sifat Malaysia kita ini adalah sangat berperikemanusiaan, tetapi bilangan orang yang mendarat di Thailand pun banyak juga, barangkali lebih banyak daripada kita.

Satu perkara lagi yang dihendak fikirkan bahawa pantai Vietnam-tanjung pantai Vietnam itu dengan pantai Malaysia adalah yang paling dekat sekali dengan Pengkalan Chepa, itu sebab digelar Pengkalan Cham—Pengkalan Chepa sebab ia dekat sekali dengan Vietnam. Jadi kalau kita buang kelapa pun, kalau musim tengkujuh masa ini, ia hanyut sendiri sampai ke situ. Inilah sebabnya ramai mereka itu datang pada musim North-East Monsoon ini ke mari.

Soal yang kedua tadi, apakah ini satu-satu helah untuk mencapai maksud mereka, itu kita tidak ada buktinya lagi bahawa ada maksud begitu. Yang kita tahu buktinya mereka ini lari ialah oleh sebab mereka tidak suka duduk di Vietnam. Apakah sebabnya mereka tidak suka? Kita tanyalah mereka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Masa sudah cukup.

*(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 15 hingga 16 adalah diberi di bawah ini).*

#### **SISTEM TADBIRAN KERAJAAN TEMPATAN**

15. **Tuan Haji Mohd. Taufek bin Datuk O. K. K. Haji Asneh** minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan:

- (a) Bilakah sistem tadbiran Kerajaan Tempatan akan diselaraskan dan disamakan di seluruh negara;
- (b) Jika Menteri sedar perkara seperti ini mustahak, adakah beliau akan mengambil tindakan segera demi kepentingan rakyat, kerana ada terdapat kalangan Pengerusi Majlis Kerajaan Tempatan ini yang menyalahgunakan kuasa yang mengakibatkan kerugian kepada rakyat dan Kerajaan.

**Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Michael Chen Wing Sum):** Dengan kesedaran bahawa betapa

perlunya pentadbiran Kerajaan Tempatan di negara ini diperkembangkan, Kerajaan telah menganunkan Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974, Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 dan Akta Kerajaan Tempatan 1976. Semenjak berkuatkuasanya ketiga-tiga Akta tersebut Kerajaan-kerajaan Negeri di Malaysia telah mengkaji implikasi-implikasinya dan perlaksanaannya bagi tujuan penyusunan semula dan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan yang sempurna melalui Kerajaan Tempatan. Memandangkan tanggungjawabnya terhadap rakyat, berazam supaya Akta-akta tersebut dikuatkuasakan bagi faedah-faedah rakyat jelata.

Bagi menjawab kepada soalan (b) oleh Yang Berhormat saya tidak dapat membuat apa-apa ulasan kerana beliau tidak mengemukakan maklumat-maklumat yang tertentu tetapi saya akan memberi jaminan kepada Yang Berhormat bahawa Kementerian saya akan mengambil tindakan-tindakan yang sesuai terhadap sesiapa sahaja yang menyalahgunakan kuasa yang telah diberi kepada beliau.

#### **KERETAPI TANAH MELAYU—RUMAH PEKERJA-PEKERJA**

16. **Tuan P. Patto** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:

- (a) samada beliau sedar bahawa kebanyakan rumah-rumah keretapi yang diduduki oleh pekerja-pekerja Keretapi Tanah Melayu yang telah dibina berpuluh-puluh tahun dahulu sebelum Merdeka dan ia adalah tidak sesuai lagi untuk diduduki oleh manusia serta dari segi kesihatan; dan
- (b) apa rancangan Keretapi Tanah Melayu mempunyai untuk membina rumah-rumah baru yang lebih sesuai untuk didiami oleh pekerja-pekerja Keretapi Tanah Melayu dan bilakah rumah-rumah ini akan dibina.

**Menteri Pengangkutan (Tan Sri V. Manickavasagam):**

- (a) Keretapi Tanah Melayu menyedari bahawa kebanyakan rumah-rumah keretapi tidak begitu sesuai bagi dihuni oleh pekerja-pekerjanya.

(b) Dalam Rancangan Malaysia Ketiga sebanyak 352 yunit rumah baru akan dibina di tempat-tempat yang tersebut di bawah ini:

	<i>Negeri</i>	<i>Yunit</i>
Kelantan .. ..	.. ..	82
Pahang .. ..	.. ..	62
Negeri Sembilan ..	..	80
Selangor .. ..	.. ..	128

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1979

DAN

USUL

### ANGGARAN PEMBANGUNAN, 1979

*Jawatankuasa*

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas Rang Undang-undang Perbekalan, 1979 dan Anggaran Pembangunan, 1979 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis (21hb November, 1979).

*Majlis bersidang dalam Jawatankuasa*

*(Tuan Yang di-Pertua mempengerusikan Jawatankuasa)*

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat, Majlis akan menimbangkan Anggaran Perbelanjaan di bawah Belanja Mengurus B.25 dan Perbelanjaan Pembangunan P.25 di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Oleh sebab saya percaya ramai Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak mengambil bahagian dalam Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ini, maka saya akan minta Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawabnya kira-kira pukul 6.00 petang.

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri mengemukakan Anggaran Perbelanjaannya.

*Maksud B.25 (Jadual)—*

*Maksud P.25 (Anggaran Pembangunan, 1979)—*

3.36 ptg.

**Timbalan Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Dato' Lew Sip Hon):** Tuan Pengerusi, saya bangun membentangkan Anggaran Belanja Mengurus dan Anggaran Pembangunan tahun 1979 bagi Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang berjumlah sebanyak \$54,302,120. Dari jumlah ini sebanyak \$54,052,100 adalah Anggaran Belanja Mengurus dan \$250,020 adalah Anggaran Pembangunan, masing-masing di bawah Maksud B.25 dan P.25.

Anggaran Belanja Mengurus bagi tahun 1979 melebihi peruntukan bagi tahun 1978 sebanyak \$6,517,100. Pertambahan ini adalah diperlukan oleh kerana aktiviti-aktiviti Kementerian ini berkembang dari setahun ke setahun. Bagi Anggaran Pembangunan pula, peruntukan bagi tahun 1979 berkurangan sebanyak \$1,999,990 jika dibandingkan dengan peruntukan bagi tahun 1978.

Tuan Pengerusi, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian adalah bertanggungjawab ke atas penggalakan pelaburan, perkembangan sektor perindustrian, penggalakan eksport barang-barang keluaran kilang-kilang tempatan, kawalan impot eksport untuk tujuan melindungi industri-industri tempatan dan kawalan bekalan dan harga barang-barang keperluan. Selain daripada itu, Kementerian ini adalah juga bertanggungjawab ke atas pendaftaran syarikat-syarikat, perniagaan-perniagaan Cap Dagangan dan melaksanakan pertukaran timbang dan sukat dari sistem imperial ke sistem metrik.

Kementerian ini akan terus mengambil segala langkah yang perlu untuk menambah pelaburan sama ada dari luar negeri atau dalam negeri dan meningkatkan pertumbuhan di sektor perindustrian sejajar dengan matlamat yang termaktub di dalam Rancangan Malaysia Ketiga. Dalam usaha menggalakkan pelaburan dari luar negeri Kementerian saya telah dan akan menganjurkan rombongan galakan pelaburan ke luar negeri pada tiap-tiap tahun; manakala bagi menggalakkan pelaburan dari dalam negeri seminar-seminar pelaburan akan diadakan di beberapa bandar dalam negara ini.

Sukalah saya memaklumkan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa

pelaburan asing dan tempatan telah bertambah di dalam tahun 1978. Modal asing menunjukkan pertambahan sebanyak 69% iaitu dari 69.3 juta ringgit dalam sepuluh bulan pertama tahun 1977 kepada 117.1 juta ringgit dalam tempoh yang sama dalam tahun 1978. Modal tempatan pula menunjukkan pertambahan sebanyak 22.8% iaitu dari 158.1 juta ringgit kepada 202.8 juta ringgit berbanding dengan tempoh yang sama dalam tahun 1977. Di sektor perindustrian pula, sehingga bulan Oktober tahun 1978, FIDA telah menerima sebanyak 392 permohonan dan ini merupakan tambahan sebanyak 9.8% jika dibandingkan dengan 357 permohonan yang diterima dalam tempoh yang sama dalam tahun 1977. Di antara 287 projek yang telah diluluskan terdapat 165 atau 57.5% adalah projek-projek baru, sementara 122 atau 42.5% adalah pembesaran bagi projek-projek yang sedia ada.

Satu lagi langkah yang diambil untuk menggalakkan pelaburan ialah dengan membuat Perjanjian Jaminan Pelaburan (Investment Guarantee Agreement) dengan negara-negara asing. Tujuan Perjanjian ini adalah untuk memberi jaminan kepada pelabur-pelabur dari negara dengan mana Malaysia menandatangani perjanjian-perjanjian tersebut terhadap harta mereka, walaupun telah ada peruntukan di dalam Perlembagaan Malaysia (Fasal 13) yang memberi jaminan tidak berlaku sebarang pemilikan-negaraan tanpa gantirugi. Kesediaan Malaysia menandatangani perjanjian ini adalah membuktikan kesediaannya menambahkan lagi kepercayaan negara-negara berkenaan terhadap suasana pelaburan di Malaysia dan dengan itu memesatkan lagi pelaburan di negara ini.

Tuan Pengerusi, setakat ini Malaysia telah menandatangani Perjanjian Jaminan Pelaburan dengan Amerika Syarikat, Republik Persekutuan Jerman, The Netherlands, Kanada, Perancis dan Switzerland. Perjanjian-perjanjian dengan negara-negara lain sedang di dalam peringkat perbincangan iaitu dengan United Kingdom, Norway, Singapura, Austria, Sweden dan Rumania.

Menyentuh tentang Akta Penyelarasan Perindustrian 1975, sukalah saya menyatakan

bahawa sehingga 31.10.78 sebanyak 2,570 lesen pengilang telah dikeluarkan sama ada kepada pengilang-pengilang yang sudah wujud mahu pun kepada pengilang-pengilang yang baru. Ini bermakna tambahan sebanyak 830 lesen pengilang telah dikeluarkan berbanding dengan angka 1,740 yang dikeluarkan semenjak bulan Mei, 1976 hingga akhir tahun 1977. Walau bagaimanapun masih ada rungutan-rungutan yang Akta tersebut boleh diperkemas. Kementerian saya sentiasa bersedia menimbangkan cadangan-cadangan yang menasabah untuk memperbaiki pelaksanaan Akta tersebut dengan tujuan memperbaiki lagi pencapaian pembangunan sektor perkilangan sejajar dengan Dasar Ekonomi Baru.

Tuan Pengerusi, penyertaan bumiputra dalam sektor perkilangan dalam tahun 1978 adalah menggalakkan. 58 projek bumiputra telah diluluskan sehingga bulan Oktober tahun ini jika dibandingkan dengan 53 projek yang diluluskan dalam tempoh masa yang sama tahun lepas. Jumlah ekuiti yang dikhaskan untuk bumiputra di dalam sesuatu projek yang diluluskan telah bertambah sebanyak 21.9% iaitu dari 87.5 juta ringgit di dalam tahun 1977 kepada 106.7 juta ringgit di dalam sepuluh bulan pertama dalam tahun 1978.

Usaha-usaha untuk menempatkan industri-industri di kawasan-kawasan yang kurang maju akan terus dijalankan oleh Kementerian saya. Dalam 287 projek yang telah diluluskan di dalam tempoh Januari hingga Oktober, 1978, 162 atau 56.4% akan ditempatkan di kawasan-kawasan yang kurang maju di seluruh negara ini.

Tuan Pengerusi, "Central Unit" di FIDA telah dibuka pada 1hb September, 1978 yang mana fungsi utamanya ialah untuk mengelakkan para pelabur dari menghubungi beberapa buah Jabatan Kerajaan di dalam usaha untuk menubuhkan sesebuah projek perindustrian. Unit ini adalah dianggotai oleh Pegawai-pegawai Kanan dari Perbendaharaan, Kastam dan Eksais Di Raja Malaysia, Jabatan Imigresen, Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat, dan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sendiri. Pegawai-pegawai yang ditempatkan di Unit ini akan dapat memberi khidmat nasihat, bantuan dan

penerangan mengenai polisi dan procedure kepada pelabur-pelabur dan akan menguruskan permohonan ke atas perkara-perkara yang berkaitan dengan jabatan masing-masing.

Pengujudan "Central Unit" ini adalah langkah pertama ke arah menjadikan FIDA "a one stop agency" demi untuk pembangunan perindustrian. Langkah yang kedua ialah mengujudkan satu sistem "Package Deal" di mana kelulusan yang berkaitan dengan projek perkilangan akan diberi secara serentak. Sistem ini masih sedang dipertimbangkan oleh Kementerian saya dan FIDA. Dengan sistem ini pelabur-pelabur akan memohon secara serentak semua kelulusan yang berkaitan dengan penubuhan industri seperti lesen pengilang, pengecualian duti ke atas loji dan jentera, bahan-bahan mentah dan komponen, perlindungan tarif, jawatan-jawatan untuk pegawai-pegawai dagang dan lain-lain perkara yang berkaitan. Dengan pengujudan "Central Unit" dan implementasi sistem "Package Deal" ini adalah diharapkan pelaburan dalam sektor perindustrian di negara ini akan meningkat lebih tinggi lagi di tahun hadapan.

Tuan Pengerusi, untuk mencapai matlamat mengenai eksport barang-barang keluaran kilang Kementerian saya sentiasa berusaha bukan sahaja setakat memperkekalkan serta memperkukuhkan pasaran-pasaran tradisional di negara-negara maju, malahan juga mencari pasaran-pasaran baru di negara-negara sedang membangun. Seterusnya sejajar dengan hasrat negara-negara ASEAN untuk berdikari di bidang perdagangan, Kementerian saya juga sentiasa memainkan peranan yang penting di dalam usaha mempergiatkan lagi perdagangan di rantau ini.

Dewasa ini, sikap "protectionist" kian bertambah terutama sekali di kalangan negara-negara maju. Mereka, dengan alasan untuk menjaga kepentingan perusahaan di negara-negara masing-masing, telah mengadakan sekatan-sekatan, sama ada tarif (tariff or non-tariff barriers) terhadap barang-barang keluaran negara-negara sedang membangun. Untuk mengatasi sekatan-sekatan ini Kementerian saya sentiasa mengambil bahagian yang aktif di persidangan-persidangan antarabangsa demi

kepentingan Malaysia. Selain dari menyertai Perundingan Banyak Hala (Multilateral Trade Negotiations) Kementerian saya juga sentiasa mengawasi hubungan dua hala (bilateral relations) dengan negara-negara asing dengan mengkaji kemungkinan mengadakan perjanjian-perjanjian perdagangan agar menjamin serta membolehkan kemasukan barang-barang keluaran Malaysia ke negara-negara berkenaan. Setakat ini Malaysia telah menandatangani 18 Perjanjian Perdagangan dan beberapa Perjanjian Perdagangan dengan negara-negara lain sedang dikaji.

Salah satu langkah untuk menggalakkan eksport barang-barang keluaran kilang ialah Kementerian saya telah dapat menyusun serta menghantar rombongan-rombongan perdagangan ke seberang laut. Dalam tahun 1978, 8 rombongan telah dihantar ke negara-negara Eropah, Amerika Utara, Timur Tengah, Afrika dan negara-negara lain. Di samping itu Kementerian saya telah menganjurkan penyertaan pengusaha-pengusaha tempatan di 13 pameran-pameran perdagangan di seluruh dunia. Pada tahun hadapan, Kementerian saya akan menghantar beberapa rombongan perdagangan ke luar negeri dan menganjurkan penyertaan pengusaha-pengusaha tempatan di pameran-pameran perdagangan yang terkemuka di beberapa buah negeri.

Sekarang ini Kementerian saya mempunyai 23 Pejabat-pejabat Pesuruhjaya Perdagangan di bandaraya di seluruh dunia. Empat lagi Pejabat-pejabat Pesuruhjaya Perdagangan telah diluluskan iaitu di Bangkok, Manila, Singapura dan Medan dan pegawai-pegawai akan dihantar untuk mengumpul maklumat-maklumat perdagangan demi kepentingan serta kegunaan pengeksport-pengeksport kita. Pejabat-pejabat Pesuruhjaya Perdagangan juga sentiasa memberi maklumat-maklumat serta nasihat berkenaan dengan cara-cara mengatasi masalah yang mungkin dihadapi oleh pengeksport-pengeksport kita di negara-negara di mana mereka ditempatkan.

Tuan Pengerusi, hasil dari usaha-usaha yang telah dijalankan oleh Kementerian saya, negara ini telah berupaya memperkekalkanimbangan perdagangan yang baik walaupun perkembangan ekonomi dunia tidak begitu memuaskan. Jumlah perdagangan luar

Malaysia telah meningkat sebanyak 12.9% iaitu dari 23,115.3 juta ringgit dalam tahun 1976 kepada 26,149.2 juta ringgit dalam tahun 1977. Nilai eksport telah meningkat sebanyak 11.4% dari 13,442 juta ringgit kepada 14,971.1 juta ringgit dan nilai import meningkat sebanyak 15.1% dari 9,713.3 juta ringgit kepada 11,178.1 juta ringgit. Ini telah memberi lebih imbalan perdagangan kepada Malaysia (Favourable Trade Balance) sebanyak 3,728.7 juta ringgit dalam tahun 1976 dan 3,790 juta ringgit dalam tahun 1977.

Agak lebih penting lagi kepada Kementerian saya ialah mengenai kenaikan nilai eksport barang-barang yang dibuat dari kilang. Eksport barang-barang tersebut telah bertambah sebanyak 8.8% iaitu dari 2,285.2 juta ringgit dalam tahun 1976 kepada 2,486.3 juta ringgit dalam tahun 1977. Jumlah tersebut juga merupakan 16.6% dari jumlah eksport dalam tahun yang sama. Bagi 6 bulan yang pertama tahun 1978 jumlah eksport barang-barang buatan kilang ialah 1,360 juta ringgit. Ini merupakan tambahan sebanyak 18% berbanding dengan jumlah eksport bagi 6 bulan pertama tahun 1977, iaitu sebanyak 1,152.1 juta ringgit.

Sejajar dengan matlamat Kerajaan untuk memperkembangkan lagi perdagangan di antara negara-negara ASEAN, Kementerian saya telah dan akan terus memainkan peranan yang penting dalam perbincangan-perbincangan bagi melaksanakan Perjanjian Peraturan Perdagangan Istimewa ASEAN (ASEAN Agreement on Preferential Tariff Agreement) yang telah ditandatangani dalam tahun 1977. Setakat ini sebanyak 826 barang-barang eksport telah diwartakan untuk mendapat layanan istimewa di antara negara-negara ASEAN adalah dijangka bahawa negara-negara ASEAN akan berupaya menambah lebih banyak lagi barang-barang untuk mendapat layanan istimewa di dalam konteks Perjanjian ini.

Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan terus memperhebatkan kegiatan-kegiatan galakan eksport agar nilai eksport barang-barang kilang akan meningkat kepada peratusan yang lebih tinggi lagi. Seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum Kerajaan telah merangka agar nilai barang eksport perkilangan akan meningkat

kepada 38.1% dari semua jumlah eksport menjelang tahun 1990.

Selain daripada usaha untuk mendapatkan pasaran-pasaran di luar negeri, Kementerian saya juga sentiasa mengawasi agar pengeksport-pengeksport bukan sahaja mendapat kapal-kapal untuk memunggah barang-barang mereka tetapi juga dengan kadar tambang yang menasabah. Mengenai perkara ini, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sentiasa mengadakan perundingan-perundingan dengan tuan-tuan punya kapal supaya kepentingan pengeksport-pengeksport Malaysia terjaga.

Tuan Pengerusi, pada tahun akan datang, seperti mana di tahun-tahun yang lepas, Kementerian saya akan terus mengendalikan tugas-tugas mengawal import/eksport dan mengawasi harga barang keperluan dan amalan-amalan perdagangan. Tujuan mengenakan kawalan import ke atas beberapa jenis barang adalah untuk memberi perlindungan kepada industri-industri tempatan supaya dapat berkembang di samping menyalurkan barang-barang import untuk memenuhi permintaan dalam negeri yang tidak dapat dibekalkan oleh pengeluaran-pengeluar tempatan. Polisi mengenakan sekatan import untuk melindungi pengeluaran-pengeluar tempatan adalah langkah sementara sahaja dan apabila industri itu telah kukuh dan boleh berdikari maka kawalan itu akan dilonggarkan.

Tanggungjawab Kementerian saya juga meliputi usaha-usaha mengujudkan suatu suasana yang baik dalam perdagangan dan perindustrian dengan menentukan amalan-amalan dan praktik-praktik perdagangan yang bersih dijalankan. Untuk langkah ini Kementerian saya sedang mentadbir dan mengubah beberapa dasar-dasar dan undang-undang seperti Akta Sewabeli dan Akta Hakcipta. Selain daripada itu, Kementerian saya juga bekerjasama dengan pihak Imigresen mengenai hal-hal kewarganegaraan warganegara-warganegara asing di bidang perdagangan dan perindustrian.

Menyentuh tentang harga barang-barang khususnya barang-barang keperluan, Kementerian saya akan meneruskan langkah-langkah

bagi menstabilkan harga dan mencegah kenaikan harga barang-barang yang tidak berpatutan. Permohonan-permohonan untuk kenaikan harga dikaji dengan teliti dan mendalam. Kementerian saya juga akan terus menentukan supaya terdapat bekalan yang cukup khususnya bagi barang-barang utama seperti gula, garam, susu, tepung gandum, minyak masak, barang-barang besi dan simen. Kajian-kajian menenai barang-barang keperluan dibuat pada tiap-tiap enam bulan.

Kementerian saya telah mengisytiharkan 19 jenis barang-barang sebagai barang-barang kawalan di bawah Akta Kawalan Bekalan, 1961 sementara 21 jenis barang-barang lagi telah diisytiharkan sebagai barang-barang kawalan di musim perayaan. Langkah ini telah diambil untuk memastikan supaya penyorokan barang-barang berkenaan tidak berlaku dan mengawasi pengedaran barang-barang tersebut di pasaran-pasaran.

Perintah Kawalan Harga (Penandaan Harga oleh Penjual runcit) 1977, telah dikuatkuasakan semenjak 1hb Mei, 1977 dan akan terus diperkuatkuasakan. Perintah ini mewajibkan setiap penjual runcit memamerkan tanda harga ke atas 111 jenis barang-barang keperluan. Dengan ini pengguna-pengguna dapat membuat perbezaan dan pilihan barang-barang yang harganya berpatutan. Langkah ini secara tidak langsung dapat mencegah kenaikan harga barang-barang yang keterlaluan.

Tindakan-tindakan lain yang diambil oleh Kementerian saya untuk menjaga kepentingan pengguna-pengguna ialah mengambil tindakan di bawah Akta Perihal Dagangan, 1972 dan Enakmen-Enakmen Timbang dan Sukat. Tindakan ini diambil untuk mencegah penjualan barang-barang tiruan dan penggunaan alat-alat timbang dan sukat yang tidak betul. Dengan tindakan yang telah diambil oleh Bahagian Penguatkuasa Kementerian saya, penjualan barang-barang tiruan dan penggunaan alat-alat timbang dan sukat yang tidak betul telah berkurangan.

Sehingga 31hb Oktober, 1978 jumlah kes-kes yang telah didakwa di bawah undang-undang yang dikuatkuasakan oleh Kementerian saya ialah 1695, jumlah denda yang telah dipungut ialah \$579,266 sementara hasil

jualan barang-barang rampasan ialah \$596,524.

Tuan Pengerusi, sejak ditubuhkan dalam tahun 1973, Majlis Penasihat Pelindung Pengguna-Pengguna Kebangsaan telah mencapai kejayaan yang memuaskan dalam memberi nasihat kepada Kementerian saya mengenai perlindungan kepentingan pengguna-pengguna. Nasihat-nasihat Majlis tersebut adalah meliputi kadar pertukaran matawang bagi buku-buku yang diimpor, penggubalan Perintah Kawalan Harga di bawah Akta Kawalan Harga 1946, Pindaan Akta Sewa Beli 1967, Pindaan Akta Perihal Dagangan 1972 dan perundingan dengan pihak-pihak swasta bagi menstabilkan harga dan bekalan barang-barang keperluan pengguna khususnya di musim-musim perayaan. Pada masa ini Majlis ini sedang giat menyediakan dan mengatur langkah-langkah bagi meningkatkan lagi kesedaran pengguna dengan menganjurkan pertandingan syarahan dan mengarang, mengadakan ceramah, seminar dalilog, pamiran dan menerbitkan risalah-risalah untuk memberi penerangan, khidmat nasihat dan menyelaras bantuan Kewangan kepada Persatuan-persatuan Pengguna.

Tuan Pengerusi, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian akan terus memainkan peranannya untuk mengujudkan suatu masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputra yang aktif, berdikari dan bertambah maju. Pada keseluruhannya peniaga-peniaga bumiputra yang berjaya adalah jauh melebihi peniaga-peniaga yang gagal. Bumiputra bukan sahaja telah dapat mempertahankan bahkan juga telah menambah penyertaan mereka dalam mengedar kebanyakan barang-barang. Kemajuan penyertaan bumiputra adalah lebih ketara di dalam pengedaran susu, minyak tanah, gas, motokar, simin, cat dan barang-barang letrik serta pengendalian pam minyak. Kemajuan bumiputra dalam perniagaan barang-barang letrik adalah sangat menarik memandangkan di bidang ini terdapat banyak persaingan iaitu lebih dari yang terdapat dalam perniagaan sebahagian besar dari lain-lain barang. Kebolehan bumiputra menjalankan perniagaan di mana tidak terdapat sekatan-sekatan terhadap persaingan adalah bertambah dari masa ke semasa. Bilangan

pedegar/wakil pedegar bumiputra bagi kebanyakan barang-barang adalah bertambah di antara tahun 1977 dengan tahun 1978. Sebagai contoh, bilangan pedegar bumiputra telah bertambah dalam pedegaran simin dari 35 (60.3%) kepada 37 (62%), minyak tanah dari 65 (15.6%) kepada 70 (16.6%) dan gas 186 (17.4%) kepada 196 (18%). Bilangan pam minyak yang dikendalikan oleh bumiputra telah bertambah dari 164 (15.5%) kepada 168 (16%). Kemajuan-kemajuan yang telah dicapai oleh bumiputra dalam pedegaran barang-barang adalah merupakan suatu kejayaan dari usaha-usaha Kerajaan menyusun semula masyarakat dengan kegiatan ekonomi.

Walau bagaimanapun terdapat kelemahan-kelemahan di kalangan peniaga bumiputra dalam jenis-jenis perniagaan yang memerlukan modal yang besar dan kemahiran teknik yang tinggi seperti pedegaran jentera, motosikal dan alat-alat ganti motor. Penyertaan bumiputra juga masih lemah dalam pedegaran barang-barang mengikut sistem pasaran terbuka seperti tekstail, pakaian, barang-barang buatan kayu dan logam, alat tulis, berbagai jenis tembikar dan lain-lain. Sungguhpun begitu penyertaan mereka secara berkesan adalah bertambah dari masa ke semasa dan jauh lebih baik daripada sebelum pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru.

Dalam tahun 1979, Kementerian saya akan mempergiatkan lagi usaha-usaha membantu peniaga-peniaga bumiputra menghadapi berbagai masalah mereka, istimewa dalam hubungan mereka dengan syarikat-syarikat yang utama yang telah melantik mereka. Setakat ini hubungan Bahagian Penyertaan Bumiputra dengan syarikat-syarikat utama banyak tertumpu kepada mendapatkan peluang-peluang perniagaan dengan syarat-syarat yang saksama untuk bumiputra. Dalam tahun 1979, hubungan ini akan diperluaskan kepada bidang latihan dan bimbingan yang sesuai dijalankan oleh syarikat-syarikat utama bagi faedah peniaga-peniaga bumiputra untuk meninggikan mutu perniagaan mereka dan mengukuhkan masyarakat perniagaan bumiputra.

Semenjak Bahagian ini ditubuhkan dalam tahun 1974, aktiviti-aktiviti hanya dijalankan

dari ibu pejabat di Kuala Lumpur. Pada pertengahan tahun 1978. Bahagian ini telah membuka sebuah pejabat cawangan di Kuching dan satu lagi pejabat cawangan akan dibuka di Kota Kinabalu, Sabah. Dalam tahun 1979, adalah dirancangan pejabat-pejabat cawangan dibuka di Alor Setar, Ipoh, Johor Bharu dan Kota Bharu. Dengan adanya pejabat-pejabat cawangan ini Bahagian Penyertaan Bumiputra di antara lain akan dapat menentukan taraf kebumiputraan/ syarikat-syarikat dan memastikan ketulinan perjalanan mereka, mengikut perkembangan syarikat-syarikat bumiputra terutamanya mereka yang telah dilantik sebagai pedegar supaya tiada menyeleweng dari segi taraf kebumiputraan dan perjalanan perniagaan dan untuk mengikuti perkembangan syarikat-syarikat tersebut.

Tuan Pengerusi, sejajar dengan negara-negara lain di dunia yang menggunakan Sistem Unit Antarabangsa (Standard International System), Malaysia juga akan menggunakan Sistem Metrik pada atau sebelum tahun 1982, di dalam sistem ukur, timbang dan sukat. Setakat ini Bahagian Metrik Kementerian saya telah mengatut berbagai rancangan dan penyelarasan yang perlu untuk memperkenalkan dan memudahkan lagi penukaran ke sistem ini ke peringkat nasional termasuk negeri Sabah dan Sarawak.

Memandangkan sistem ini tidak dapat dilaksanakan dengan serta-merta dan serentak di semua lapisan aktiviti, maka proses pertukaran telah dibuat berperingkat-peringkat dan mengikut kawasan. Sebilangan besar daripada Jabatan-jabatan Kerajaan dan juga sektor swasta telah mula menggunakan sistem ini dengan baiknya. Beberapa aspek penting dalam bidang perusahaan perkilangan, impot/eksport, perniagaan borong dan runcit, cukai kastam, pengukuran, pendidikan serta pengangkutan jalanraya telahpun menggunakan sistem metrik ini dengan baik walaupun tidak dengan sepenuhnya.

Kegiatan-kegiatan penyebaran maklumat, penerangan-penerangan serta garis panduan carta penukaran kepada semua golongan yang terlibat sedang giat diperhebatkan lagi. Begitu juga alat-alat timbang dan sukat dalam unit

metrik sedang diperkenalkan dalam perdagangan borong dan runcit. Pada penghujung tahun 1979 ini, adalah dijangka lebih daripada 75% penggunaan sistem ini dapat dilaksanakan di bidang perdagangan dan perindustrian dan lain-lain bidang yang berkaitan.

Tuan Pengerusi, Tanggungjawab Pendaftaran Cap Dagangan dan Jaminhak (Registrar of Trade Marks and Patents) di Kementerian saya adalah mendaftar dan merekodkan permohonan-permohonan Cap Dagangan di bawah Ordinan Cap Dagangan, 1950 dan seterusnya mengawasi kegunaannya demi untuk kepentingan tuan punya Cap Dagangan tersebut. Satu Akta baru Cap Dagangan 1976 telah diluluskan oleh Parlimen dan di bawah Akta ini satu sistem pendaftaran pusat akan diwujudkan dengan Kuala Lumpur sebagai Ibu Pejabat, sementara Pejabat-pejabat cawangan akan dibuka di Sabah dan Sarawak. Di bawah sistem ini hanya satu permohonan sahaja diperlukan untuk mendapatkan perlindungan di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Bilangan permohonan Cap Dagangan yang diterima sehingga Oktober, 1978 ialah 103,800 termasuk 3,882 yang diterima di dalam tempoh Januari hingga Oktober tahun ini. Jumlah sijil yang dikeluarkan sehingga Oktober, 1978 ialah 86,080 termasuk 2,308 yang dikeluarkan dalam tempoh Januari hingga Oktober tahun ini. Hasil yang telah dikutip di dalam tempoh Januari hingga Oktober tahun ini ialah \$217,206.25.

Di bidang pendaftaran syarikat pula, tanggungjawab telah diserahkan kepada Pendaftar Syarikat untuk melaksanakan dan mentadbirkan Akta Syarikat 1965. Akta Syarikat Amanah, 1949 dan Akta Perusahaan Sekuriti, 1973. Bilangan syarikat yang ada di dalam daftar syarikat-syarikat pada 31hb Oktober, 1978 ialah 42,886 buah. Ini termasuk 5,906 buah syarikat baru yang didaftarkan dari bulan Januari hingga Oktober, 1978 ini. Kutipan hasil yang dibuat oleh Pejabat Pendaftaran Syarikat hingga 31hb Oktober, 1978 ialah sebanyak \$12,781,261. Pada tempoh yang sama dalam tahun 1977, jumlah kutipan ialah \$10,798,799.

Pejabat Pendaftaran Perniagaan adalah bertanggungjawab untuk mengendalikan pendaftaran perniagaan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan, 1956 di seluruh Semenanjung Malaysia. Selain dari Ibu Pejabat di Kuala Lumpur, Pejabat ini mempunyai dua pejabat cawangan, satu di Johor Bahru yang mengendalikan pendaftaran perniagaan di negeri Johor dan Melaka dan satu lagi di Alor Setar yang mengendalikan segala pendaftaran di Pulau Pinang, Kedah dan Perlis. Cawangan di Kota Bharu sedang dalam proses pembukaan. Hasil kutipan dari Jabatan Pendaftaran Perniagaan ini telah meningkat berlipat ganda dan dalam tempoh sepuluh bulan pertama tahun 1978 jumlah kutipan ialah \$5,432,992.80 dan dijangka pada 1979 pejabat ini akan dapat mengutip lebih dari \$6 juta. Mengikut rekod, jumlah perniagaan yang didaftarkan dan masih berjalan lagi sehingga Oktober, 1978 berjumlah 282,944 dan daripada ini 68,041 adalah perniagaan bumiputra.

Tuan Pengerusi, selain daripada sektor perkilangan, Kementerian saya adalah bertanggungjawab terhadap perusahaan pelancungan. Perusahaan pelancungan merupakan satu industri yang penting bagi ekonomi Malaysia kerana di samping mendapatkan matawang asing yang dibelanjakan oleh pelancung-pelancung di negara ini, industri ini juga akan dapat mengembangkan projek-projek bangunan seperti hotel, motel dan sebagainya serta mengembangkan kegiatan perhubungan dengannya seperti pengangkutan, pengembaraan dan lain-lain.

Bagi memesatkan lagi usaha-usaha menggalakkan pelancungan di Malaysia dalam tahun 1979, Perbadanan Kemajuan Pelancungan (Tourist Development Corporation) akan mempergiatkan kegiatan pemasaran dengan memperkenalkan Malaysia sebagai sebuah negara destinasi pelancungan yang menarik dengan cara yang lebih luas dan agresif. Pengiklanan Dagang (Trade Advertising) juga akan diperhebatkan lagi. Perbadanan akan menambahkan iklan secara langsung kepada pengguna yang mana merupakan satu perubahan baru kerana di masa yang lampau Perbadanan telah menumpukan perhatian kepada pengiklanan dagang.

Sebagai tambahan kepada usaha-usaha pengiklanan, rombongan jualan keluar negeri adalah merupakan satu usaha yang berkesan untuk menggalakkan pelancungan di Malaysia. Pada tahun-tahun yang lalu Perbadanan telah mengelolakan 4 rombongan jualan yang disertai oleh pengusaha-pengusaha pengembaraan, agensi-agensi pelancungan, pengusaha-pengusaha hotel dan sebagainya. Rombongan-rombongan jualan seperti ini membolehkan kita memperkenalkan serta berunding dengan secara langsung dengan pengusaha-pengusaha pelancungan di negara-negara yang dilawati mengenai kemudahan-kemudahan dan keindahan negara serta program-program yang sudah ada dan boleh disediakan untuk pengusaha-pengusaha berkenaan. Pihak swasta juga dapat membuat hubungan terus-menerus dan juga dapat menjualkan rancangan-rancangan mereka kepada pengusaha-pengusaha di luar negeri.

Perbadanan Kemajuan Pelancungan akan menumpukan sebahagian besar daripada tenaganya untuk menyiapkan segala bahan-bahan penggalakan yang lebih baik dan berkesan untuk mengemukakan Malaysia sebagai sebuah pusat Konvensyen yang menarik di Wilayah ini. Pengiklanan untuk memperkenalkan Malaysia sebagai Pusat Konvensyen melalui majalah-majalah konvensyen akan diberi keutamaan secara yang lebih luas di dua pasaran, iaitu di Australia dan di United Kingdom. Perbadanan telahpun dalam tahun 1978 memberikan khidmat mendapatkan dan membantu konvensi ke negara ini kepada 14 penganjur tempatan termasuklah 2 konvensi yang dirancang diadakan dalam tahun 1979.

Bagi menentukan perusahaan pelancungan berkembang sejajar dengan kehendak-kehendak negara, satu undang-undang khas "Peraturan-peraturan Perbadanan Kemajuan Pelancungan (Perakuan dan Pengawasan Pemandu) 1976" telahpun dikuatkuasakan. Di samping itu Perbadanan sedang merangka satu lagi undang-undang khas iaitu "Peraturan-peraturan Pendaftaran dan Pengawasan Agensi-agensi Pelancungan 1978" untuk meluas dan mengawal segala kegiatan yang diusahakan oleh agensi-agensi itu. Sementara itu Perbadanan juga sedang merangka satu sistem penjenisan hotel yang memberi

taraf kepada hotel-hotel berkenaan mengikut penjenisan yang akan ditentukan.

Sesuai dengan dasar-dasar Kerajaan, Perbadanan juga akan memberi perhatian yang berat kepada penyertaan bumiputra dalam industri pelancungan. Kejayaan yang dicapai dalam bidang ini adalah memuaskan.

Tuan Pengerusi, selaras dengan Dasar Ekonomi Baru dan matlamat Rancangan Malaysia Ketiga, Pusat Daya Pengeluaran Negara di bawah Kementerian saya telah mempelbagaikan dan memperkemaskan program-program bagi membolehkan dan memberi peluang kepada usahawan-usahawan serta kakitangan pengurusan bumiputra di luar bandar untuk sama-sama mempelajari teknik pengurusan dan daya pengeluaran. Dalam usaha memperluaskan aktiviti pusat ini telah membuka cawangannya di Kuantan, Pulau Pinang dan Johor Bahru.

Untuk menggalakkan penyertaan Bumiputra di bidang perusahaan dan perniagaan, Pusat Daya Pengeluaran Negara telah mengadakan satu program khas iaitu Rancangan Pembangunan Usahawan yang telah dimulakan pada pertengahan tahun 1976. Rancangan khas ini merupakan satu rancangan latihan yang paling giat dijalankan di Pusat ini sekarang. Rancangan-rancangan susulan juga diadakan dan lawatan-lawatan dibuat ke atas bekas-bekas peserta kursus tersebut. Setakat ini Pusat Daya Pengeluaran Negara telah menjalankan sebanyak 215 kursus khas tersebut untuk lebih kurang 5,314 peserta. Sebanyak 948 lawatan susulan telah dijalankan semenjak rancangan ini dilancarkan.

Tuan Pengerusi, mengenai Anggaran Pembangunan tahun 1979, Kementerian saya hanya memerlukan peruntukan sebanyak \$250,020 bagi membiayai 4 kajian kemungkinan pelancungan. Tindakan telahpun diambil bagi memulakan kajian-kajian ini dalam tahun 1978. Kajian-kajian ini adalah bagi kawasan negeri Sabah, Sarawak, Kelantan/Trengganu dan kawasan Mersing termasuk pulau-pulau di sekitarnya. Kajian-kajian ini adalah di bawah kelolaan Perbadanan Kemajuan Pelancungan. Selain daripada itu Perbadanan akan menyiapkan kerja-kerja pembinaan projek Kelab

Mediterranee di Cherating, Pahang yang dijangka siap pada bulan April dan dibuka mulai Julai, 1979. Sebuah pusat peranginan yang mempunyai 100 buah bilik di Tanjung Jara dan 20 bilik di Rantau Abang sedang dibina dan dijadualkan siap pertengahan tahun 1979. Perbadanan juga akan memperbesarkan Motel Desa di Kuala Trengganu dengan menambah bilik-bilik untuk menampung keperluan-keperluan bilik di bandar Kuala Trengganu.

Tuan Pengerusi, saya memohon Anggaran Perbelanjaan Mengurus sebanyak \$54,052,100 dan Anggaran Pembangunan sebanyak \$250,020 bagi Kementerian Perdagangan dan Perindustrian diluluskan.

**Tuan Pengerusi:** Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, Maksud Bekalan B.25 sebanyak \$54,052,100 dan juga Maksud Pembangunan P.25 sebanyak \$250,010 keduanya berjumlah sebanyak \$54,302,120 sekarang ini terbuka untuk dibahaskan.

4.20 ptg.

**Dr Tan Tiong Hong (Kepong):** Tuan Pengerusi, di bawah peruntukan bagi Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, saya tidak mahu bercakap lama, oleh kerana ada ramai Ahli-ahli Yang Berhormat juga hendak bercakap.

Saya ingin merujuk kepada Maksud B.25 Butiran 1100 berkenaan Aktiviti-aktiviti (5) dan (6)—Bahagian Penyelidikan, Perancangan dan Penyelarasan (Research Planning and Coordination Unit) dan Kemajuan Perindustrian (Industrial Development).

Tuan Pengerusi, Malaysia sekarang sedang membangun dan boleh dikatakan di dalam revolusi perindustrian (industrial revolution). Sekarang dengan perjalanan revolusi perindustrian dalam negara kita, tentu ada banyak perkara yang perlu diaturkan semula—attitude baru, konsep baru dan approach baru. Untuk mengatasi masalah-masalah revolusi seperti ini mesti dicarikan dan juga dengan revolusi ini fikiran lama perniagaan akan membuka jalan bagi sistem baru dan mendasar dengan memerlukan lebih tenaga rakyat, kerana itu masalah baru yang

kita akan menghadapi ialah masalah macam mana hendak memperolehi teknologi baru dan bagaimana hendak menggunakannya.

Tuan Pengerusi, teknologi amatlah penting dan dalam lapangan ini kita tidak boleh mengharap sama sekali dari negeri asing sahaja. Sekarang kita sangat perlu mempunyai teknologi yang moden dan tenaga teknikal yang mahir yang boleh digunakan untuk pembangunan negara. Teknologi moden ialah boleh diperalatkan di dalam revolusi perindustrian ini dengan kadar perbelanjaan yang tinggi menimbulkan masalah memperlakan kemajuan perusahaan. Adalah baik jika kita dapat mengadakan kemudahan latihan perindustrian dengan kerjasama pengusaha kilang dan pertolongan negara-negara asing yang industrialise.

Tuan Pengerusi, teknologi moden akan tidak dikawal di bawah negara-negara yang maju dalam lapangan teknologi. Malaysia boleh menjadi sebuah negara yang mempunyai perindustrian maju di dalam konteks ASEAN jika sekarang kita ada satu rancangan tenaga rakyat teknik yang maju dan sesuai. Kita sudah ada satu "one-stop agency" untuk kemajuan perindustrian dan saya mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri untuk melaksanakan konsep ini. Tuan Pengerusi, tetapi apa yang kita hendak juga ialah tenaga rakyat teknikal yang mahir dan baru-baru ini sebuah kilang telah memberitahu kepada saya bahawa mereka terpaksa menghantar lebih kurang 40 orang para pekerjanya ke negara Jepun untuk latihan teknologi moden sebelum mereka boleh mengoperasikan mesin-mesin kilang mereka. Kerajaan kita sedar bahawa bagi negara kita yang sedang membangun tenaga rakyat teknikal adalah sangat diperlukan pada masa sekarang. Ini menunjukkan bahawa pelajaran teknik dan vocational harus diperkembangkan dan ditambahkan lagi. Pada hari ini graduan-graduan dalam kumpulan sub-professional memang berkurangan tetapi nampaknya kita tidak memberikan perhatian yang cukup ke atas masalah ini.

Tuan Pengerusi, saya juga sedar bahawa graduan-graduan pelajaran tinggi haruslah diberi keutamaan apabila sebuah negara sedang membangun seperti negara kita dan aspirasi rakyat untuk berpeluang mengikuti

pelajaran tinggi juga hendaklah dipenuhi tetapi sektor pelajaran teknik dan vocational hendaklah juga diberi priority.

Tuan Pengerusi, saya mencadangkan untuk mengadakan "bulan teknik dan vocational" yang dianjurkan oleh Kementerian ini dengan kerjasama Kementerian lain. Dalam bulan ini, Kementerian ini bersama kilang-kilang dan lain-lain sektor berkenaan akan memberi penjelasan-penjelasan yang lebih lanjut dan yang menarik perhatian di sekolah-sekolah dan juga melalui mass media untuk maklumat ibubapa dan murid-murid sekolah mengenai apakah pelajaran teknik dan vocational. Objektifnya ialah untuk menggalakkan dan mendapatkan lebih ramai lagi belia-belia kita berminat dan mengikut kursus teknik dan vocational sebagai profession mereka, jika kita benar-benar mahu menyelesaikan masalah pelajaran dan tenaga rakyat teknik yang kita hadapi sekarang adalah patut kita belanjakan lebih hingga 10 kali ganda untuk mengadakan lebih banyak kolej-kolej teknik.

Tuan Pengerusi, kita tidak boleh menafikan lagi bahawa para pekerja mahir dan juruteknik adalah banyak memberikan sumbangan terhadap pembangunan negara kita untuk menjayakan dan melaksanakan semua rancangan-rancangan Malaysia di dalam Dasar Ekonomi Baru. Malangnya insentif yang diberi kepada mereka hari ini ialah tidak seimbang dengan apa yang patut mereka terima. Saya mencadangkan, kita harus mengkaji semula situasi tenaga rakyat teknik dan mengambil langkah-langkah untuk mengatasi masalah ini untuk mencapai objektif-objektif Dasar Ekonomi Baru dan menjayakan revolusi industri negara kita ini.

Dengan ini, Tuan Pengerusi saya sokong peruntukan bagi Kementerian Perdagangan dan Perindustrian bagi tahun 1979.

4.30 ptg.

**Tuan Lee Lam Thye (Kuala Lumpur Bandar):** Tuan Pengerusi, saya hanya membangkitkan dua tiga perkara di dalam perbahasan saya terhadap anggaran yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang pertama ingin saya merujuk kepada Maksud B.25, muka surat 181, Aktiviti (2) Urusetia Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan.

Tuan Pengerusi, pada tahun yang lalu semasa mengambil bahagian dalam perbahasan anggaran Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dalam Dewan ini, saya ada menyatakan bahawa sejak Majlis Penasihat Pelindung Pengguna-pengguna Kebangsaan ditubuhkan di dalam Kementerian pada tahun 1974, Majlis tersebut tidak dapat bergerak sebagai satu badan yang efektif untuk menjaga kepentingan pengguna-pengguna di negara kita. Dalam ucapan itu saya ada menambah kata bahawa sungguhpun Majlis itu telah wujud lebih kurang 4 tahun, pengguna-pengguna Malaysia tidak puashati dan tidak yakin Majlis itu dalam bentuk yang ada sekarang, dapat menjaga dan melindungi kepentingan mereka. Dalam jawapan Yang Berhormat Menteri yang berkenaan pada masa itu, beliau ada mengatakan bahawa sungguhpun Majlis ini merupakan sebagai satu Badan Penasihat sahaja tetapi ia adalah satu badan yang sungguh aktif.

Tuan Pengerusi, dalam ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi beliau ada mengatakan mengenai aktiviti-aktiviti yang sedang dijalankan oleh Majlis itu seperti mengadakan seminar, dialog dan ceramah mengenai hal-ehwal pengguna-pengguna. Sungguh aktif ialah satu perkara, tetapi apa yang rakyat dan khasnya pengguna-pengguna perlu hari ini ialah bukan satu badan yang sungguh aktif sahaja tetapi satu badan yang diperlengkapkan dengan kuasa dan makna. Dan apa yang lebih mustahak diperlengkapkan dengan kepantasan untuk menguruskan segala hal-ehwal pengguna atau sebuah badan yang bukan aktif tetapi efektif dan pantas untuk mengatasi segala masalah yang dihadapi, yang dialami oleh pengguna-pengguna pada hari ini.

Tuan Pengerusi, saya tidak menafikan bahawa Majlis itu dan panel-panel di bawahnya ada menjalankan kegiatan-kegiatan yang berguna seperti menasihatkan Kementerian tentang pindaan undang-undang, tentang kedudukan harga dan bekalan barang keperluan seperti daging, ayam, telur dan lain-lainnya, tetapi apa yang saya maksudkan ialah sungguhpun kesemua aktiviti-aktiviti ini adalah baik dan wajar apabila kita pandang peranan Majlis itu sebagai satu Badan yang mempunyai kuasa menasihati sahaja dan memandangkan bahawa

apa-apa nasihat yang dibuat untuk kepentingan pengguna bolehlah ditolak oleh Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, saya terpaksa menyoal sama ada badan dalam rupa dan bentuk ini dapat memperjuangkan dengan sebenarnya kepentingan pengguna-pengguna secara efektif dan berkesan. Apa yang lebih mustahak ialah pengguna-pengguna pada selalu bertanya apakah kesan yang sebuah badan penasihat sahaja dapat memberi apabila kita membincangkan masalah pengguna dalam konteks perlindungan pengguna-pengguna yang efektif pada keseluruhannya. Itu ialah satu soalan yang mustahil, dalam konteks perlindungan pengguna-pengguna, apakah peranan yang dapat dimainkan oleh Majlis ini sebagai satu badan yang benar-benar efektif. Oleh kerana, saya sebagai Wakil Rakyat boleh nyatakan dengan jujur dan sesungguhnya bahawa setakat ini orang ramai berasa tidak yakin akan ketegasan Majlis itu untuk mengambil berat mengenai kepentingan pengguna-pengguna selagi dan selama ia merupakan badan penasihat di bawah Kementerian yang berkenaan, yang pada dasarnya wujud untuk menjaga kepentingan pengusaha-pengusaha kilang dan pelabur-pelabur di negara kita.

Tuan Pengerusi, rakyat Malaysia dan khususnya pengguna-pengguna memerlukan satu usaha yang sistematik, yang tegas dan beraliran tunggal di pihak Kerajaan bagi menjaga dan melindungi kepentingan pengguna-pengguna terhadap pengusaha-pengusaha kilang, pengimpot-pengimpot dan pemborong-pemborong yang tidak bertanggungjawab. Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan yang wujud sekarang ini di bawah Kementerian yang berkenaan tidak dapat, saya tegaskan, tidak dapat memainkan peranan yang penting.

Tuan Pengerusi, tadi saya ada kata apa yang kita perlukan hari ini ialah sebuah Kementerian berasingan atau sekurang-kurangnya suatu Jabatan yang berasingan hendaklah ditubuhkan untuk menjaga hal-ehwal pengguna-pengguna di negara kita dan melindungi kepentingan mereka sesungguhnya. Dengan pandangan ini saya dengan secara ramai mencadangkan bahawa tanggungjawab melindungi pengguna-pengguna mestilah diundur dari Kementerian Perdagangan dan Perindustrian

yang pada asalnya tidak patut diberi tanggungjawab untuk menjaga hal-ehwal pengguna-pengguna oleh kerana ini adalah bertentangan dengan dasar dan objektifnya. Saya membuat cadangan ini dengan mengingatkan peranan di mana Kementerian yang berkenaan sepatutnya memajukan pelaburan dan melindungi pelabur-pelabur dan pengusaha-pengusaha kilang. Kalau Kementerian ini ditugaskan juga menjaga kepentingan pengguna-pengguna, ini bermakna suatu konflik kepentingan (conflict of interest) telah timbul dan ini ialah satu perkara yang tidak dapat dinafikan.

Saya hendak bertanya dan pengguna-pengguna di negara kita juga hendak bertanya macam mana Kementerian yang berkenaan dapat menjaga kepentingan pengguna dengan sesungguhnya apabila tujuan asasnya ialah untuk melindungi pelabur dan pengusaha dan juga menjaga hal-ehwal pelaburan (investment) dan lain-lain hal yang berkaitan dengan kemajuan perusahaan di negara kita.

Tuan Pengerusi, apa yang kita tidak dapat lupakan ialah dan ini adalah satu faktor yang mustahak, dan itu adalah masalah-masalah yang dialami oleh pengguna-pengguna tidak terhad kepada barang-barang keperluan sahaja yang ada di dalam bidang kuasa Kementerian yang berkenaan. Tetapi masalah-masalah yang dialami oleh pengguna-pengguna juga ada melibatkan jabatan-jabatan lain seperti Telekom, Pengangkutan, Pelajaran, Perumahan, Kesihatan dan lain-lain dan semua perkara-perkara seperti ini ada di luar bidang kuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Oleh sebab-sebab itu adalah jelas bahawa suatu jabatan khas diperlukan untuk perlindungan pengguna dan dengan ini saya syorkan bahawa Majlis Penasihat Pengguna Kebangsaan dalam Kementerian patutlah dibubarkan dan digantikan oleh Jabatan Hal Ehwal Pengguna yang ditubuhkan dengan sewajarnya dan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri bertanggungjawab ke atasnya. Sekiranya ini boleh dilaksanakan, saya yakin ini akan selama-lamanya dapat menjaga kepentingan pengguna dengan cara berkesan. Jabatan seperti ini bukan sahaja dapat mengurus perkara harga barang-barang yang tidak adil dan manipulasi jentera

pemasaran dengan sengaja untuk tujuan mewujudkan kekurangan palsu pembekalan barang-barang perlu tetapi juga mengendali Kementerian-kementerian Kerajaan yang lain yang ada hubungan dengan pemberian perkhidmatan kepada orang ramai seperti saya katakan tadi Jabatan Telekom, Lembaga Letrik Negara, Pengangkutan dan Kemudahan-kemudahan Awam.

Perkara yang keduanya, saya ingin menggunakan kesempatan ini untuk membincang sedikit ialah mengenai Aktiviti (6)—Kemajuan Perindustrian. Tuan Pengerusi, dalam ucapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi apabila beliau mengemukakan anggaran untuk Kementerianya, beliau ada menyentuh tentang penubuhan satu unit pusat atau one-stop agency dalam FIDA sebagai satu langkah untuk menggalakan pelaburan di negara kita. Tuan Pengerusi, sungguhpun saya mengalu-alukan penubuhan one-stop agency itu sebagai satu langkah yang wajar dan bijak tetapi saya harap bahawa one-stop agency ini bukan merupakan satu pusat penerangan sahaja tetapi one-stop agency ini dapat dan patut diperlengkapkan dengan kuasa untuk membuat keputusan-keputusan mengenai satu-satu permintaan daripada pelabur-pelabur yang berkenaan, dan mereka (pelabur-pelabur) tidak terpaksa untuk menunggu keputusan daripada pihak atasan di dalam Kementerian yang berkenaan apabila mereka membuat satu-satu keputusan mengenai sama ada mereka hendak melabur di negara kita ini.

Tuan Pengerusi, atas perkara kemajuan perindustrian juga, suka saya menyentuh satu aspek mengenai kemajuan perindustrian di negara kita dan itu ialah sektor perusahaan pembuatan kecil atau small manufacturing enterprise, dalam bahasa Inggerisnya. Sungguhpun angka yang tepat dan rasmi tidak diperolehi mengenai bilangan perusahaan pembuatan kecil di negara kita, tetapi mengikut banci perusahaan pembuatan kecil untuk Semenanjung Malaysia adalah diumumkan bahawa unit pembuatan dengan pengambilan pekerja-pekerja tidak melebihi 10 orang yang makan gaji mengandungi lebih kurang 70.3% dari jumlah unit pembuatan di

negara kita. Itu ialah apa yang saya perolehi daripada banci perusahaan pembuatan untuk Semenanjung Malaysia.

Tuan Pengerusi, memandangkan kepada keadaannya bilangan perusahaan pembuatan kecil yang begitu besar itu di seluruh negara kita, kami percaya dan kami yakin bahawa mereka boleh memainkan satu peranan berkesan. Dalam perkembangan ekonomi negara kita, tidak dapat dinafikan bahawa dengan adanya satu sektor pembuatan kecil yang dinamis ini bukan sahaja dapat membantu dalam menghasilkan pekerjaan-pekerjaan bahkan juga dapat meninggikan taraf pendapatan di negara kita. Memandangkan kepada keadaan ini dan oleh kerana perusahaan pembuatan kecil boleh memberi satu landasan untuk perkembangan perusahaan dan permodenan saya rasa Kerajaan patutlah mengambil satu pendekatan (approach) yang lebih positif untuk menentukan perkembangan sektor ini. Dalam hubungan ini saya rasa satu strategi khas patut diperkenalkan dan dilaksanakan untuk mencapai tujuan ini. Semua perusahaan pembuatan kecil di negara kita memerlukan bantuan penuh daripada Kerajaan sekiranya mereka mahu menyumbang kepada perkembangan ekonomi dan pembangunan negara kita.

Saya rasa kesal bahawa pada masa yang lalu dan sehingga sekarang Kerajaan tidak memberi perhatian yang serius kepada sektor itu dan akibatnya perusahaan pembuatan kecil di negara kita pada masa sekarang ada menghadapi, ada mengalami banyak masalah, yang pentingnya ialah kekurangan tanah untuk keluasan mereka. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk menggesa Kementerian yang berkenaan untuk mengambil berat tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh perusahaan pembuatan kecil dan terus mengambil langkah-langkah positif merumuskan satu strategi khas dengan Kementerian-kementerian yang lain, misalnya Kementerian Kemajuan Tanah untuk mendapatkan tanah yang sesuai bagi pembangunan perusahaan pembuatan kecil ini. Saya rasa dalam kontek ini Kementerian yang berkenaan juga patut dihubungi untuk memberi galakan khas (special incentive) untuk semua perusahaan pembuatan kecil

sebagai satu cara untuk membantu perusahaan itu.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin menyentuh satu perkara lagi iaitu perkara ketiga mengenai Aktiviti (5)—Bahagian Penyelidikan, Perancangan dan Penyelarasan.

Mengenai Bahagian ini, suka saya mengambil kesempatan ini untuk bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan apakah kegiatan-kegiatan yang telah dijalankan oleh Bahagian ini sehingga hari ini dan apakah hasil yang diperolehi. Saya membuat pertanyaan ini oleh sebab saya anggap bahawa Bahagian ini ialah satu Bahagian yang amat mustahak dan amat penting dalam Kementerian yang berkenaan dan oleh sebab ini saya berharap bahawa Timbalan Menteri dapat memberitahu Dewan ini apakah hasil yang berguna yang telah diperolehi oleh Bahagian itu dalam perkara memberi panduan ke arah pembangunan ekonomi negara kita.

Satu perkara yang akhir yang saya ingin sentuh ialah mengenai Aktiviti (3)—Bahagian Penguatkuasa. Atas Bahagian Penguatkuasa, saya lafazkan harapan saya bahawa Bahagian ini dapat diperkuatkan dengan pengambilan pegawai-pegawai yang cukup untuk menjalankan tugasnya. Perhatian serius hendaklah diberi untuk menyemak dan mengawal barang-barang palsu (imitation goods) yang kadangkala ada terdapat di dalam pemasaran sekarang yang boleh membahayakan, products ini boleh membahayakan kesihatan orang ramai.

Di sini saya hendak menggesa Kementerian memperhebatkan pemeriksaan barang-barang palsu yang terdapat dalam pasaran kita. Di samping itu saya harap bahawa Bahagian ini akan mengambil segala langkah untuk menentukan bahawa barang-barang berkenaan yang telah diberi pengurangan cukai baru-baru ini oleh Kementerian Kewangan, barang-barang tersebut dapat dijual dengan murah kepada orang ramai.

Atas perkara Penguatkuasa juga, suka saya menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri kepada aduan-aduan di kalangan orang ramai khasnya pengguna-pengguna tentang barang-barang tertentu yang dijual oleh satu dua supermarket di Kuala Lumpur,

barang-barang yang tidak segar oleh sebab baru-baru ini terdapat satu laporan dalam suratkhbar tempatan *Malay Mail* mengenai hal ini. Saya anggap perkara ini adalah mustahak oleh kerana sekiranya perkara ini dapat dibuktikan, ini bermakna bahawa kegiatan curang ada berlaku dan ini akan tentulah merugikan para pengguna-pengguna.

Untuk menentukan masalah ini dari berlaku, saya berharap bahawa Kerajaan akan memberi pertimbangan kepada satu cadangan untuk mewajibkan peruncit-peruncit untuk menandakan tarikh ke atas semua barang-barang makanan (date marking) dengan tujuan menunjukkan tempoh yang boleh dimakan (the shelf life) untuk semua makanan-makanan dalam tin atau makanan-makanan bungkusan atau makanan berbotol. Mungkin peraturan atau undang-undang baru ini dapat dipersatukan di dalam Akta Perihal Perdagangan dan sekiranya cadangan ini dapat diterima dan dilaksanakan oleh Kementerian yang berkenaan, saya yakin ini akan merupakan satu langkah yang wajar untuk melindungi orang ramai khasnya pengguna-pengguna dari pembelian barang-barang khasnya barang-barang makanan dalam tin yang tidak segar dan akan membahayakan kesihatan orang ramai. Ini ialah pandangan yang saya hendak beri dalam perbahasan Kementerian ini.

**Tuan Pengerusi:** Saya jemput Yang Berhormat dari Tumpat.

4.54 ptg.

**Tengku Noor Asiah binti Tengku Ahmad (Tumpat):** Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud B. 25—Kementerian Perdagangan dan Perindustrian Butiran 1100, Aktiviti (3)—Bahagian Penguatkuasa dan Aktiviti (4) (ii)—Kemajuan dan Penggalakan Perdagangan dan Aktiviti (10)—Penyertaan Bumiputra, muka surat 181.

Tuan Pengerusi, semenjak Anggaran Perbelanjaan dikemukakan oleh Menteri Kewangan sedikit hari dahulu beberapa duti impot telah diturunkan terutama harga buah-buahan yang diimpot dari luar negeri. Tetapi kita merasa dukacita bahawa pekedai-pekedai buah tempatan masih lagi tidak mengindahkan turunnya harga buah-buahan tersebut. Oleh kerana Bahagian Penguatkuasa

ini hanya diuntukkan seramai 304 orang kakitangan, tambahan pula hendak menjaga sebanyak 13 buah negeri di seluruh Malaysia, maka saya fikir tentulah sukar Bahagian Penguatkuasa ini dapat dijalankan sepenuhnya, kerana pekedai-pekedai ini biasanya tidak menghiraukan sangat tentang turunnya harga impot duti buah-buahan ini.

Kita berharap bahawa Bahagian Penguatkuasa ini menjalankan tindakan yang keras terhadap mereka yang melanggar peraturan sebagaimana yang ditetapkan oleh Kerajaan. Dalam hal ini, saya rasa Bahagian Penguatkuasa bolehlah menyelidik dan menyiasat akan kegiatan pemborong-pemborong buah tempatan atau melalui Persatuan Penjual Buah-buahan ataupun melalui Dewan Perniagaan mereka masing-masing. Apa yang didapati ialah mereka ini menerima arahan daripada pengimpot-pengimpot buah-buahan dari Singapura yang menetapkan harganya untuk dibawa masuk ke Malaysia. Ini bermakna kita membeli dari pihak yang kedua, dan dengan kerana itu harganya adalah jauh berbeza dari Singapura.

Dalam hal ini saya ingin mengesyorkan bahawa oleh kerana tradisi perdagangan ini telah terjalin begitu lama dengan pihak negeri-negeri yang berkenaan maka pada fikiran saya Kerajaan bolehlah bertindak melalui kerjasama serantau iaitu ASEAN di mana di dalam hubungan ini Kerajaan boleh meminta Kerajaan Singapura untuk merundingkan semula Perjanjian Perdagangan di antara pengimpot Singapura dengan pihak negara pengeluar buah-buahan yang berkenaan di mana ikatan lama yang terjalin itu masih lagi terikat. Mungkin melalui kerjasama ASEAN ini rundingan Perjanjian yang lama itu boleh diubahsuai dengan mana ianya dapat memberi peluang kepada Malaysia berurus terus dengan pihak-pihak pengeluar melalui jasa baik Kerajaan masing-masing. Kiranya ini dapat dilakukan, saya percaya pengimpot-pengimpot Malaysia akan bergembira kerana dapat berhubung terus dengan pihak-pihak pengeluar yang berkenaan. Ini bukan sahaja dapat menguntungkan kepada pengimpot-pengimpot kita malah kepada pembeli-pembeli juga.

Terbukti kepada kita bagaimana Pusat Perdagangan Getah Asli yang berpusat di

London telah dapat dipindahkan di Kuala Lumpur. Ini adalah hasil usaha pihak Malaysia yang mahukan bahawa Pusat Perdagangan Getah Asli di dunia itu dipusatkan di Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, jikalau perkara perdagangan ini dapat diperhatikan dengan sungguh-sungguh dan teliti serta dikaji semula kedudukannya sekarang, saya percaya ianya akan menguntungkan kepada negara kita dan rakyat seluruhnya.

Tuan Pengerusi, sekarang saya ingin menyentuh sedikit mengenai Aktiviti (1)—Penyertaan Bumiputra.

Kita sedia maklum bahawa penyertaan Bumiputra di dalam bidang perdagangan dan perindustrian adalah satu perkara nasional dan ia mestilah dipergiatkan dengan sungguh-sungguh. Kita tidak mahu penyertaan mereka ini terlalu lambat dan lembab sedangkan masa yang tinggal hanya 12 tahun lagi mengikut matlamat Dasar Ekonomi Baru yang berkehendakkan 30% penyertaan Bumiputra di dalam semua bidang perdagangan.

Tuan Pengerusi, kejujuran pihak-pihak yang melaksanakan Dasar Penyertaan Bumiputra ini adalah sangat-sangat perlu, kerana sekiranya terdapat kecuaihan dan kelambatan maka yang menerima akibatnya ialah kita sendiri. Kerana masa yang ditetapkan adalah tersangat pendek, dari itu usaha-usaha yang gigih dan berani, mestilah dilaksanakan dengan sepenuhnya. Insya Allah ianya akan terlaksana.

Tuan Pengerusi, setakat inilah sahaja rasa saya dan saya menyokong penuh peruntukan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

**Tuan Pengerusi:** Saya jemput Yang Berhormat dari Pantii.

5.00 ptg.

**Tuan Yusof bin Malim Kuning (Panti):** Tuan Pengerusi, saya mengucapkan ber-banyak terima kasih di atas peluang yang diberikan kepada saya dan saya tidaklah hendak bercakap panjang, cuma hendak menyentuh dua perkara.

Yang pertama saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan

Perdana Menteri merangkap Menteri Perdagangan dan Perindustrian yang telah dapat menarik minat pelabur-pelabur asing untuk melaburkan modalnya di negara kita ini.

Kita sebagai rakyat Malaysia adalah bertuah sebab negara kita ini selain daripada negara pertanian kita juga sekarang sedang bergerak ke arah atau melangkah setapak ke arah menjadi negara perindustrian ataupun negara perusahaan.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh berhubung dengan B.25, Butiran 1100, Aktiviti (3)—Bahagian Penguatkuasa.

Oleh kerana memandangkan pandangan ini begitu mustahak sekali dan penting kedudukannya di dalam Kementerian ini kerana kalau kita tinjau daripada tugasnya umpamanya menentukan supaya barang-barang keperluan cukup, harga berpatutan dalam masa biasa ataupun dalam masa darurat dan badan ini juga bertanggungjawab mencegah pengambilan keuntungan yang berlebih-lebih dan juga mencegah penjualan barang-barang tiruan. Di samping itu mencegah penggunaan alat-alat timbang dan sukat yang memerhati perjalanan supaya alat-alat timbang dan sukat berjalan dengan betul dan juga mencegah daripada berlakunya amalan-amalan perdagangan yang tidak sihat.

Apa yang saya hendak perkatakan di sini, oleh kerana memandangkan keadaan yang wujud pada hari ini masih lagi terdapat sebahagian pekedai-pekedai ataupun sebahagian peniaga-peniaga masih lagi memandang ringan dengan arahan-arahan dan peraturan-peraturan Kerajaan di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ini. Mereka masih lagi sanggup mempermain-mainkan pengguna-pengguna dan setengahnya sanggup menipu. Saya berani mengeluarkan perkataan "menipu" ini umpamanya setengah-setengah penjual ataupun pekedai-pekedai minyak sanggup mereka mengatakan bekalan tidak ada, sanggup mereka mengatakan minyak tidak cukup atau minyak tidak ada. Tetapi apabila diperiksa oleh badan ini didapati ada minyak di dalam simpanannya.

Dan sebahagiannya telah dapat dikesan dan dihadapkan ke mahkamah. Saya percaya dalam negara kita ini masih banyak lagi kejadian yang seumpama itu. Oleh kerana memandangkan pentingnya badan ini dan

jawatan yang dicadangkan untuk tahun 1979 seramai 304 orang sahaja, peruntukan yang dikehendaki oleh Kementerian ini sebanyak \$1.6 juta, saya sukalah menarik perhatian Yang Berhormat Menteri yang berkenaan oleh kerana memandangkan negara kita ini amat luas termasuklah Malaysia Timur iaitu Sabah dan Sarawak, daripada Perlis sampai ke Johor, memandangkan luasnya negara ini, saya berpendapat jumlah Pegawai penguatkuasa yang dikehendaki seramai 304 orang itu tidak mencukupi. Saya mencadangkan supaya ditambah lagi pegawai-pegawai penguatkuasa ini. Mudah-mudahan dengan itu sahaja kita dapat mengawal supaya pihak pedagang-pedagang ataupun pihak peniaga-peniaga tidak lagi mempermain-mainkan undang-undang ataupun peraturan-peraturan yang telah ditentukan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian.

Tuan Pengerusi, menyentuh saya Maksud B.25 juga iaitu dalam Aktiviti (5) mengenai Bahagian Penyelidikan, Perancangan dan Penyelarasan. Oleh kerana negeri Johor begitu strategik sekali kedudukannya di bidang perdagangan di sebelah selatan Semenanjung Malaysia ini yang mana terdapat jalan keluar masuk melalui daratan, melalui udara dan juga melalui laut dan saya tidak menafikan usaha-usaha Kerajaan di bidang lain, maka saya harap Bahagian Penyelidikan ini akan dapat benar-benar bekerjasama dengan Kementerian-kementerian yang lain, umpamanya Kementerian Perhubungan kiranya dapat usaha dipergiatkan lagi bagi melaksanakan ataupun mengusahakan pembesaran Lapanganterbang Senai supaya selain daripada Lapanganterbang itu dapat digunakan oleh kapalterbang kecil saya harap satu masa akan dapat digunakan untuk kapalterbang besar untuk mengangkut kargo yang boleh membawa dagangan kita keluar negeri dan juga membawa masuk. Begitu juga saya berharap dapat menjalankan kajian dan penyelarasan dengan Kementerian Perhubungan supaya Pelabuhan Pasir Gudang itu satu-satunya pelabuhan di sebelah Selatan dapat kita menandingi pelabuhan-pelabuhan lain terutama sekali Singapura yang mana boleh dikatakan sudah beratus tahun kita menumpang dengan pelabuhan Singapura bagi mengeksport barang-barang kita ataupun mengimpor barang-barang keperluan kita. Tuan Pengerusi, saya berharap juga badan

penyelidikan ini sekiranya dapat memberikan pandangan dan kajian yang menyeluruh kerana sebagaimana yang saya katakan pada awal tadi kita ini bertuah dapat hidup di dalam sebuah negara yang kaya dengan bahan-bahan mentah. Bahan-bahan mentah yang ada di dalam negara kita ini kalau hendak dikira tidak habis kita pakai, tidak habis kita gunakan sebab itu kita terpaksa mengekspot keluar negeri. Begitu banyaknya dan begitu kayanya negara kita ini dengan bahan-bahan mentah.

Jadi saya mencadangkan walaupun usaha-usaha telah ada dijalankan bagi mendirikan ataupun mengadakan industri atau kilang-kilang untuk memproses barang-barang mentah tempatan ini, dan saya mengharapkan pada masa yang akan datang usaha ini hendaklah digiatkan lagi. Dan saya berpendapat bukan kita tidak boleh bergantung dengan negara-negara maju, negara-negara barat ataupun negara-negara sebelah timur yang telah maju seperti Jepun dan sebagainya, kerana kita telah banyak pengalaman, kita banyak pengalaman dalam masa darurat, dalam masa Peperangan Korea dahulu, Peperangan Dunia Pertama, Peperangan Dunia Kedua dan seterusnya hingga ke Peperangan dengan Komunis. Bila berlaku peperangan, sedangkan negara kita pada masa itu tidak ada perusahaan memproses bahan-bahan mentah ini, maka terjejaslah keperluan dan kehendak rakyat sebab negara-negara perindustrian tidak dapat menjualkan barang-barangnya kepada kita.

Oleh itu saya mencadangkan dan saya percaya sudah sampai masanya agaknya bagi negara kita memikirkan dan badan penyelidikan ini hendaklah memberi pandangan dan nasihat kepada Kementerian ini segala keperluan yang diperlukan oleh rakyat kita kalau boleh hendaklah diproses di dalam negeri ini. Kerana kalau kita memproses barang-barang ini dalam negeri kita sendiri selain daripada kita membanyakkan industri, membanyakkan kilang kita juga dapat menampung penganggur-penganggur kita, dengan banyaknya kilang-kilang tadi banyaklah penganggur-penganggur kita dapat kerja dan anak-anak kita yang akan datang yang tidak lulus dalam persekolahan itu menganggur akan dapat kerja.

Selain daripada itu memang tidak dinafikan lagi kalau kita hendak ekspot bahan-bahan mentah kita tentulah dengan harga yang murah tetapi kalau bahan-bahan mentah kita yang sedia ada diberi Tuhan itu diproses, dijadikan alat dan dijadikan barang dan diekspot sudah tentu harganya lebih mahal daripada barang mentah yang kita ekspot tadi.

Tuan Pengerusi, oleh kerana banyak saya tengok kawan-kawan saya Ahli-ahli Yang Berhormat yang hendak bercakap, saya mengambil kesempatan ini sedikit sahaja dan saya menyokong atas anggaran Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang dikehendaki.

**Tuan Pengerusi:** Sekarang saya jemput Yang Berhormat dari Balik Pulau.

*5.10 ptg.*

**Tuan Shamsuri bin Md. Salleh (Balik Pulau):** Tuan Pengerusi, saya ucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk saya membahaskan peruntukan yang telah dibentangkan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian yang berjumlah \$54,302,120. Dan di samping itu, saya juga suka memberi pendapat dan pandangan saya mengenai beberapa perkara.

Tuan Pengerusi, saya suka menyentuh Butiran 1100, Aktiviti (9) iaitu Pendaftaran Perniagaan. Menurut Laporan Buku Anggaran Belanjawan 1979 jumlah perniagaan yang berdaftar pada tahun 1972-1977 telah meningkat lebih daripada 50%, begitu juga kutipan hasil pendapatan telah meningkat dari \$3.9 juta dalam tahun 1972 menjadi \$5.8 juta pada tahun 1977. Ini menunjukkan lebih ramai orang-orang yang telah menceburkan diri dalam lapangan perniagaan dan perdagangan dan tambahan bilangan peniaga-peniaga ini saya yakin termasuklah peniaga-peniaga bumiputra. Mengikut peraturan yang berjalan sekarang, pendaftaran perniagaan ini mestilah dibaharui setiap tahun dan jika pembaharuan itu dibuat lewat maka akan dikenakan denda, kadang-kadang \$10 dan ada kalanya \$15. Dan kalau kita bandingkan dengan wang yang dikenakan untuk pembayaran pembaharuan ini \$25, jadi \$10 denda yang dikenakan itu kalau kira

peratus jadi 40% dan kalau \$15, ertinya 60% denda kerana lewat membaharui pendaftaran perniagaan. Dalam hubungan ini, Tuan Pengerusi, pada pandangan saya denda yang dikenakan amatlah tinggi dan kepada peniaga-peniaga kecil yang baru memulakan perniagaan ini, ini satu tindakan yang tidak wajar dan saya fikir tidak patut dibuat kepada mereka ini dan dengan ini ramai peniaga-peniaga kecil bersungut. Di satu ketika Kerajaan menyeru dengan berbagai-bagai usaha menggalakkan peniaga-peniaga terutama peniaga bumiputra berkecimpung lebih giat dan lebih banyak dalam bidang perniagaan. Dan di satu ketika pula Kerajaan sendiri seolah-olah menyekat atau membantutkan usaha bumiputra ini melemahkan semangat mereka dengan mengenakan denda yang begitu tinggi. Jadi kepada peniaga-peniaga kecil ini bukanlah mereka ini sengaja melewatkan pembayaran untuk membaharui pendaftaran mereka itu. Kita tahu dan kita sedar bahawa ramai peniaga-peniaga bumiputra ini, perniagaannya kecil, dialah yang menjadi taukehnya, dialah yang mengurus segala-galanya. Kadang-kadang mereka terlupa tarikh untuk membaharui pendaftaran itu sudah lewat. Jadi untuk mengatasi masalah ini, saya berharap dan menyeru Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya dapat menimbangkan balik kadar denda yang dikenakan ini yang begitu tinggi supaya dapat dikurangkan kepada satu kadar yang sesuai yang menasabah kepada peniaga-peniaga kecil. Kepada peniaga-peniaga besar kita tidak hairan, sebab mereka ini mempunyai kerani dan pembantu yang banyak dan kakitangan yang lebih dan mereka tahu bilakah tempoh lesen pendaftaran ini mati dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, saya suka mencadangkan bagi mengatasi masalah kelewatan membaharui pendaftaran perniagaan ini supaya Kementerian yang berkenaan ini dapat mencontohi amalan baik yang dilakukan oleh Kementerian Penerangan, iaitu kepada pemunya-pemunya TV bila tarikh lesen itu akan matang 2-3 minggu dihantar notis kepada pemunya-pemunya TV itu menyatakan "tarikh matangnya lesen TV tuan-tuan ialah pada sekian-sekian tarikh". Ini satu amalan yang sangat baik. Jika Kementerian Penerangan dapat berbuat dan

dapat mengamalkan satu perbuatan yang baik, saya fikir Kementerian Perdagangan pun dapat mengikuti tauladan yang baik ini dan saya harap supaya dalam membaharui pendaftaran ini dapat kiranya Kementerian Perdagangan menimbangkan supaya dapat dihantar notis kepada peniaga-peniaga yang berkenaan supaya mereka tahu bilakah matangnya pendaftaran perniagaan mereka itu dan dengan itu tidak berlakulah kelewatan membaharui dan mereka tidak akan dikenakan denda.

Tuan Pengerusi, saya juga suka menyentuh tentang Maksud Bekalan yang sama, Butiran 1100 Aktiviti (10)—Penyertaan Bumiputra. Tujuan utama Kerajaan menubuhkan Yunit Penyertaan Bumiputra dalam Kementerian ini ialah untuk memesatkan penyertaan bumiputra dalam perdagangan dan perindustrian selaras dengan kehendak-kehendak Dasar Ekonomi Baru dan untuk mencapai tujuan itu Kerajaan ingin lebih ramai bumiputra mengambil bahagian dalam bidang pengedaran barang-barang.

Tuan Pengerusi, sebenarnya bidang pengedaran barang-barang ini adalah satu lapangan yang agak baru bagi peniaga-peniaga bumiputra. Masih ramai lagi bumiputra yang tidak mengetahui peluang-peluang yang boleh mereka dapati dalam sektor ini. Maka untuk mengatasi perkara ini saya suka mencadangkan bahawa Yunit Penyertaan Bumiputra patut mengedarkan maklumat atau risalah-risalah yang membutirkan peluang-peluang yang boleh didapati dalam bidang pengedaran ini kepada peniaga-peniaga bumiputra melalui Dewan-dewan Perniagaan mereka. Dengan cara ini saya yakin lebih ramai lagi bumiputra akan menyertai bidang ini.

Tuan Pengerusi, menyentuh juga masalah pengedaran ini, kalau kita lihat dalam Buku Anggaran Belanjawan 1979 ini muka surat 306 dari jumlah 16 barangan yang disenaraikan di bawah barang-barang yang diedarkan, cuma dua jenis barang sahaja di mana bilangan pengedar bumiputra agak menggalakkan; iaitu dalam pengedaran simen, jumlah pengedar bumiputranya 60.3%—ini sangat-sangat menggalakkan; dan satu lagi ialah dalam pengedaran besi dan besi waja yang jumlah pengedar bumiputranya ialah 47.1%.

Hanya dua barang dari 16 barang yang disenaraikan. Yang sangat sedih, Tuan Pengerusi, 14 lagi barang terutama barang-barang yang kita anggap atau kita istilahkan sebagai barang-barang yang cepat laku (fast selling item). Barang-barang ini pengedar bumiputrapunya sangat-sangatlah mendukacitakan. Sebagai contoh, saya ambil barang-barang alat-alat letrik. Boleh dikatakan hari ini kebanyakan rumah sudah menggunakan alat-alat kemudahan letrik. Ini cuma terdapat 5.5% sahaja pengedar bumiputra. Lagi barang yang dinamakan "fast selling item" ialah minuman, hanya 6.2% pengedar bumiputra, tepung 8.5% dan satu lagi minyak disel 6.8%.

Tuan Pengerusi, saya ingin mendapat penjelasan yang sejelas-jelasnya dari Yang Berhormat Menteri yang berkenaan mengapakah terlalu sedikit atau terlalu kurang jumlah pengedar-pengedar bumiputra bagi barang-barang yang cepat laku (fast selling item) ini mengapa begitu sedikit pengedar-pengedar bumiputra. Adakah bumiputra yang memohon untuk menjadi pengedar ini kurang ataupun kemungkinan adanya berbagai-bagai halangan yang sengaja diadakan untuk menyekat bumiputra memasuki bidang ini. Saya sangat-sangat berharap supaya Yunit Penyertaan Bumiputra akan mengambil perhatian yang serius dalam hal ini dan berikhtiar melipatgandakan penyertaan bumiputra dalam bidang tersebut.

Tuan Pengerusi, saya suka menarik perhatian Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai penyertaan bumiputra dalam bidang ini dan masalah-masalah yang mereka hadapi. Bagi mereka yang sudah menyertai bidang ini masalah-masalah yang mereka hadapi ialah tidak cukup bekalan dari pembekal. Bila kita sudah mendapat pelanggan-pelanggan yang baik, pembekal pula buat kelaku, tidak diberinya bekalan yang cukup. Ini menyebabkan pelanggan-pelanggan kita lari kepada peniaga-peniaga lain dan sudah ada tuduhan-tuduhan mengatakan peniaga-peniaga bumiputra ini tidak cekap, tidak mempunyai kemampuan yang cukup untuk mengedar barang-barang ini. Inilah helah-helah yang dibuat oleh pembekal-pembekal, boleh jadi dengan helah ini mereka hendak melemahkan semangat bumiputra memasuki bidang ini.

Selain daripada itu, biasa juga berlaku kepada pengedar-pengedar bumiputra ini apabila keadaan pasaran meningkat, bekalan yang kita dapat itu tidak diberi. Misalnya dalam perniagaan motokar, saya dapat aduan banyak daripada bumiputra yang menjadi pengedar motokar, motosikal dan sebagainya apabila satu-satu jenis kenderaan ini sangat laku, maka peruntukan yang diberi itu sangat sedikit, jadi tempahan-tempahan telah dibuat kepada peniaga-peniaga lain. Ini telah dijadikan sebab oleh pihak-pihak tertentu membuktikan bahawa bumiputra tidak mampu dan tidak cekap. Saya sangat-sangat dukacita terhadap perbuatan-perbuatan yang tidak bertanggungjawab yang cuba hendak menekan dan cuba hendak melemahkan semangat bumiputra dalam bidang ini.

Satu perkara lagi yang berlaku kepada pengedar-pengedar bumiputra ini memberi bekalan yang berlebihan. Sebagai contohnya, Tuan Pengerusi, ada seorang peniaga pengedar rokok; bila tiba musim perayaan bekalan yang diberi berlipat kali ganda dan disuruh membayar dengan tunai, di manakah peniaga yang lemah ini hendak mendapat modal yang begitu besar? Sudah dituduh ini juga ketidakcekan dan tidak mampu bumiputra dalam bidang ini, macam mana hendak beri lebih galakan. Saya fikir ini adalah perbuatan-perbuatan yang sengaja dibuat untuk menyekat dan melemahkan bumiputra memasuki dalam bidang ini.

Tuan Pengerusi, kepada bumiputra yang baru hendak menyertai bidang pengedaran ini, masalah-masalah yang mereka hadapi pula ialah mereka dikehendaki memenuhi syarat-syarat yang tidak menasabah, misalnya kalau seorang hendak menjadi pengedar dalam bidang barangan, seperti motokar dan sebagainya mestilah dia mempunyai pengalaman beberapa tahun. Di mana kita hendak dapat bumiputra yang mempunyai pengalaman dalam bidang ini? Kalau ini dijadikan sebagai syarat, sampai kiamat pun bumiputra tidak boleh masuk dalam bidang yang baru ini. Kita tahu bumiputra mempunyai pengalaman yang kurang, kadang-kadang langsung tidak ada pengalaman. Kalau ini dijadikan syarat, ini telah membuktikan dengan seterang-terangnya bahawa syarat-syarat ini sengaja diadakan sebagai halangan.

Selain daripada itu, syarat-syarat yang diadakan itu mestilah mempunyai simpanan modal yang besar, inipun kita faham sebagai satu syarat yang tidak perlu. Kalau Kerajaan betul-betul ingin melihat bumiputra berkecimpung dalam bidang ini, kita harap Yunit Penyertaan Bumiputra ini akan memerhatikan kelakuan atau tingkah-laku pembekal-pembekal ini yang telah mengadakan beberapa syarat yang tidak perlu yang seperti saya katakan tadi melemahkan semangat bumiputra bergiat dalam bidang ini.

Tuan Pengerusi, melihat kepada prestasi yang ditunjukkan oleh Yunit Penyertaan Bumiputra yang telah membuktikan kemampuannya menambahkan bilangan bumiputra dalam bidang pengedaran barang-barang hingga mencapai angka peratusan yang menggalakan seperti dalam pengedaran simen dan besi waja, iaitu 60% simen dan 47.1% besi waja, maka saya tidak ragu-ragu lagi dan mempunyai keyakinan yang penuh terhadap fungsi Yunit Penyertaan Bumiputra ini bahawa ianya dapat memainkan peranan yang sangat penting dalam usaha Kerajaan mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru.

Oleh yang demikian, Tuan Pengerusi, saya mengambil kesempatan dan peluang di Dewan yang mulia ini memohon kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan supaya menambahkan lagi peruntukan kepada yunit ini yang berjumlah \$483,900 itu ditambah sekurang-kurangnya \$1 juta. Dengan adanya tambahan peruntukan ini maka bolehlah pegawai-pegawainya ditambah dan aktivitiya dilipatgandakan.

5.29 ptg.

**Tuan Shaari bin Jusoh:** Tuan Pengerusi, saya bercakap mengenai B.25 dalam Bahagian Penguatkuasa. Saya berharap Bahagian Penguatkuasa ini patutlah dijalankan selalu, janganlah kadang-kadang sahaja bila dibangkitkan oleh rakyat ada pekedai-pekedai ataupun peniaga-peniaga yang menjalankan tidak betul, maka di kala itu barulah Bahagian Penguatkuasa akan mengambil tindakan.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, saya berharap tanda harga ini biarlah tepat. Janganlah tanda harga ini kata orang kita

buat syarat sahaja tanda harga, misalnya satu barang yang kualitinya tidak baik sekalipun tanda harga yang begitu mahal, kita tidak ambil indah, dengan syarat ada tanda harga. Dengan sebab itu, biasa berlaku dan selalu berlaku, kadang-kadang baik baju atau apa pakaian sekalipun tanda harganya katakan \$15 tetapi sesudah ditawarkan oleh pihak pembeli, maka pihak pekedai boleh menjualnya sampai setengah harga dan murah daripada setengah. Tanda harga ini, saya berpendapat tidak menasabah. Ini boleh mengecoh atau mengelirukan para pengguna. Dengan sebab itu, saya berharap tanda harga ini kalau hendak diadakan biarlah sebagai perdagangan yang besar-besar ada tanda harga yang tepat, kalau boleh ada tawar-menawar lagi tidak payahlah ada tanda harga. Oleh itu, saya berharap sangat biarlah tanda harga ini betul-betul tepat dengan harga yang berpututan.

Yang ketiga, Tuan Pengerusi, saya berharap sangat terutama barang-barang dalam tin, selain daripada tanda harga, menetapkan masa keluarnya kerana benda-benda dalam tin kita tidak dapat tengok, adakah benda itu berguna atau tidak berguna lagi. Misalnya kalau benda itu sudah sampai 3-4 tahun dalam tin, boleh jadi dilapkan oleh pekedai tadi masih elok, tetapi bila dibuka benda itu sudah terlampau lama, harus tidak dapat digunakan lagi kerana benda ini selalu berlaku.

Tuan Pengerusi, saya akan bercakap ringkas kerana akan memberi peluang juga kepada rakan-rakan yang lain. Saya pergi kepada Butiran 1100, Aktiviti (4) Kemajuan dan Penggalakan Perdagangan. Saya berpendapat di Perlis, negeri saya, sebagai pintu masuk ke Malaysia, walaupun tidak semaju Singapura ataupun Johor Bahu, tetapi tahulah siapa yang selalu ke sana, khasnya ke Padang Besar, pelancung amat banyak, apatah lagi di musim dekat bulan puasa dan musim cuti sekolah seperti hari ini.

Saya biasa bercakap dalam Dewan ini, sampai 100 buah bas di sana, walaupun tempat itu kita tengok tidak begitu selesa, pelancung sangat banyak. Jadi, peluang yang dapat kepada pelancung yang datang daripada Malaysia ini yang saya yakin kadang-

kadang kalau hendak dikatakan 1 juta orang harus tidak ada, tetapi banyak pelanggan datang daripada Utara Perak, daripada Kedah dan kadang-kadang kalau daripada Selangor sekalipun melawat Perlis, Padang Besar itulah satu-satunya tempat yang mesti dilawati kerana di sana banyak barang yang murah. Tetapi yang sedih, tempat pekan yang menjadi tempat membeli-belah yang satu hari berpuluh ribu, harus 100,000 ialah di balik Siam ataupun di balik Thai. Alangkah bahagiannya kalaulah tempat yang begitu ada dibunuh dalam negara kita Malaysia, khasnya diadakan zon perdagangan di situ, saya yakin banyak pekerja-pekerja dan pekedai-pekedai dapat diadakan di sebelah Malaysia, khasnya di Padang Besar dan kita akan dapat banyak pekerja dan kita juga akan dapat banyak hasil. Hari ini kita cuma dapat sedikit untung, kadang-kadang Kastam ada yang diambil cukai dan ada yang dia tidak ambil secara timbang rasa yang terlampau sedikit, tetapi kalau kita ada Zon Perdagangan Bebas, saya yakin negeri kita bertambah banyak mendapat pendapatan, khasnya di Perlis banyak lagi jalan-jalan ke Padang Besar akan bertambah maju dalam segala seginya. Dengan sebab itu, saya merayu patut diadakan, apatah lagi sekarang sudah ada pagar. Pagar yang dibuat di situ sangat baik, buat pula satu zon perdagangan bebas di situ, Perlis akan bertambah maju. Apabila Perlis maju Malaysia pun maju kerana Perlis sebahagian daripada Malaysia.

Tuan Pengerusi, tentang impot eksport. Saya ucapkan terima kasih kepada Kerajaan khasnya Kementerian yang berkenaan menjaga hak kepentingan industri. Dengan sebab itu, kadang-kadang ada di antara barang-barang yang diharam daripada impot, tidak boleh, kerana hendak jaga industri yang ada dalam Malaysia. Ini saya tidak bangkang, tetapi saya minta satu lagi, kalaulah kepada industri yang dimonopoli oleh semua bangsa, khasnya pekerja-pekerja luar bandar—maaf, Tuan Pengerusi, kalau saya sebut, bukan kebanyakannya Bumiputra, tidakkah teringat kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang berkenaan akan mengawal juga pendapatan hasil pertanian yang dikeluarkan oleh petani-petani.

Seperti hari ini, saya dapat tahu bawang putih, bawang merah, cabai, ubi kentang dan sebagainya dibawa masuk dari negeri-negeri

lain dengan sebegitu banyak. Tetapi kalaulah benda-benda ini ditahan, saya yakin apa yang ada dalam Malaysia, seperti bawang putih, bawang merah, cabai dan sebagainya akan ditanam oleh petani-petani. Hari ini petani cukup rajin, tetapi malangnya kerana saya juga petani, saya tahu, bila ditanam dengan begitu banyak harganya tidak jadi disebabkan barang luar banyak masuk.

Saya masih teringat lagi kerana saya biasa di Padang Besar. Satu ketika dahulu bila orang Thai nampak kita bawa epal, bukan setakat hendak diambil cukai di sana, tidak, tetapi mereka pun syok juga kepada epal. Tetapi hari ini boleh dikatakan hendak eksport impot begitu banyak kerana benda itu dijaga oleh Kerajaan Negeri yang berkenaan. Dengan sebab itu, saya berharap dan saya yakin dengan kita tahan kemasukan buah-buah pertanian ini harus akan menjadi mahal sedikit kepada pengguna-pengguna tetapi untungnya dapat, hasilnya banyak kepada petani-petani.

Kalaulah Kerajaan mengawal barang-barang luar, seperti yang saya katakan tadi, motokar dan sebagainya, seribu satu macam industri yang ada untuk hendak menahankan kedudukan industri ini supaya jangan jadi tidak laku kerana kemasukan barang luar, saya yakin kalau kemasukan ini terlampau banyak harus barang ini lagi murah, tetapi saya ucap syabas kepada Kerajaan hendak tahan, hendak jaga industri ini jangan mati tidak berkubur. Itu saya tidak mahu bangkang, tetapi di samping itu tolonglah jaga sama hak pendapatan petani, macam mana hendak jaga industri yang ada di bandar-bandar, khasnya bukan Bumiputra itu maksud saya Tuan Pengerusi dan Timbalan Menteri.

Tuan Pengerusi, di segi ini saya bercakap juga berkenaan dengan Kemajuan dan Penganjuran Perdagangan ini, saya masuk kepada bahagian Kemajuan Perindustrian. Hari ini di Perlis ada dua perindustrian yang besar, satu kilang simen dan yang kedua kilang gula yang nikmatnya sampai hari ini. Kilang gula ini nampaknya bertambah baik tetapi menjadi dua masalah, pada pendapat saya, yang patut dikaji. Satu, tentang pekerja-pekerja mahir. Buruhnya anak Perlis tulin, tulin 100% anak Perlis

buruh kasar, baikpun cara yang berpendapatan tetap, gaji bulanan ataupun gaji harian. Itulah nasib anak Perlis yang banyaknya, syukurlah juga ada kilang simen. Tetapi kalau ditengok semula kepada pekerja mahir yang gajinya lumayan, amboi sedih, payah hendak cari anak Perlis, kalau adapun, sedikit sangat dan payah pula hendak cari bumiputra, kalau adapun sedikit sangat. Tidak tahulah kalau silap saya kurang kemahiran, tetapi saya biasa dengar disungutkan oleh pihak yang berkenaan: kami tidak kurang kemahiran, tetapi apakah malangnya nasib kita di Perlis, hak kita yang banyak sekali ialah buruh kasar, tolonglah awasi perkara ini. Ada ladang tebu, saya ucapkan berbanyak terima kasih dapat kerja, tetapi itu setengah daripadanya.

Yang kedua, biasa disungut oleh pihak-pihak yang berkenaan kononnya hasil tebu ini lebih banyak daripada hasil padi dan boleh jadi setimpal dengan tembakau dan ada pihak yang berkenaan mencadangkan supaya akan diambil tanah lagi, akan dijadikan ladang tebu. Agak saya rumit sedikit kerana boleh jadi petani-petani harus tidak bagi. Alangkah baik kalau dibuat macam mana dibuat Lembaga Tembakau Negara (LTN). Kilangnya dibuat oleh Lembaga Tembakau Negara. Ada tiga segi, pengawit, penanam dan pengilang. Jadi, diminta kepada petani-petani tadi, siapa yang ada tanah biar tanam sendiri di tempatnya, kemudian pihak pengilang tadi beli daripada petani-petani sendiri dengan syarat-syarat yang dikehendaki sepertimana yang dibuat oleh Lembaga Tembakau Negara sekarang. Tembakau sekarang kalau hendak hisap buat curut tidak tertanam, tidak ada kilang curut, tetapi dibuat kilang rokok seperti yang saya tahu di Kelantan tanam tembakau, Perlis tanam tembakau, Kedah tanam tembakau, di negeri lain pun ada tanam tembakau, tetapi yang paling banyak sekali tanam tembakau ialah di Kelantan. Daun tembakau itu dibawa ke kilang mengikut syarat yang dikehendaki oleh pengilang. Petani hendak mencari wang, kalau mengikut kehendak harga itu mahai dia akan ikut syarat itu. Jadi, saya ingat ini juga satu perkara. Kalaulah satu hari kita fikir tebu tidak berharga lagi, tidak dikehendaki, tanah pun tidak sia-sia.

Pihak kompeni sebagai pembeli tebu tidak rugi dan pihak tuan tanah tadi mengikut keadaan masa dan suasana.

Tuan Pengerusi, bercakap saya juga berkenaan dengan kemajuan industri sebagaimana saya katakan tadi, diharap sangat apa yang saya kata itu mendapat sambutan dan ini menjadi muslihat khususnya kepada rakyat di Perlis.

Tuan Pengerusi, dalam perkara II, tentang metrik agak saya walaupun kata Timbalan Menteri kita sudah maju tetapi saya takut ada setengah orang kampung sekarang ini tak begitu faham sangat. Kalau saya hendak ajak bawa balik kepada kati harus kata orang ketinggalan zaman. Saya pun tak tahu tetapi kalau macam mana biarlah terang betul-betul kepada penduduk dan saya berharap sangat Tuan Pengerusi, sistem metrik atau kati biarlah diperiksa selalu dalam kedai. Setengah kedai ada juga dikata kalau tak kecoh itu bukan pekedai, cari makan asalkan dapat wang, dia kata ikut manapun dia terpaksa buat.

Tuan Pengerusi, saya berharap supaya kati-kati itu diperiksa selalu dalam Bahagian Penguatkuasa ini dalam kati-kati. Apa yang saya katakan tadi haraplah diperiksa selalu supaya janganlah selalu pengguna-pengguna tadi terkena aniaya kerana benda ini selalu berlaku dan kadang-kadang biasa dekat dengan hendak bergaduh dikedai perkara kati tak betul. Pihak pekedai bila diperiksa dia cari satu kati yang betul-betul ada ikut aturan tetapi bila tak periksa kati tadi diganti dengan kati lain. Saya berharap diperiksa dengan betul jangan bagi surat, sekian hari aku hendak pergi ke kedai awak, hendak periksa, dia pun readylah dengan kati-kati yang betul cukup mengikut peraturan tetapi kati-kati masa lain mereka tak pakai yang itu. Ada ini bukan semua pekedai saya tak kata semua, ada yang berlaku perkara macam itu. Dengan sebab itu, Tuan Pengerusi, saya haraplah peperiksaan yang saya katakan tadi cara menjejut.

Tuan Pengerusi, P.25 yang akhir Butiran 2—Perbadanan Kemajuan Pelancungan. Saya percaya dalam pelancungan ini Kerajaan kita juga telah dapat wang yang banyak. Di samping itu Tuan Pengerusi, pelancungan ini juga

membawakan aibnya Kerajaan kita di-negara luar dan membawa tak baiknya dalam negeri kita disebabkan pelancungan. Maka dengan sebab itu di samping kita mencari kawan dan keuntungan dengan kerana pelancungan harap moral pelancung hendaklah dijaga, orang-orang yang hendak ke luar negeri pun kita jaga supaya jangan ada orang-orang yang hendak ke luar negeri pergi negeri mana-mana dengan pakaian tak senonoh, tak jaga adab sopan Malaysia maka dengan sebab seorang dua ataupun satu rombongan yang pergi melancung dikatakan: beginikah perangai orang-orang Malaysia, buat kata orang janganlah kerana orang melancung itu membawa imej Malaysia kita tak baik dan juga sebab siapa yang hendak melancung kesini pun janganlah pakai tak senonoh rambutnya bukan-bukan kita biarkan masuk ke sini. Ini membawakan keadaan anak muda kita tertarik dengan pengaruh yang bukan-bukan. Pada pendapat saya, yang hendak keluar negeri pun eloklah kita kaji, membawa imej kita baik yang hendak masuk negeri pun hendaklah kita kaji supaya jangan ada rakyat kita terikut dengan perkara yang tidak baik.

Jadi setakat itulah sahaja, Tuan Pengerusi, maka dengan ini saya sokong peruntukan yang dibawa oleh Timbalan Menteri berkenaan.

5.44 ptg.

**Tuan Muhiyuddin bin Haji Mohamed Yassin (Pagoh):** Tuan Pengerusi, saya menarik perhatian Majlis Dewan ini kepada Maksud B.25, Kementerian Perdagangan dan Perindustrian di bawah Aktiviti (4) berhubung dengan Kemajuan dan Penggalakan Perdagangan khususnya berkenaan dengan perkara (ii) yakni Perdagangan Antarabangsa.

Kita mengucapkan tahniah kepada pihak Kementerian yang telahpun menjalankan beberapa usaha dan tindakan untuk menggalakkan perkembangan pasaran bagi bahan-bahan dan hasil-hasil keluaran negara ini di peringkat luar negeri dan saya percaya rancangan-rancangan dan usaha-usaha ini akan terus dilanjutkan bagi meningkatkan lagi pendapatan negara hasil daripada eksport ke luar negeri. Di dalam konteks ini saya percaya peranan yang penting haruslah dimainkan juga oleh pihak swasta bagi

mencapai matlamat supaya hasil pendapatan dari segi eksport kita akan bertambah.

Tuan Pengerusi, di dalam konteks ini saya juga ingin memberikan pandangan untuk meningkatkan lagi penyertaan pihak swasta di dalam bidang perdagangan eksport dan khususnya di dalam konteks mengeluarkan lagi bahan-bahan keluaran negara ini di-seberang laut maka perhubungan yang rapat di antara pihak swasta dan juga Kerajaan hendaklah diwujudkan. Pada pandangan saya sekarang ini belum ada lagi satu majlis yang telahpun ditubuhkan ataupun dirancang untuk memberikan peluang kepada pihak pengeksport-pengeksport negara ini untuk sama-sama menyertai dengan Kerajaan di-dalam satu badan untuk menggalakkan serta menambahkan pendapatan negara dalam bidang ini.

Satu perkara yang kita hadapi walaupun Yang Berhormat Timbalan Menteri telah menerangkan tadi bahawa pada keseluruhannya hasil pendapatan negara khususnya dalam masalah imbalan perdagangan negara kita semakin lama semakin bertambah tetapi sekiranya dikaji dari segi kedudukan imbalan perdagangan dengan negara-negara yang maju kedudukan negara kita masih jauh ke belakang dan mungkin kita menghadapi masalah kekurangan (deficit) di dalam imbalan perdagangan. Oleh yang demikian saya percaya sekiranya tindakan yang tegas dan lebih berkesan dapat diambil khususnya dalam konteks perdagangan antarabangsa ini oleh pihak Kementerian bersama-sama dengan majlis yang saya cadangkan tadi, maka masalah-masalah yang dihadapi khususnya dari segi menghapuskan ataupun mengurangkan sekatan-sekatan dan tarif-tarif yang dihadapi oleh pengeksport-pengeksport negara ini akan dapat diatasi. Dalam konteks ini saya suka mencadangkan supaya satu Majlis Penasihat dan Perundingan Pengeksport Malaysia (MPPPM) ditubuhkan di mana di dalam badan atau majlis itu pihak Kerajaan bersama dengan pihak swasta dapat berunding dan juga merangka rancangan supaya usaha-usaha yang dibuat oleh Kerajaan akan dapat berkesan lagi dalam bidang eksport antarabangsa.

Tuan Pengerusi, saya ingin menyentuh Maksud B.25, Aktiviti (10) berhubung

dengan Penyertaan Bumiputra. Satu perkara yang selalu dipersoalkan dan juga menjadi perbincangan hangat sekarang ini ialah soal equity participation ataupun penyertaan equity bumiputra di dalam syarikat-syarikat swasta dan juga syarikat-syarikat separuh Kerajaan. Di dalam hal ini apa yang kita ketahui sebahagian besar dari ekuiti ataupun saham-saham telahpun diperuntukkan melalui Kementerian ini untuk dijual ataupun untuk diagihkan kepada orang-orang perseorangan ataupun syarikat-syarikat bumiputra. Tetapi apa yang mendukacitakan, apa yang saya ketahui hanya lebih kurang 17% sahaja daripada jumlah saham-saham yang diperuntukkan kepada bumiputra telahpun diambil dan kalau dikira mengikut peratusan ini sebahagian besarnya adalah dipegang oleh badan-badan dan agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan dan kalau dikira dari segi jumlah penyertaan Bumiputra perseorangan dari segi pemilikan saham dan ekuiti di dalam syarikat-syarikat yang berkenaan saya percaya tidak lebih daripada 2% sahaja yang ada di tangan Bumiputra perseorangan ataupun syarikat-syarikat Bumiputra. Oleh yang demikian, perkara ini adalah satu perkara yang besar sebab saya percaya satu daripada matlamat Dasar Ekonomi Baru Kerajaan ialah untuk melihat sekurang-kurangnya 30% daripada hakmilik saham syarikat-syarikat swasta dan juga syarikat-syarikat separuh Kerajaan akan dipegang oleh Bumiputra dan sekiranya keadaan ini berlanjutan kita khuatir bahawa matlamat yang kita harapkan tidak akan tercapai.

Kita mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri yang telahpun mengumumkan bahawa Yunit Penyertaan Bumiputra khususnya dalam soal pembahagian saham ini akan diperkemaskan lagi. Saya percaya tindakan ini adalah suatu tindakan yang wajar oleh sebab mengikut apa yang telahpun diketahui bahawa penyertaan bumiputra dari segi ekuiti, syarikat-syarikat yang saya sebut tadi masih jauh ketinggalan. Tuan Pengerusi, dalam hal ini juga saya percaya tindakan yang tegas haruslah diambil khususnya dalam bidang yunit penyertaan bumiputra ini untuk mengkaji sebab-sebab mengapa saham-saham yang diperuntukkan kepada bumiputra itu

masih belum diambil dan juga mengkaji sebab-sebab mengapa, walaupun umpamanya baru-baru ini Tabung Amanah Saham MARA ke sepuluh dan ke sebelas dilancarkan dan sambutan begitu menggalakkan, saham yang telahpun diperuntukkan melalui Kementerian ini tidak dapat diambil ataupun dibeli oleh bumiputra yang berkenaan.

Jadi saya percaya sekiranya satu jawatan-khusus khas dapat dibentuk dan ditubuh bagi mengkaji perkara ini maka satu pengakuan dapat dibuat dan tindakan-tindakan dan rancangan-rancangan yang lebih berkesan akan dapat diatur bagi menentukan supaya satu skim yang integrated dan juga satu cara yang lebih berkesan dapat diadakan supaya pihak bumiputra perseorangan dan syarikat-syarikat persendirian bumiputra akan dapat melibatkan diri dalam soal pemilikan saham-saham sebagaimana yang saya terangkan tadi.

Tuan Pengerusi, saya ingin juga menyentuh Maksud Bekalan 25, Butiran 4100, Aktiviti (14)—Perbadanan Kemajuan Pelancungan (TDC) di mana sejumlah \$14,967,900 telahpun diperuntukkan sebagai anggaran bagi tahun 1979. Saya percaya industri pelancungan merupakan satu industri yang baru bagi negara kita ini yang sekarang ini pihak Kerajaan telahpun menyedari bahawa begitu pentingnya industri ini diperluaskan. Setakat ini kita ketahui dan kita mengucapkan tahniah kepada pihak Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia yang telahpun mengadakan rancangan-rancangan dan usaha-usaha bagi menggiatkan lagi dan menarik lebih ramai lagi pelancungan masuk ke negara kita. Tetapi walaupun begitu, kita masih lagi jauh daripada matlamat yang kita harapkan dari segi hendak menggalakkan perusahaan pelancungan, pertamanya dari segi kontek pelancungan di dalam negeri dan keduanya pelancungan di luar negeri. Kita masih belum melihat dan merasakan tindakan-tindakan yang lebih berkesan yang disusun untuk menggalak pelancungan di dalam negeri, walaupun saya percaya usaha-usaha sudah dibuat tetapi apa yang dapat kita rasakan perkara ini belum lagi mencukupi. Bahkan di dalam peruntukan khususnya

di bawah Maksud Pembangunan 25 tidak ada peruntukan langsung dibuat selain daripada \$250,000 untuk memperkembangkan ataupun menggiatkan usaha-usaha yang dijalankan oleh pihak TDC. Kita berharap pihak Perbadanan Kemajuan Pelancungan Malaysia akan dapat merancang dan juga mengatur serta mengambil tindakan-tindakan yang lebih berkesan untuk menarik pelancung-pelancung daripada luar negeri. Saya percaya pihak TDC telahpun menubuhkan banyak cawangan-cawangannya di luar negeri tetapi sebagaimana yang telahpun dimaklumkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi usaha-usaha yang telahpun dijalankan dahulu merupakan tumpuan pengiklanan yang ditujukan kepada pihak-pihak badan-badan perdagangan sahaja dan saya percaya tindakan yang lebih berkesan haruslah diambil untuk menumpukan soal mengiklan kedudukan negara kita sebagai satu tourist spot dari segi pengguna-pengguna.

Tuan Pengerusi, seperkara lagi berhubung dengan pihak TDC ialah berhubung dengan projek-projek yang sudahpun dijalankan oleh pihak Perbadanan ini. Banyak rancangan-rancangan yang telahpun dilancarkan, tetapi saya percaya banyak kelemahan-kelemahan yang perlu diperbaiki. Umpamanya beberapa projek yang telahpun dilancarkan, contohnya Komplek Bukit Nenas di Kuala Lumpur. Kita percaya usaha yang telahpun dijalankan oleh TDC dan khususnya pihak-pihak Kementerian ini adalah untuk menggalakkan pelancungan di dalam negeri, selain daripada pelancungan luar negeri. Tetapi apa yang saya rasakan bahawa kompleks ini belum lagi dapat berjaya mencapai matlamatnya untuk menarik pelancung di dalam negeri dan juga di luar negeri. Walaupun usaha-usaha sudah diadakan, umpamanya mengadakan kedai-kedai yang menjual barang-barang yang tidak dikenakan cukai dan sebagainya tetapi usaha-usaha yang lain harus juga dijalankan bagi menarik pelancung-pelancung luar negeri.

Tuan Pengerusi, saya suka menarik perhatian Dewan kepada perkara Butiran di bawah 1100 Aktiviti (3)—Bahagian Penguatkuasa, di mana jumlah sebanyak \$1,687,000 telahpun diminta sebagai anggaran bagi tahun 1979. Anggaran ini

adalah kurang sebanyak \$14,500 sedangkan saya percaya dari segi tindakan yang harus dijalankan oleh pihak Kementerian usaha-usaha yang lebih luas dan juga penguatkuasaan dan kawalan yang lebih berkesan harus diambil bagi menentukan segala peraturan-peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan oleh pihak Kerajaan dari segi mengawal harga barang-barang, mengawal bekalan barang-barang perlu, mengadakan perintah-perintah berkenaan dengan penggunaan perkataan “halal” di atas barang-barang makanan dan sebagainya akan dapat dijalankan dengan lebih berkesan lagi. Saya mengucapkan tahniah di atas tindakan yang sudah diambil bagi menambahkan jumlah kakitangan di Bahagian Penguatkuasaan kepada 304 orang, tetapi saya merasakan bahawa jumlah ini masih lagi belum mencukupi kalau dipandang dari segi keluasan kawasan dan usaha-usaha yang lebih banyak harus dijalankan bagi menguatkuasakan undang-undang tersebut. Di dalam konteks ini saya suka menyentuh satu perkara juga dalam bidang penguatkuasaan khususnya berkenaan Akta Kawalan Bekalan 1961 dan 1974 yang harus dikuatkuasakan. Di dalam konteks ini selalu sahaja timbul di kalangan peniaga-peniaga dan juga pembuat-pembuat tempatan bagi mengadakan perkara yang disebutkan dalam bahasa Inggeris “artificial shortage” ataupun kekurangan bekalan yang disengajakan. Perkara ini selalu berlaku sebagaimana juga Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain telah menerangkan masalah-masalah yang dihadapi oleh peniaga-peniaga bumiputra dan juga lain-lain peniaga dari segi bekalan-bekalan yang dikeluarkan oleh pembekal-pembekal tertentu. Jadi saya percaya sekiranya penguatkuasaan dapat dijalankan dengan dapat menambah jumlah kakitangan yang lebih maka masalah-masalah seperti ini akan dapat dikurangkan bahkan akan dapat juga diatasi dengan sebaik-baiknya.

Seperkara lagi berkenaan dengan penguatkuasaan dan selalu juga diperkatakan sekarang ini soal menggunakan perkataan “halal” di atas barang-barang makanan ataupun barang-barang dalam tin dan sebagainya yang dikeluarkan oleh pembuat-pembuat tempatan. Perkara ini kalau hendak dianggap sensitif boleh dikira sebagai sensitif

dari segi bidang perniagaan. Sebab soal penggunaan perkataan "Halal" ini sekarang ini seolah-olah luas digunakan tetapi pengawalan dari segi kegunaan ini kurang sangat. Ini akan menimbulkan satu implikasi yang buruk dan juga satu kesan yang kurang baik khususnya di kalangan masyarakat kita yang beragama Islam. Jadi dalam hal ini juga soal penguatkuasaan Undang-undang Perintah Perihal Dagangan dan Penggunaan (Perbahasaan) Halal, 1975 hendaklah dikuatkuasakan. Untuk tujuan ini sekiranya tenaga dan juga jumlah kakitangan yang ada sekarang tidak mencukupi, saya percaya pihak Kerajaan-kerajaan Negeri melalui Majlis-majlis dan juga Jabatan-jabatan Hal-ehwal Ugama Negeri akan sedia bekerjasama dengan pihak Kementerian bagi menentukan supaya penggunaan perkataan "halal" di atas barang-barang ini hanya akan digunakan kepada barang-barang yang telah disahkan oleh pihak Majlis yang berkenaan dan juga dengan kerjasama pihak SIRIM ataupun badan-badan agensi Kerajaan yang berkenaan.

Tuan Pengerusi, saya sekali lagi menyokong peruntukan yang telahpun diminta di bawah Kementerian ini.

**Tuan Pengerusi:** Saya jemput Yang Berhormat Timbalan Menteri menjawab.

6.00 ptg.

**Dato' Lew Sip Hon:** Tuan Pengerusi, terlebih dahulu sukalah saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membuat teguran-teguran dan syor-syor yang begitu membina mengenai perkara-perkara di bawah jagaan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Seramai 7 orang Ahli-ahli Yang Berhormat telah membuat teguran. Di sini jika saya tidak dapat menjawab dengan tepat soalan-soalan yang dibangkitkan atau teguran-teguran yang dibuat, bolehlah saya memberi jaminan di sini bahawa semua teguran yang dibuat itu akan diteliti oleh Kementerian saya dan saya ucapkan terima kasih kepada semua cadangan-cadangan yang dibuat itu.

Ahli Yang Berhormat dari Kepong telah memperkatakan bahawa pada masa sekarang ialah satu masa yang dikatakan revolusi industrialisation di mana kita mesti ada satu

sikap baharu, satu approach baharu untuk mempergiatkan lagi pembangunan dalam kalangan perindustrian. Saya bersetuju dengan teguran-teguran yang dibuat itu, dan masalah untuk memperolehi teknologi baharu, memang dalam mewujudkan perindustrian di sini, kita mestilah mengkaji apa-apa perjanjian atau technical agreement yang mana kita terhad kepada royalty yang di minta oleh pihak yang datang dari luar negeri. Cadangan yang dibuat oleh Yang Berhormat tadi, kita mestilah adakan satu bulan technical dan vocational bagi kilang. Ini adalah satu pandangan yang baik di mana saya boleh kemukakan kepada Persatuan Kilang-kilang Malaysia atau FMN atau MCCI supaya perkara ini dapat dikaji.

Mengenai dengan tenaga technical dan vocational, ini memang dititikberatkan oleh Kementerian Pelajaran dan juga Kementerian Buruh dan Tenaga Rakyat.

Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar telah memperkatakan bahawa Majlis Penasihat Pelindung Pengguna Kebangsaan adalah satu badan penasihat yang tidak berkesan untuk melindungi kepentingan pengguna-pengguna. Suka saya menyatakan di sini bahawa sejak tahun 1974 Majlis itu ditubuhkan, sumbangan-sumbangan yang besar telahpun diberi untuk membantu Kerajaan mengatasi masalah-masalah yang dihadapi oleh pengguna-pengguna. Keanggotaan Majlis ini seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum adalah terdiri daripada sektor swasta, ikhtisad dan masyarakat-masyarakat yang membolehkan pihak Majlis menyungkil idea-idea yang bernas dan mengemukakan cadangan-cadangan yang constructive. Jadi, issue yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Kuala Lumpur Bandar ialah tugas untuk melindungi pengguna-pengguna, baik yang dijalankan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian atau Jabatan Perdana Menteri mengenai syor supaya satu Jabatan Hal Ehwal Pengguna diwujudkan.

Dalam pengalaman saya semasa berada di Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, banyak masalah atau issue-issue pengguna yang perlu dititikberatkan ialah kebanyakannya mengenai harga dan bekalan barang-barang keperluan yang pada masa ini

dikuatkuasakan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Dan ini apabila dibincangkan di Majlis Penasihat boleh dikuatkuasakan oleh Kementerian Perdagangan dan Perindustrian, oleh kerana banyak undang-undang seperti Ordinan Kawalan Harga, Akta Kawalan Bekalan, Akta Perihal Perdagangan dan sebagainya, semuanya di bawah jagaan Kementerian. Ini ialah kerana kerjasama rapat di antara Majlis dengan Kementerian saya. Juga bidang-bidang kepentingan pengguna, saya bersetuju sungguhpun ada lain-lain perkara seperti perumahan, pengangkutan, baharu-baharu ini pula tarif bekalan elektrik dan juga pencemaran alam sekitar, ini di luar jagaan daripada Kementerian saya, tetapi Majlis ini dari satu masa ke satu masa ada hubungan, ada perbincangan dengan badan-badan yang berkenaan dan kita dapat mengkaji, seterusnya cadangan-cadangan ini pun telah dikemukakan kepada badan-badan yang berkenaan supaya kita boleh mengatasi apa-apa masalah yang dihadapi oleh pengguna-pengguna. Tetapi sebab yang paling mustahak ialah Majlis ini perlu diletakkan di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ialah oleh kerana tugas-tugas dan tanggungjawab Kementerian pada keseluruhannya berhubung rapat dengan sektor swasta seperti sektor perkilangan, perniagaan, pengimpot dan dengan ini saya tidak bersetuju boleh menimbulkan conflict of interest yang mana dikatakan Kementerian ini menjaga kepentingan pengguna tetapi kita juga hendak menjaga kepentingan pengeluaran.

Kementerian saya ada kuasa boleh menyelaraskan apa-apa yang diminta oleh pengguna-pengguna dan ini dibuktikan oleh kejayaan yang kita capai dalam masa ini yang mana Majlis Pelindung Pengguna Kebangsaan ini di bawah Kementerian saya. Walau bagaimanapun, sukaulah saya memberi tahu bahawa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian sekarang sedang mengkaji semula Bahagian Hal Ehwal Pengguna yang menjaga Majlis atau menjadi Urusetia Majlis Penasihat ini dalam menyusun semula structure dan bidang tugas yang lebih menyeluruh dan kajian juga sedang dibuat ke arah penyusunan semula Majlis terutamanya mengenai status bidang tugas, sebab sekarang ini status satu badan

penasihat, tidak ada kuasa executive. Jadi, kita hendak mengkaji status ini, bidang tugas, keanggotaan structure dan organisasinya. Dan kajian ini walau bagaimanapun perlulah dibuat dengan rapi dan mendalam sebelumnya dikemukakan untuk pertimbangan Kerajaan.

Berkenaan dengan "one-stop agency" di FIDA katanya tidak cukup, barangkali Ahli Yang Berhormat tidak mendengar apa yang saya katakan "one-stop agency" ini ialah langkah pertama untuk mencapai "package deal" system yang mana semua kelulusan dapat dibuat dengan serentak. Jadi, ini cuma langkah pertama.

Berkenaan dengan apa-apa bantuan dan nasihat yang patut diberi kepada sektor perusahaan kecil (small-scale industries), saya bersetuju small-scale industries ini ialah yang akan memainkan peranan yang penting dalam ekonomi negara, sebab tidak kurang 3/4 daripada kilang-kilang ini terdiri daripada small-scale industries. Kerajaan telahpun memberikan perhatian yang rapi dalam bidang potensi-potensi, pekerja-pekerja yang boleh ditubuhkan oleh small-scale industries dan juga sumbangannya kepada ekonomi. Memandangkan peranan penting yang dapat dimainkan oleh perusahaan-perusahaan kecil di dalam ekonomi negara, Kerajaan telah mengambil langkah untuk menubuhkan satu Majlis Penasihat yang dipanggil Majlis Penyelarasan bagi Pembangunan Perusahaan-perusahaan Kecil yang dipengerusikan oleh Penasihat Ekonomi kepada Perdana Menteri dan Majlis ini mengandungi badan-badan seperti FIDA, MIDF, SIRIM, CGC, MARA, Bank Pertanian, Bank Pembangunan dan EPU di Jabatan Perdana Menteri. Majlis ini yang bertindak sebagai Penasihat akan berupaya untuk menyelaras usaha-usaha dari agensi-agensinya untuk memastikan satu perkhidmatan perundingan yang baik bagi pengusaha-pengusaha kecil dalam usaha-usaha untuk meninggikan taraf hidup mereka.

Bantuan yang kita boleh beri kepada perusahaan-perusahaan kecil ialah langkah-langkah seperti mengatasi masalah-masalah kewangan, masalah tanah seperti yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat tadi dan juga masalah kelemahan dalam hal-hal pengurusan (management). Umpamanya kalau ada masalah kewangan sekarang, Majlis

ini akan berhubung dengan MARA atau MIDF atau Bank Pembangunan atau CGC supaya kemudahan-kemudahan dapat disalurkan kepada perusahaan-perusahaan itu. Dan juga latihan sekarang ini dijalankan oleh Pusat Daya Pengeluaran Negara (NPC) dan MARA dan ini ialah langkah-langkah yang mana kita boleh meninggikan lagi taraf kemahiran teknikal dan pengurusan supaya industri-industri kecil ini dapat memainkan peranan yang berkesan bagi ekonomi negara kita ini.

Berkenaan dengan apakah tugas Bahagian Penyelidikan Perancangan dan Penyelarasan, sepertimana yang ditunjukkan ini ialah satu Bahagian yang boleh dikatakan "the brain of the Ministry" yang mana kita buat kajian, buat survey untuk mengutip angka-angka statistik, kita buat rancangan (planning), dan juga yang mustahaknya koordinasi penyelarasan, bukan sahaja di antara bahagian-bahagian di dalam Kementerian bahkan juga berhubung dengan Kementerian yang lain. Seperti Ahli Yang Berhormat kata tadi, kalau kita hendak menggunakan lebih lagi Lapanganterbang Senai atau Pelabuhan Pasir Gudang di Johor, maka ini dapat kita menyelaraskan. Ini ialah tugas Bahagian ini. Cuma masalah-masalah kakitangan dan pegawai sahaja yang tidak berapa cukup di Bahagian ini.

Berkenaan dengan barang palsu, kita telah buat tindakan di bawah Trade Descriptions Act yang mana kita telah mendakwa perkara-perkara ini, seperti saya katakan tadi dalam satu tahun sahaja 1,400 lebih kes yang dibuat kepada mahkamah. Ini menunjukkan bagaimana giat langkah-langkah yang diambil oleh Bahagian Penguatkuasa untuk mencegah amalan-amalan atau tekanan-tekanan buat barang palsu.

Berkenaan dengan shelf-life, ini boleh saya katakan bahawa pada mulanya ialah Ordinan Jualan Makanan dan Dadah, 1952. Ini di bawah Kementerian Kesihatan yang mempunyai peruntukan untuk mengawal penyediaan dan penjualan makanan serta ubat-ubat supaya barang atau makanan tidak mengancam keselamatan pengguna jika difahamkan usaha ini dibuat. Ini boleh dijalankan di bawah undang-undang ini dan ini juga dibincangkan di Majlis Penasihat

Pengguna yang mana Ahli Yang Berhormat katakan Majlis itu tidak bagus, tidak berkesan. Perkara seperti ini telah dibincangkan supaya kita boleh dapat satu langkah untuk mengatasi masalah berkenaan dengan barang-barang yang disimpan dalam setok itu yang sudah lama dan syor-syor ini akan dibuat kepada Yang Berhormat Menteri, kalau perlu satu undang-undang baru ditubuhkan di bawah jagaan Kementerian saya, boleh kita buat langkah seperti itu.

Ahli Yang Berhormat dari Tumpat telah membangkitkan perkara berkenaan dengan buah-buahan yang mana baru-baru ini cukai telah diturunkan 5% tetapi kata Ahli Yang Berhormat itu, harga runcit tidak turun selaras dengan turunnya kadar cukai. Boleh saya katakan di sini, kita telah buat satu kajian dan disini saya ada satu laporan daripada Bahagian Penguatkuasa yang bertarikh 20hb Oktober yang mana kajian sudah dibuat dan di seluruh negara dan pemeriksaan ini dijalankan oleh pegawai-pegawai Penguatkuasa di semua negeri-negeri di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak dan kitapun ada mesyuarat dengan wakil-wakil Malaysian Fruit Wholesellers' Association dan pengimpot-pengimpot bertempat di Kuala Lumpur.

Jadi buah-buahan pada keseluruhannya yang diimport di Malaysia adalah dari China, Amerika, Australia dan New Zealand. Semua buah-buahan dari China masuk melalui Singapura tetapi buah-buahan dari Amerika, Australia masuk melalui Pelabuhan Kelang atau Pulau Pinang. Ini ialah keputusan yang kita lepas kajian ini pada keseluruhannya kejatuhan harga di peringkat runcit adalah seperti berikut:

Buah apple di antara 8 sen sampai 15 sen sebiji;

Buah limau di antara 5 sen hingga 10 sen sebiji;

Buah anggur di antara 40 sen hingga 80 sen satu paun atau \$1.00 hingga \$1.05 sekati.

Buah pear di antara 10 sen hingga 20 sen sebiji atau 30 sen hingga 60 sen sekati.

Jadi boleh dikatakan kadar kejatuhan harga pada keseluruhannya ada di antara 20% dan 29% di peringkat peruncit. Ini sudah kita kaji dan kita puashati bahawa harga buah-buahan sudah turun. Barangkali ada lain-lain barang yang belum turun lagi, umpamanya cosmetic dan juga TV, ini pun kita telah beri amaran. Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sendiripun telah beri amaran dan baru-baru ini Menteri Kewangan pun telah beri amaran. Kalau harga ini lepas satu waktu yang kita anggap sesuai, ianya tidak turun juga kita mesti ambil langkah. Tetapi buah-buahan itu sudah turun harga.

Berkenaan dengan penyertaan Bumiputra, saya bersetuju dengan Yang Berhormat ini kita mesti hendak kejujuran sangat perlu dalam pelaksanaan dan kejujuran ini mesti terdiri bukan sahaja daripada kalangan Bumiputra juga dari kalangan bukan Bumiputra. Jadi ini ialah tugas kami di Kementerian saya untuk menanam satu semangat seperti ini.

Ahli Yang Berhormat dari Pantii telah menimbulkan perkara berkenaan dengan barang-barang tiruan. Saya telahpun menyatakan tadi tetapi saya pun mengucapkan terima kasih kerana dia mengatakan Kementerian ini pun telah menarik minat pelaburan asing dan ini ialah satu kegiatan yang mana kita mesti buat dengan lebih berkesan sebab dalam long term atau (outlined perspective plan) pada tahun 1990 kalangan sektor pembuatan (manufacturing sector) akan jadi, kalau tidak lebih, sama penting dengan sektor pertanian dari segi ekonomi negara kita ini. Jadi pasaran akan naik kepada 26% daripada gross domestic product, oleh itu kita mesti menjalankan langkah-langkah ini dengan lebih berkesan dan lebih giat lagi.

Tadi saya sudah jawab berkenaan dengan Bahagian PTP. Kita mesti menggunakan bahan mentah yang banyak sebab kita ialah sebuah negara yang mengeluarkan bahan mentah. Bolehlah saya katakan di sini memang sudah menjadi dasar Kerajaan yang mana kita ada tambah nilai (value added) kepada barang-barang eksport. Satu contoh yang saya boleh beri ialah industri menapis minyak kelapa sawit. Mula-mula kita keluarkan cuma palm oil. Kita ada crude palm oil, dan kita eksport crude palm oil kepada

negara-negara luar dan di sana ianya ditapis dijadikan refine palm oil dan ada juga sudah diwujudkan di sini ataupun sudah sampai masanya yang mana banyak kilang sudah diwujudkan di sini ataupun sudah ditubuhkan untuk memproses dan refine crude palm oil, sampai sekarang kita pun bimbang crude palm oil di negara kita tidak cukup sebab 58 kilang telah diluluskan untuk menapis minyak kelapa sawit mentah. Sekarang kita juga menggalakkan industri yang berasaskan kepada getah asli (rubber-based industry). Ini adalah dasar Kerajaan yang kita buat sekarang.

Ahli Yang Berhormat dari Balik Pulau telah membangkitkan perkara berkenaan dengan peraturan Pendaftaran Perniagaan yang mana saya pun ada satu Akuan Pendaftaran (Certificate of Registration) yang mana sekarang kita bubuh cop. Kalau pada bulan November ini tarikh pendaftaran itu mati dia mesti kena renew. Kita harap semua lesen (Certificate of Registration) ianya macam lesen di motokar, kalau bulan Oktober ada nombor "10" dengan warna lain. Kita cuma buat satu warna sekarang tetapi ada tanda "11". Di sini kita ada menyatakan: "Surat ingatan tidak akan dikeluarkan untuk membaharui surat akuan". Ini kita telah cuba sekali, pada tahun yang lalu, saya ingat satu dua tahun lalu kita kirimkan reminder kepada semua pemegang sijil ini. Kalau kita lihat di negara kita ini sudah ada 283,000 yang didaftarkan. Jadi kita kirimkan, lebih daripada separuh saya ingat telah dikembalikan. Addressee unknown—tidak dapat. Sebab apa? Kalau dia hendak bayar, dia kata dia tidak ada di rumah. Jadi semua dikembalikan balik. Oleh sebab itu langkah itu tidak berkesan. Tetapi bagi TV dan radio barangkali dia lebih berkesan sebab bila dia dapat surat peringatan ini, dia boleh pergi ke post office untuk membayarnya. Tetapi ini mereka kena datang ke Kementerian ataupun pergi ke pejabat cawangannya. Barangkali susah bagi mereka dari kampung hendak pergi ke sana. Walau bagaimanapun, kita pun kaji bagaimana ini boleh dibuat di post office ataupun di pejabat-pejabat lain, ini kita kaji. Tetapi masalah orang yang kena denda ini malangnya dalam undang-undang, jadi kita tidak boleh bezakan undang-undang di antara orang miskin ataupun orang tidak miskin. Kalau miskin kita denda sedikit, kalau tidak miskin lain. Itu susah sedikit. Kita

boleh compound offence itu. Kalau ada dalam undang-undang ataupun kalau ada apa-apa kesalahan mesti didenda \$1,000 atau enam bulan penjara.

Tetapi Pendaftar Perniagaan ada kuasa untuk compound offence itu, selalu compound mesti ikut tarikh pembaharuan bukan tarikh sijil itu mati. Selalu masalah timbul macam mana? Kita dapat satu orang yang sudah mendaftarkan perniagaannya. Apabila dia hendak minta pinjaman daripada Bank atau kemudahan dari MARA, dia tuliskan tarikhnya barangkali tiga tahun lepas. Sebab kalau tiga tahun yang lepas dia boleh tunjuk saya sudah berniaga tiga tahun, bukan baharu sahaja ditubuhkan. Barangkali dia dapat kelulusan. Apabila Pegawai Penguatkuasa periksa, dia kata perniagaannya sudah 3 tahun ditubuhkan. Jadi dia mesti didenda mulai daripada hari yang dia sendiri mengakui perniagaan itu dimulakan. Itulah masalahnya. Kalau dia hendak ikut betul-betul kita beri grace tiga bulan tidak payah daftar. Jadi masalahnya barangkali dia ingin have the cake dan mahu makan. Itu susah sedikitlah. Ini berkenaan dengan pendaftaran.

Mengenai mengapa bilangan pengedar Bumiputra terlalu kecil. Seperti yang saya katakan tadi bilangan ini pun makin lama makin naik. Saya ingat ini boleh dikatakan memuaskan. Sungguhpun kita tidak boleh lompat tetapi kita perlahan-lahan sudah lari. Peluang-peluang perniagaan dari segi impot dan eksport memang kita edarkan melalui Dewan Perniagaan Melayu. Dan peluang-peluang pengedaran barang-barang keluaran dalam negeri adalah bertambah dengan bertambahnya pasaran. Kalau pasaran sudah meluas, bilangan pengedaran pun boleh kita tambah. Kita tidak boleh mengambil hak-hak pengedar yang sedia ada dan diberi kepada Bumiputra. Ini kita tidak boleh buat. Tetapi kalau kita ada perkembangan dapatlah beri peluang.

Walau bagaimanapun Kementerian saya sentiasa meminta syarikat-syarikat pengeluar

supaya jangan terlalu ketat dengan syarat-syarat yang perlu pada bumiputra untuk menjadi pengedar. Jadi kesusahan-kesusahan bumiputra yang disebutkan tadi adalah diambil ingatan dan Kementerian saya akan terus berusaha membantu bumiputra mengatasi masalah-masalah yang timbul.

Ahli Yang Berhormat dari Kangar....

**Tuan Pengerusi:** Masa tidak mengizinkan lagi Yang Berhormat.

**Dato' Lew Sip Hon:** Saya ingat ada lagi dua tiga perkara. Kalau Ahli Yang Berhormat itu boleh berhubung dengan saya, saya boleh beri jawapan. Kalau tidak, terpulanglah kepada Yang Berhormat Tuan Pengerusi sama ada boleh sambung esok.

**Tuan Pengerusi:** Kalau hendak disambung esok, bermakna belum diluluskan Anggaran Belanjawan ini.

**Dato' Lew Sip Hon:** Saya ingat, Tuan Pengerusi, bolehlah diluluskan hari ini.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui.

Wang sebanyak \$54,052,100 untuk Maksud B.25 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual; dan wang sebanyak \$250,020 untuk Maksud P.25 disetujui jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan, 1979.

**Tuan Pengerusi:** Esok, Majlis ini akan membincangkan dan menimbangkan Anggaran Belanjawan dua Kementerian iaitu Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan dan Kementerian Pertahanan.

*Majlis Mesyuarat bersidang semula*

**Tuan Yang di-Pertua:** Dewan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari esok, 23hb November, 1978.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*